



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH

SIRI 3



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH

SIRI 3

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH Pengurusan Perkhidmatan Keretapi Di Negeri Sabah
16	JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi
42	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH JABATAN KERJA RAYA Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi
78	LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR Projek Infrastruktur Pekan Baru
87	JABATAN KETUA MENTERI NEGERI SABAH Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.
102	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.
123	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 2 Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

11 Oktober 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH

- Pengurusan Perkhidmatan Keretapi Di Negeri Sabah

1.1. Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) menyediakan perkhidmatan keretapi sepanjang 134 kilometer yang menghubungkan Tanjung Aru hingga Tenom selaras dengan objektif JKNS untuk menghubungkan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur dengan perkhidmatan rel dan memberikan pilihan pengangkutan alternatif yang lebih murah, efisien, selamat dan selesa. Undang-undang yang diguna pakai oleh JKNS adalah *The Railways Ordinance (Sabah Cap.116)* dan *Railways (Tariff Book) Rules 1979 (G.N.S No.31 Of 1979)*. Sehingga 31 Disember 2014, JKNS memiliki sebanyak 23 unit *powered rolling stock* serta 72 unit *non powered rolling stock* yang berusia antara 5 hingga 66 tahun. Bagi tahun 2012 hingga 2014, JKNS telah berjaya mengutip hasil sejumlah RM4.61 juta. Selain itu, peruntukan mengurus sejumlah RM62.36 juta telah diluluskan dengan sejumlah RM60.42 juta atau 96.9% telah dibelanjakan. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, JKNS telah menerima peruntukan pembangunan sejumlah RM36.88 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan RM34.42 juta atau 93.3% telah dibelanjakan.

1.2. Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan perkhidmatan keretapi oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan kerana kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- Kekerapan pembatalan perkhidmatan keretapi menjaskan rutin harian penduduk kampung.
- Bengkel Jentera bernilai RM3 juta serta *Electronic Ticketing System* bernilai RM149,400 tidak digunakan.
- Tunggakan hasil berjumlah RM11,341 belum dikutip.
- Sistem komunikasi TETRA yang dipasang di Stesen Keretapi Tenom, Pangkajene, Rayoh dan Saliwangan Baru tidak digunakan.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan perkhidmatan keretapi di negeri Sabah, pihak Audit mengesyorkan pihak JKNS melaksanakan tindakan seperti berikut:

1.3.1. Menyediakan pelan kontingensi yang praktikal iaitu selain menggunakan aset Jabatan, pihak JKNS membenarkan penggunaan troli persendirian di atas landasan ketika perkhidmatan keretapi tergendala mengikut syarat tertentu Jabatan. Selain itu, Kerajaan

Negeri adalah disyorkan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan perolehan stokereta serta menggantikan *sleepers* dan rel rosak agar perkhidmatan keretapi berjalan lancar.

1.3.2. Membuat susulan kepada pihak Sabah Electricity Sdn.Bhd. untuk mempercepatkan pembinaan *sub station* elektrik di Stesen Keretapi Tenom dan pemasangan bekalan elektrik di Stesen Keretapi Halogilat. Selain itu, pihak JKNS disarankan untuk membuat susulan kepada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia agar sistem komunikasi TETRA dapat digunakan oleh Jabatan.

2. JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

- Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi

2.1. Taman Hidupan Liar Lok Kawi (Taman) dikendalikan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHL) di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah. Taman Hidupan Liar Lok Kawi atau sebelumnya dikenali sebagai Zoologi dan Botanikal Lok Kawi dibuka secara rasminya pada 17 Februari 2007. Taman ini terletak di Jalan Lama Penampang-Papar dan mempunyai keluasan 280 ekar. Taman ini telah menjadi tempat tarikan pelancong dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesedaran orang ramai tentang pentingnya pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah hidupan liar. Taman adalah dilindungi di bawah Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997. Objektif pembinaan Taman ini adalah memulihara sumber alam semula jadi dan habitat aslinya, memberi pendidikan kepada orang ramai, penempatan spesies hidupan liar dan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

2.2. Pengauditan terhadap pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi telah dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2015. Secara keseluruhannya, pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi adalah kurang memuaskan. Penjelasan terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Kerja penyenggaraan dan pemberian tidak dilaksanakan.
- Kerja pemberian dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian.
- Lebihan pembayaran dan tuntutan oleh syarikat.
- Bangunan kedai dan kafeteria tidak digunakan.

2.3. Bagi memastikan pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi dapat dilaksanakan secara berkesan, penambahbaikan berikut adalah disyorkan:

2.3.1. Memastikan kerja penyenggaraan dan naik taraf di Taman, bekalan makanan haiwan dan perkhidmatan keselamatan dilaksanakan dengan sempurna mengikut

skop kerja dalam kontrak perjanjian serta memantau dan mengesahkan kesahihan kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan bagi mengelakkan pembayaran berlebihan.

2.3.2. Memastikan peruntukan mencukupi dan dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan A.P.54 dan A.P.58(a).

2.3.3. Memastikan kemudahan yang disediakan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran di samping dapat menjana hasil kepada Taman. Dengan itu, pihak Taman hendaklah meningkatkan promosi supaya lebih ramai pengunjung menggunakan kemudahan.

3. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

JABATAN KERJA RAYA

- **Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi**

3.1. Jalan Negeri merupakan mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Jalan-jalan ini perlu disenggarakan secara berterusan dan teratur bagi memastikan kualiti jalan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh orang awam. Jalan Negeri adalah jalan yang layak mendapat pemberian geran jalan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 109(1)(b), Jadual 10, bahagian 11,3b. Pemberian tersebut diperakaunkan dalam satu akaun kumpulan wang amanah khusus untuk tujuan ini iaitu Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) yang dikawal oleh Kementerian Kewangan Negeri. Kumpulan wang ini digunakan untuk menampung perbelanjaan kerja-kerja penyenggaraan jalan Negeri termasuk jalan-jalan Negeri yang terletak di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pemberian tersebut kepada Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM427.43 juta, RM507.77 juta dan RM542.92 juta. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM130 juta, RM35 juta dan RM30 juta masing-masing pada tahun 2012, 2013 dan 2014 untuk menambah dana kumpulan wang ini bagi menyenggara 20,082.74 kilometer (KM) yang terdiri daripada 9,060.42 KM jalan Negeri di kawasan PBT dan 11,022.32 KM jalan Negeri yang diuruskan oleh JKR. Penyenggaraan jalan-jalan Negeri di kawasan PBT dikawal selia oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah, manakala penyenggaraan jalan-jalan Negeri yang lain dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR). Bagi jalan-jalan JKR, JKR telah melantik Syarikat GLOBINACO Sdn. Bhd. manakala jalan PBT, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah melantik Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. (Konsesi) untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan menggunakan kaedah program kerja bagi jalan JKR dan *performance based* bagi jalan di kawasan PBT.

3.2. Pengauditan terhadap penyenggaraan jalan Negeri oleh Konsesi telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 bagi jalan JKR dan bulan Mac hingga Mei 2015 bagi jalan PBT. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati kerja-kerja penyenggaraan jalan JKR dan PBT oleh pihak Konsesi adalah baik kerana kerja penyenggaraan berkala dan

pemulihan/kecemasan telah dilaksanakan mengikut kontrak. Manakala pengurusan kerja-kerja penyenggaraan bagi jalan JKR dan PBT oleh JKR dan Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- Kerja-kerja pemulihan tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan kewangan.
- Kerja-kerja penyenggaraan rutin tidak dan lewat dilaksanakan.
- Program usaha sama antara Konsesi dan Institusi Pengajian Tempatan seperti ditetapkan dalam perjanjian tidak mendapat kelulusan Kerajaan.
- Aduan lewat diselesaikan dan pengurusan *call centre* kurang berkesan.
- Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh Konsesi tidak menyeluruh.

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi, pihak Audit mengesyorkan perkara-perkara seperti berikut:

3.3.1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menambah peruntukan penyenggaraan jalan Negeri agar penyenggaraan berkala dan kerja-kerja pemulihan/naik taraf dapat dilaksanakan dengan segera.

3.3.2. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh pihak konsesi dilaksanakan mengikut perjanjian.

3.3.3. JKR meningkatkan lawatan berkala di kawasan konsesi sepetimana dibenarkan di bawah Perenggan 2(f), Appendix IX perjanjian kontrak bagi menentukan kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh Konsesi mematuhi kehendak kontrak. Manakala UKP perlu menyediakan program pemantauan dan dilaksanakan secara teratur dan berkala. Selain itu, WPP hendaklah digesa menghantar laporan bulanan pelaksanaan kepada pengarah projek seperti yang ditetapkan.

4. LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

- **Projek Infrastruktur Pekan Baru**

4.1. Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) bertanggungjawab menyediakan infrastruktur asas, jalan masuk dan penyediaan tapak bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan pejabat Kerajaan seperti bangunan urusetia, dewan masyarakat, klinik, bomba, bekalan elektrik dan telekomunikasi untuk kemudahan penduduk dalam pembangunan pekan baru. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, LPPB telah melaksanakan 35 projek bagi membangunkan 14 Pekan Baru iaitu Penampang, Inanam, Kota Kinabatangan, Telupid, Tongod, Nabawan, Pitas, Tandek, Beluran, Kuala Penyu, Sook, Tambunan, Kemabong dan Putatan bernilai RM26,815,490. Kesemua Pekan Baru ini telah

mempunyai pejabat daerah penuh/kecil dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala bangunan kedai telah dibina oleh *Sabah Economy Development Corporation* (SEDCO).

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati, pelaksanaan projek infrastruktur pekan baru adalah baik dari segi pemilihan lokasi dan prosedur perolehan. Bagaimanapun, pembangunan di tapak yang siap dibina telah lewat dilaksanakan.

4.3. Bagi memastikan pembangunan projek pekan baru dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) perlu menetapkan satu dasar bersama dengan agensi pengguna/pelanggan supaya pembangunan dilaksanakan secepat mungkin selepas tapak diserahkan kepada agensi. Pengguna/pelanggan turut bertanggungjawab atas penyenggaraan tapak tersebut selepas penyerahan oleh LPPB dan mengambil langkah sewajarnya untuk mencegah tapak projek yang telah siap dan belum diserahkan daripada risiko pencerobohan.

5. JABATAN KETUA MENTERI NEGERI SABAH

- **Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.**

5.1. Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) telah ditubuhkan pada tahun 1996 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM645 juta. Aktiviti utama SKSB adalah sebagai sebuah syarikat pelaburan terutamanya dalam industri perladangan berdasarkan kelapa sawit, harta tanah dan penternakan lembu. Kumpulan Sawit telah menetapkan visi utama iaitu menjadi peneraju utama dalam pengeluaran sawit dan pemaju harta tanah di Negeri Sabah. Setakat tahun 2014, SKSB mempunyai 25 syarikat subsidiari dan 3 syarikat bersekutu dengan pelaburan masing-masing berjumlah RM69.90 juta dan RM0.08 juta.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2015 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SKSB adalah baik. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Enam syarikat subsidiari yang aktif mengalami defisit antara RM0.55 juta hingga RM72.66 juta setakat tahun 2013.
- Tujuh syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 dan 1 syarikat bersekutu berstatus dorman setakat tahun 2014.
- Lapan daripada 10 syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan pada tahun 2009 hingga 2013 tidak mengisyiharkan dividen.
- Jawatankuasa pelaburan tidak ditubuhkan.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak komprehensif dan kemas kini.

5.3. Bagi memantapkan pengurusan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan SKSB mengambil tindakan berikut:

5.3.1. Memantau dan mengkaji sama ada syarikat subsidiari yang mengalami defisit modal boleh dipulihkan dan mendapat suntikan modal atau sebaliknya serta mengambil tindakan positif terhadap syarikat subsidiari dan bersekutu yang dorman untuk mengurangkan beban SKSB.

5.3.2. Memastikan syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan membayar dividen kepada SKSB untuk meningkatkan pendapatan SKSB serta menubuhkan jawatankuasa pelaburan peringkat SKSB untuk memantau dan mengkaji pelaburan SKSB dalam anak syarikat dan lain-lain pelaburan.

5.3.3. Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan dan mengemas kini SOP.

6. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

- Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

6.1. Warisan Harta Sabah Sdn.Bhd. (WHSSB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan pada 6 April 1995 di bawah Akta Syarikat Malaysia 1965 dengan modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM447.72 juta. Aktiviti utama WHSSB adalah tertumpu pada bidang pelaburan dan pembangunan harta tanah. Setakat tahun 2014, WHSSB mempunyai 9 syarikat subsidiari, 5 syarikat bersekutu dan 2 syarikat usaha sama dengan pelaburan masing-masing berjumlah RM8.35 juta, RM263.60 juta dan RM38.50 juta.

6.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga April 2015, mendapati pada umumnya prestasi kewangan WHSSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2012 dan 2013 walaupun mengalami kerugian pada tahun 2011. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Sebanyak 8 syarikat mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM21.28 juta pada 31 Disember 2013 di mana 6 daripadanya tidak aktif.
- Pendahuluan kepada 1 syarikat bersekutu sejumlah RM5.67 juta termasuk faedah masih belum dapat dikutip meskipun tempoh pembayaran telah tamat 120 hari dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- Projek Pembinaan Wisma Warisan tergendala sejak ‘Work Stop Order’ pada tahun 1998.

- Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Rancangan Korporat secara menyeluruh tidak disediakan.

6.3. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd. (WHSSB) adalah memuaskan. WHSSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

6.3.1. Mengkaji sama ada tindakan pelupusan atau penyusunan semula syarikat yang tidak aktif, dorman dan yang telah menghentikan operasi perlu diambil bagi menjaga kepentingan pihak Kerajaan.

6.3.2. Mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang tidak membayar balik pinjaman berdasarkan surat perjanjian.

6.3.3. Memastikan pelaksanaan projek pembangunan siap dalam tempoh yang ditetapkan supaya memberi pulangan sewajarnya kepada syarikat.

6.3.4. Memastikan tadbir urus dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan.



AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH

1. PENGURUSAN PERKHIDMATAN KERETAPI DI NEGERI SABAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perkhidmatan keretapi di negeri Sabah bermula sejak zaman pemerintahan British dengan penubuhan *North Borneo Railways* pada 1 Ogos 1914 melalui *Chapter 116, Ordinance Of North Borneo*. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963, nama *North Borneo Railways* telah ditukar kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah. Antara objektif JKNS adalah menghubungkan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur dengan perkhidmatan rel dan memberikan pilihan pengangkutan alternatif yang lebih murah, efisien, selamat dan selesa.

1.1.2. Perkhidmatan keretapi yang disediakan oleh JKNS adalah sepanjang 134 kilometer menghubungkan 15 stesen keretapi iaitu Stesen Keretapi Sekretariat Sembulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Papar, Kawang, Kimanis, Bongawan, Membakut, Beaufort, Saliwangan Baru, Halogilat, Rayoh, Pangki dan Tenom. Sehingga 31 Disember 2014, JKNS memiliki sebanyak 23 unit *powered rolling stock* dan 72 unit *non powered rolling stock* yang berusia antara 5 hingga 66 tahun. Undang-undang yang diguna pakai oleh JKNS adalah *The Railways Ordinance (Sabah Cap.116)* dan *Railways (Tariff Book) Rules 1979 (G.N.S No.31 Of 1979)* yang berkaitan dengan peraturan mengenai tambang, pengangkutan penumpang dan barang, keselamatan penumpang dan barang, denda atau penalti terhadap individu yang melanggar peraturan dalam perkhidmatan keretapi.

1.1.3. Bagi tahun 2012 hingga 2014, JKNS telah berjaya mengutip hasil sejumlah RM4.61 juta. Selain itu, peruntukan mengurus sejumlah RM62.36 juta telah diluluskan dengan sejumlah RM60.42 juta atau 96.9% telah dibelanjakan untuk penyenggaraan infrastruktur, stokereta dan bahan api bagi tempoh yang sama. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), JKNS telah menerima peruntukan pembangunan sejumlah RM36.88 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di mana RM34.42 juta atau 93.3% telah dibelanjakan bagi membentuk projek seperti menaik taraf serta menyenggara stokereta, landasan, pembinaan stesen serta perolehan mesin dan peralatan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Sebenar
Di Bawah RMKe10 Sehingga 31 Disember 2014

Peruntukan	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Persekutuan	7.20	6.78	94.2
Negeri	29.68	27.64	93.1
Jumlah	36.88	34.42	93.3

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan keretapi di negeri Sabah telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap bagi mencapai objektif Jabatan Keretapi Negeri Sabah khasnya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2014 yang melibatkan Stesen Keretapi Tanjung Aru, Beaufort dan Tenom. Manakala, metodologi pengauditan adalah dengan mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai JKNS semasa mesyuarat *Entrance Conference*, membuat semakan serta menganalisis data daripada fail, rekod, minit mesyuarat atau dokumen lain yang berkaitan serta menemu bual pegawai bertanggungjawab dan orang awam bagi mendapatkan ulasan berkaitan pengurusan perkhidmatan keretapi. Selain itu, mesyuarat *Exit Conference* bersama Pengurus Besar JKNS telah diadakan pada 31 Julai 2015 yang turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran), Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah, wakil daripada pejabat Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah bagi membincangkan penemuan Audit serta mendapatkan maklum balas pihak terlibat.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan perkhidmatan keretapi oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan kerana kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- Kekerapan pembatalan perkhidmatan keretapi menjelaskan rutin harian penduduk kampung.
- Bengkel Jentera bernilai RM3 juta serta *Electronic Ticketing System* bernilai RM149,400 tidak digunakan.
- Tunggakan hasil berjumlah RM11,341 belum dikutip.

- Sistem komunikasi TETRA yang dipasang di Stesen Keretapi Tenom, Pangi, Rayoh dan Saliwangan Baru tidak digunakan.

1.4.1. Perkhidmatan Keretapi

Perkhidmatan keretapi merupakan antara pengangkutan darat yang menjadi pilihan penduduk di negeri Sabah kerana tambang yang murah dan selamat. Bagi penduduk di kawasan pedalaman iaitu Halogilat dan Saliwangan Baru di daerah Beaufort serta Pangi dan Rayoh di daerah Tenom, perkhidmatan keretapi merupakan pengangkutan utama kerana tiada kemudahan jalan raya disediakan. Bagi tahun 2012 hingga 2014, jumlah pengguna perkhidmatan keretapi di negeri Sabah adalah seramai 1,867,676 orang seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Jumlah Pengguna Perkhidmatan Keretapi
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Stesen Keretapi	Bilangan Pengguna Perkhidmatan Keretapi Bagi Tempoh 3 Tahun (Orang)
1.	Sekretariat Sembulan	128,173
2.	Tanjung Aru	203,156
3.	Putatan	175,344
4.	Kinarut	130,744
5.	Kawang	59,938
6.	Papar	293,278
7.	Kimanis	49,723
8.	Bongawan	106,667
9.	Membakut	75,318
10.	Beaufort	486,181
11.	Saliwangan Baru	316
12.	Halogilat	1,476
13.	Rayoh	29,623
14.	Pangi	11,453
15.	Tenom	116,286
Jumlah Keseluruhan		1,867,676

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

1.4.1.1. Prestasi Perkhidmatan Keretapi

- a. Piagam Pelanggan JKNS menyatakan Jabatan akan memastikan pembatalan perkhidmatan tidak melebihi 5% daripada jumlah perkhidmatan pada setiap bulan yang tidak melibatkan bencana alam. Semakan Audit terhadap prestasi perkhidmatan keretapi bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Prestasi Pembatalan Perkhidmatan Keretapi Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bulan	Bilangan Perkhidmatan Keretapi Bagi Tempoh 3 Tahun											
	2012				2013				2014			
	Norma (Kali)	Sebenar (Kali)	Batal (Kali)	(%) Batal	Norma (Kali)	Sebenar (Kali)	Batal (Kali)	(%) Batal	Norma (Kali)	Sebenar (Kali)	Batal (Kali)	(%) Batal
Januari	734	724	10	1.4	558	492	66	11.8	560	546	14	2.5
Februari	663	654	9	1.4	532	524	8	1.5	570	545	25	4.4
Mac	744	744	0	0	589	513	76	12.9	628	613	15	2.4
April	717	714	3	0.4	570	566	4	0.7	579	531	48	8.3
Mei	741	738	3	0.4	558	554	4	0.7	630	539	91	14.4
Jun	719	718	1	0.1	570	566	4	0.7	608	496	112	18.4
Julai	735	726	9	1.2	547	532	15	2.7	622	552	70	11.3
Ogos	744	744	0	0	535	531	4	0.8	628	554	74	11.8
September	701	682	19	2.7	578	572	6	1	672	601	71	10.6
Oktober	744	744	0	0	640	636	4	0.6	648	551	97	15
November	720	720	0	0	586	584	2	0.3	620	550	70	11.3
Disember	744	744	0	0	576	560	16	2.8	646	566	80	12.4
Jumlah	8,706	8,652	54	0.6	6,839	6,630	209	3.1	7,411	6,644	767	10.4

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 21,926 daripada 22,956 atau 95.5% perkhidmatan keretapi telah disediakan bagi tempoh 3 tahun. Manakala, sebanyak 1,030 daripada 22,956 atau 4.5% perkhidmatan keretapi telah dibatalkan bagi tempoh yang sama. Pada tahun 2012, semakan Audit mendapati pembatalan perkhidmatan keretapi hanya melibatkan bulan Januari, Februari, April hingga Julai dan September dengan peratusan pembatalan antara 0.1% hingga 2.7%. Manakala, pada tahun 2013 dan 2014, pembatalan perkhidmatan keretapi berlaku pada setiap bulan. Bagaimanapun, pada tahun 2013 peratusan pembatalan perkhidmatan keretapi yang melebihi 5% hanya melibatkan bulan Januari iaitu 11.8% dan bulan Mac iaitu 12.9%. Manakala pada tahun 2014, bulan April hingga Disember telah mencatatkan peratusan pembatalan melebihi 5% iaitu antara 8.3% hingga 18.4%. Semakan lanjut mendapati pembatalan perkhidmatan keretapi adalah disebabkan oleh kerosakan stokereta dan landasan.

1.4.1.2. Pemeriksaan Audit terhadap stokereta mendapati, stokereta yang digunakan dalam perkhidmatan keretapi sering mengalami kerosakan kerana telah berusia melebihi 20 tahun seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Senarai Stokereta Yang Digunakan Dalam Perkhidmatan Keretapi


Bil.	No. Stokereta	Tahun Dibeli	Usia Stokereta Tahun	Kekerapan Kerosakan Dan Kos Penyenggaraan Stokereta					
				2012		2013		2014	
				Rosak (Kali)	Kos (RM)	Rosak (Kali)	Kos (RM)	Rosak (Kali)	Kos (RM)
1.	Steam Engine Vulcan 6015	1956	59	8	432,220	6	389,680	8	389,550
2.	Steam Engine Vulcan 6016	1956	59	7		6		5	
3.	DMU 3102	1957	58	4		6		1	
4.	Rail Car 2202	1969	46	5		2		1	557,237
5.	DMU 3105	1971	44	23		14		15	
6.	Hitachi 5101	1968	47	8		8		10	
7.	Sharyo 4201	1970	45	1		0		0	
8.	Sharyo 4202	1970	45	8		0		1	
9.	Sharyo 4203	1970	45	8		0		0	
10.	Sharyo 4204	1970	45	2		0		2	
11.	Kawasaki 5205	1971	44	13		27		12	
12.	Hitachi 6105	1993	22	21		5		13	
Jumlah Kos Penyenggaran				1,299,031		990,342		1,391,719	

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

1.4.1.3. Jadual 1.4 menunjukkan stokereta yang berusia antara 22 hingga 59 tahun mengalami kekerapan kerosakan antara satu hingga 27 kali setahun dengan kos penyenggaraan berjumlah RM3.68 juta bagi tempoh 3 tahun.

1.4.1.4. Selain daripada stokereta yang kerap rosak, pembatalan perkhidmatan keretapi juga disebabkan oleh kerosakan landasan iaitu *sleepers* reput dan rel bengkok. Pemeriksaan Audit terhadap laporan Juruteknik mendapati setakat bulan Jun 2014, sebanyak 12,916 daripada 28,800 *sleepers* atau 44.8% telah reput antara Kilometer 111 hingga Kilometer 139 seperti di Gambar 1.1 dan memerlukan penggantian *sleepers* baharu. Laporan Juruteknik setakat bulan September 2014 turut melaporkan sebanyak 87 rel telah bengkok seperti di Gambar 1.2 dan perlu ditukar dengan rel baharu di tempat yang sama. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2014, penggantian *sleepers* reput dan pembaikan rel bengkok belum dilaksanakan.

Gambar 1.1
Sleepers Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tenom
Tarikh: 23 April 2015

Gambar 1.2
Rel Bengkok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tenom
Tarikh: 23 April 2015

1.4.1.5. Faktor usia stokereta yang melebihi 20 tahun dan kerap rosak serta keadaan sleepers reput dan rel bengkok menyebabkan gelinciran keretapi berlaku seperti di **Keratan Akhbar 1.1.** Kesan daripada gelinciran keretapi mengakibatkan perkhidmatan keretapi dibatalkan atau tergendala. **Keratan Akhbar 1.2** melaporkan orang awam berjalan kaki sejauh 2 kilometer menuju destinasi masing-masing kesan daripada gelinciran keretapi.

Keratan Akhbar 1.1 Gelinciran Keretapi Di Batu 60, Beaufort-Tenom

Gerabak hampir rebah ke bumi

SABAHAN penumpang yang terkandas terpaksa menunggu kereta api bantuan untuk membawa mereka ke destinasi masin-masin.

Beaufort: Lebih 50 penumpang mewujudkan detik cemas apabila kereta api di naiki mereka tergelincir dari landasan ketika dalam perjalanan dari Tenom ke Rayoh selepas berlepas dari stesen Beaufort, di sini semalam.

Kejadian kira-kira jam 1.30 petang di Kampung Batu 60 itu menyebabkan dua dari-

pada riga gerabak kereta api hampir rebah ke bumi melepas berlindih sesama sendiri.

Seorang pemimpin Melayu, Mohd. Ali, berkata, insiden itu menurunkan kerana dia serta penumpang lain terpelanting ke dinding gerabak.

Memurutnya, ketika kejadian, kebanyakannya penumpang termasuk dia sedang tidur apabila secara tiba-tiba gerabak kereta api bergegar kuat disusuli bunyi seretan setiap kali gerabak bergerak.

"Pada mulanya, saya menyangka gegaran ini gempa bumi kerana gerabak pembungang ini bergoyang ke kiri dan ke kanan dengan kuat menyebabkan kami semua terhumban dan mendirih antara satu sama lain."

"Malah, barang-barang milik kami yang berada di dalam gerabak dan ada juga terhumpan keluar sebelum kejadian berakhir dalam keadaan gerabak condong dan hampir rebah," katanya

ketika ditemui, semalam. Medilina berkata, ketika kejadian dia dalam perjalanan pulang ke Kampung Se-liwangan Batu 65 dan cuma mengalami kecederaan kecil di tangan.

Dia turut bersyukur kerana ibu saudaranya selamat dan sedikit trauma dengan kejadian yang belum pernah mereka alami sebelum ini.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kereta Api Negeri Sabah berkata, perkhidmatan kereta api di Beaufort-Tenom itu dibentik buat sementara waktu untuk pembalikan landasan serta menggalihkan gerabak yang tergelincir.

Sumber: Suratkhabar Harian Metro

Lokasi: Batu 60, Beaufort-Tenom

Tarikh: 8 Jun 2015

Keratan Akhbar 1.2 Gelinciran Keretapi Beaufort-Tenom

The derailed train.

2km walk due to train mishap

Mail Mathew

TENOM: State Rural Development Minister Datuk Radin Malleh and his group had to walk two kilometres to get to a location to attend a programme only because an earlier derailed train was blocking the tracks.

Melalap Community Development Leader Madiyem Layappan denied that several passengers had to walk for two kilometres when the train derailed. The train was said to be heading towards Rayoh from Tenom. He clarified that the train from

Beaufort heading towards Tenom did derail on Tuesday and that heavy items which the train was transporting could have caused it to do so.

"The Minister and his entourage including District Officer Madiyem Layappan took a different train but their journey was disrupted because the first train which derailed on Tuesday was still blocking the track.

"When they returned to Tenom from Rayoh, the journey was no longer disrupted because the situation had been restored," he said.

Sumber: Suratkhabar Daily Express

Lokasi: Beaufort-Tenom

Tarikh: 7 Ogos 2015

1.4.1.6. Lawatan Audit pada bulan April 2015 di Stesen Keretapi Tenom mendapati perkhidmatan keretapi telah dibatalkan sejak 2 minggu kerana stokereta mengalami kerosakan dan telah dihantar ke bengkel di Tanjung Aru untuk pembaikan. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati Stesen Keretapi Tenom hanya mempunyai satu stokereta untuk perkhidmatan keretapi iaitu Kawasaki 5205 yang berusia 44 tahun. Pihak Audit mendapati stokereta gantian tidak disediakan kecuali *rail car* berusia 46 tahun dan *rail bus* berusia 11 tahun masing-masing dengan kapasiti muatan 12 dan 32 orang untuk perkhidmatan khas mengangkut pergi dan balik guru sekolah yang bertugas di Pangi.

1.4.1.7. Bilangan perkhidmatan keretapi bagi Stesen Keretapi Tenom adalah sebanyak 2 kali iaitu pada jam 7.30 pagi dan 1.00 petang dengan selang masa selama 6 jam bagi setiap perkhidmatan. Pemeriksaan Audit mendapati kekerapan pembatalan perkhidmatan keretapi Stesen Keretapi Tenom adalah sebanyak 207 kali bagi tempoh 3 tahun seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5	
Kekerapan Pembatalan Perkhidmatan Keretapi Stesen Keretapi Tenom Bagi Tempoh 3 Tahun	
Tahun	Bilangan Pembatalan (Kali)
2012	35
2013	88
2014	84
Jumlah	207

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

1.4.1.8. Temu bual Audit dengan penduduk kampung mendapati bilangan perkhidmatan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian mereka. Kekerapan pembatalan perkhidmatan keretapi menyulitkan lagi keadaan dan menyebabkan penduduk kampung terpaksa menggunakan troli persendirian seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4** sebagai alternatif pengangkutan lain.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tenom
Tarikh: 21 April 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangi
Tarikh: 22 April 2015

1.4.1.9. Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada 31 Julai 2015 dan 12 Ogos 2015, *Inspection Trolley* milik JKNS digunakan sebagai alternatif pengangkutan bagi penduduk kampung sekiranya perkhidmatan keretapi tidak disediakan. Bagaimanapun, pihak JKNS tidak dapat menghalang penggunaan troli oleh penduduk kampung kerana maklum akan keperluan penduduk kampung yang bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan keretapi. Pihak JKNS turut memaklumkan satu set *Diesel Multiple Unit* telah dibeli dengan kos sejumlah RM7.25 juta yang akan dibekalkan pada tahun 2016 untuk perkhidmatan keretapi antara Beaufort dan Tenom. Maklum balas pihak JKNS bertarikh 22 Oktober 2015, menyatakan setakat 31 Disember 2014 sebanyak 3,160 *sleepers* reput telah diganti.

Pada pendapat Audit, usia stokereta yang melebihi 20 tahun serta keadaan *sleepers* reput dan rel bengkok telah menjelaskan fungsi Jabatan dalam menyediakan perkhidmatan kereta api yang efisien. Oleh itu adalah perlu keupayaan pengangkutan rel dipertingkatkan dengan kadar segera.

1.4.2. Penggunaan Aset Jabatan

Jabatan hendaklah memastikan semua aset beroperasi dan digunakan agar memenuhi keperluan pengguna. Selain itu, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 menyatakan semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap penggunaan aset Jabatan adalah seperti di perenggan berikut:

1.4.2.1. Bengkel Jentera Di Stesen Keretapi Tenom Tidak Digunakan

Jabatan Keretapi Negeri Sabah telah membina sebuah bengkel jentera di Stesen Keretapi Tenom bernilai RM3 juta melalui pembiayaan pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi menggantikan bengkel jentera sedia ada yang tidak lagi mampu menampung keperluan penyenggaraan. Lawatan Audit pada bulan April 2015 mendapati bengkel jentera seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6** tidak digunakan untuk penyenggaraan stokereta atau jentera berat sejak siap pada 15 Julai 2012. Ini adalah disebabkan *sub station* elektrik sedia ada tidak dapat menampung kapasiti bekalan elektrik bagi kren yang dipasang di dalam bengkel. **Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada 19 Ogos 2015, pihak JKNS telah mengemukakan *Development Plan Layout* kepada Sabah Electricity Sdn.Bhd. pada 14 Ogos 2015 untuk pemasangan *sub station* elektrik.**

Gambar 1.5
Fizikal Luaran Bengkel Jentera Baharu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jentera, Tenom
Tarikh: 22 April 2015

Gambar 1.6
Fizikal Dalaman Bengkel Jentera Baharu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jentera, Tenom
Tarikh: 22 April 2015

1.4.2.2. *Electronic Ticketing System*

- a. Sejajar dengan misi Jabatan dalam menyediakan perkhidmatan keretapi moden, JKNS telah menggantikan kaedah penjualan tiket penumpang keretapi secara manual iaitu tiket *cardboard* kepada penjualan tiket secara elektronik. Sehingga 31 Disember 2014, *Electronic Ticketing System* (ETS) telah siap dipasang di 15 stesen keretapi dengan kos pemasangan berjumlah RM2.72 juta. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Stesen Keretapi Halogilat dan Saliwangan Baru mendapati ETS seperti di **Gambar 1.7** dan **Gambar 1.8** tidak digunakan sejak dipasang pada bulan November 2014 dengan kos pemasangan berjumlah RM149,400 atau RM74,700 setiap satu.

Gambar 1.7
Peralatan ETS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Halogilat
Tarikh: 9 April 2015

Gambar 1.8
Peralatan ETS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Saliwangan Baru
Tarikh: 9 April 2015

- b. Pihak Audit dimaklumkan ETS tidak digunakan di Stesen Keretapi Halogilat kerana tidak mempunyai bekalan elektrik. Manakala ETS di Stesen Keretapi Saliwangan Baru tidak digunakan kerana tiada kakitangan dilantik untuk bertugas di stesen. Kesannya, kemudahan bengkel dan peralatan ETS lewat dimanfaatkan oleh pihak JKNS serta terdedah kepada risiko kerosakan dan kehilangan aset. **Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada 12 Ogos 2015 dan 19**

Ogos 2015, permohonan untuk pemasangan bekalan elektrik di Stesen Keretapi Halogilat telah dikemukakan kepada pihak Sabah Electricity Sdn.Bhd. pada 3 Mac 2015. Manakala Ketua Stesen telah ditempatkan di Stesen Saliwangan Baru berkuatkuasa pada 17 Ogos 2015.

Pada pendapat Audit, penggunaan aset Jabatan adalah kurang memuaskan kerana kemudahan bengkel Jentera bernilai RM3 juta dan ETS bernilai RM149,400 lewat dimanfaatkan oleh Jabatan.

1.4.3. Kutipan Hasil

JKNS mengutip hasil melalui tambang keretapi penumpang, caj ternakan, barang-barang dan bungkusan. Kadar tambang serta caj bagi penumpang, barang-barang, ternakan dan bungkusan telah diperuntukkan di dalam Rule 29, 64, 91 dan 92, *Railways (Tariff Book) Rules 1979 (G.N.S No.31 Of 1979)*. Selain itu, pihak JKNS turut memperolehi hasil melalui penswastaan keretapi jenis *Steam Engine Locomotive* kepada Sutera Harbour Travel Sdn. Bhd.. Semakan Audit terhadap kutipan hasil JKNS adalah seperti berikut:

1.4.3.1. Prestasi Kutipan Hasil

Bagi tahun 2012 hingga 2014, JKNS telah mensasarkan sejumlah RM3.49 juta sebagai anggaran hasil yang boleh dikutip oleh Jabatan dan telah berjaya mengutip hasil sejumlah RM4.61 juta bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut mengenai sasaran hasil dan kutipan hasil sebenar adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Prestasi Kutipan Hasil Jabatan Keretapi Negeri Sabah Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun						Jumlah Keseluruhan	
	2012		2013		2014			
	Sasaran (RM Juta)	Sasaran (RM Juta)						
Kutipan Hasil	1.19	1.38	1.15	1.69	1.15	1.54	3.49	4.61

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

1.4.3.2. Analisis Audit mendapati prestasi kutipan hasil JKNS bagi tempoh 3 tahun adalah baik kerana kutipan hasil telah melebihi sasaran hasil yang ditetapkan pada setiap tahun. Pemeriksaan Audit mendapati pungutan hasil telah melebihi anggaran masing-masing sejumlah RM0.19 juta atau 15.8% pada tahun 2012, RM0.55 juta atau 47.9% bagi tahun 2013 dan pada tahun 2014 adalah sejumlah 0.39 juta atau 34.4%. Manakala, analisis Audit terhadap pungutan hasil JKNS bagi tempoh 3 tahun mendapati jumlah kutipan hasil pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM0.31 juta atau 22.5% kepada RM1.69 juta berbanding pungutan pada tahun 2012 yang berjumlah RM1.38 juta. Pada tahun 2014, sejumlah RM1.54 juta berjaya dikutip dengan penurunan hasil sejumlah RM0.15 juta atau 9.1% berbanding tahun 2013. Temu bual Audit dengan pegawai bertanggungjawab mendapati pungutan hasil menurun pada tahun 2014 kerana pembatalan perkhidmatan keretapi yang disebabkan oleh kerosakan stokereta dan landasan serta bencana banjir.

1.4.3.3. Tunggakan Hasil

- a. Pihak JKNS telah menandatangani satu perjanjian kontrak dengan pihak Sutera Harbour Travel Sdn. Bhd. (SHTSB) pada 1 Januari 2000 bagi tempoh 30 tahun untuk penswastaan perkhidmatan keretapi jenis *Steam Engine Locomotive* dari Stesen Keretapi Tanjung Aru hingga ke Stesen Keretapi Papar. Mengikut perjanjian kontrak berkenaan, JKNS akan menerima pulangan hasil bulanan berdasarkan kepada jumlah penumpang dengan kadar RM20 seorang atas perjalanan berjadual atau RM25 seorang atas perjalanan sewa khas. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014, kutipan hasil melalui penswastaan perkhidmatan keretapi berjumlah RM0.48 juta atau 10.5% daripada keseluruhan hasil JKNS.
- b. Arahan Perbendaharaan 89A(b) menyatakan Pemungut dan Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memungut hasil belum terima. Mengikut klausa 9.1.1 dalam perjanjian kontrak menyatakan JKNS *shall receive the following remuneration on a monthly basis within the first 15 days of the following month* manakala klausa 9.1.4 dalam perjanjian yang sama menyatakan JKNS *has the right to charge 8% interest per annum for any late payment of the entitlement*. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2012 hingga 2014, pihak SHTSB lewat mengemukakan bayaran *monthly remuneration* kepada pihak JKNS dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 7 bulan. Semakan lanjut mendapati faedah sebanyak 8% tidak dikenakan terhadap pihak SHTSB atas kelewatan pembayaran di mana anggaran jumlah faedah yang sepatutnya dapat dikutip oleh pihak JKNS adalah sejumlah RM11,341 bagi tempoh 3 tahun.
- c. Kegagalan mengutip faedah tersebut menyebabkan potensi kehilangan hasil Kerajaan. **Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada 30 Julai 2015, surat tuntutan bagi faedah bertarikh 29 Julai 2015 telah dikemukakan kepada pihak SHTSB.**

Pada pendapat Audit, tindakan pihak JKNS mengemukakan surat tuntutan kepada pihak SHTSB untuk menjelaskan tunggakan selepas teguran Audit adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak JKNS hendaklah memastikan tunggakan hasil berjumlah RM11,341 dapat dikutip sepenuhnya dan sentiasa proaktif dalam memungut hasil pada masa hadapan.

1.4.4. Sistem Komunikasi *Terrestrial Trunked Radio* (TETRA)

- 1.4.4.1. Kerja-kerja Jangka Pendek Pemodenan Keretapi Negeri Sabah** telah dilaksanakan pada tahun 2005 hingga 2013 dengan tujuan menaik taraf infrastruktur keretapi di negeri Sabah. Projek ini melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad sebagai agensi pelaksana projek. Antara skop kerja projek adalah menaik taraf sistem komunikasi dengan memasang sistem komunikasi *Terrestrial Trunked Radio* (TETRA) dengan kos

projek berjumlah RM26 juta. Pemasangan sistem komunikasi TETRA melibatkan 2 sektor iaitu Sektor 1 daripada Stesen Keretapi Tanjung Aru hingga Beaufort dan Sektor 2 melibatkan Stesen Keretapi Tenom, Pangi, Rayoh, Halogilat dan Saliwangan Baru. Fungsi sistem komunikasi TETRA adalah sebagai alat perhubungan dan pengawalan operasi perkhidmatan keretapi.

1.4.4.2. Pihak Audit dimaklumkan sistem komunikasi TETRA bagi Sektor 1 boleh digunakan di antara Ketua Stesen dengan Pengemas Lintasan dalam lingkungan jarak satu hingga 2 kilometer daripada stesen keretapi. Manakala, semua stesen keretapi dalam Sektor 2 tidak menggunakan sistem komunikasi TETRA. **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.12** merujuk kepada sistem komunikasi TETRA yang tidak digunakan di Stesen Keretapi Tenom, Pangi, Rayoh dan Saliwangan Baru.

Gambar 1.9
Peralatan Sistem Komunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Saliwangan Baru
Tarikh: 9 April 2015

Gambar 1.10
Peralatan Sistem Komunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Tenom
Tarikh: 21 April 2015

Gambar 1.11
Peralatan Sistem Komunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Pangi
Tarikh: 23 April 2015

Gambar 1.12
Peralatan Sistem Komunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Keretapi Rayoh
Tarikh: 23 April 2015

1.4.4.3. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak JKNS bahawa proses pengujian dan pentauliahan (*testing and commissioning*) belum dijalankan oleh pihak bertanggungjawab sejak sistem komunikasi berkenaan dipasang di Stesen Keretapi Tenom, Pangi, Rayoh

dan Saliwangan Baru pada tahun 2011 kerana ianya telah dikeluarkan daripada skop projek asal. Kesannya, sistem komunikasi berkenaan tidak dapat dimanfaatkan oleh pihak JKNS dan ianya boleh terdedah kepada risiko kerosakan serta kecurian. Pemeriksaan Audit mendapati pada masa ini pihak JKNS menggunakan peralatan komunikasi milik Jabatan iaitu *Base Station Radio*, *VHM FM Transceiver (radiofon)* dan *Compact Portable VHF FM Radios (walkie talkie)* sebagai alat perhubungan perkhidmatan keretapi.

1.4.4.4. Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada 30 Julai 2015, sistem komunikasi TETRA belum diserahkan oleh MOT kepada JKNS. Selain itu, cadangan untuk menaik taraf sistem komunikasi telah dikemukakan kepada MOT di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas dengan anggaran kos sejumlah RM10 juta. Manakala, maklum balas pihak MOT bertarikh 19 Oktober 2015, menjelaskan terdapat kelulusan perubahan skop kerja asal projek di mana kerja-kerja pemasangan kabel komunikasi dan proses *testing and commissioning* telah dikeluarkan dengan kos bernilai RM361,818. Perubahan skop kerja ini adalah atas permohonan daripada kontraktor terlibat disebabkan masalah kekerapan kecurian dan pemotongan kabel komunikasi yang telah dipasang. Sehubungan itu, Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan adalah mengikut skop perubahan kerja yang diluluskan. Pihak MOT turut menyatakan RM20.34 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas bagi menaik taraf sistem komunikasi.

Pada pendapat Audit, kelewatian penyerahan sistem komunikasi TETRA kepada pihak JKNS menyebabkan JKNS tidak dapat memanfaatkan penggunaan sistem komunikasi berkenaan dengan sewajarnya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan perkhidmatan keretapi di negeri Sabah, pihak Audit mengesyorkan pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) melaksanakan tindakan seperti berikut:

1.5.1. Menyediakan pelan kontingen yang praktikal iaitu selain menggunakan aset Jabatan, pihak JKNS membenarkan penggunaan troli persendirian di atas landasan ketika perkhidmatan keretapi tergendala mengikut syarat tertentu Jabatan. Selain itu, Kerajaan Negeri adalah disyorkan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan perolehan stokereta serta menggantikan *sleepers* dan rel rosak agar perkhidmatan keretapi berjalan lancar.

1.5.2. Membuat susulan kepada pihak Sabah Electricity Sdn.Bhd. untuk mempercepatkan pembinaan *sub station* elektrik di Stesen Keretapi Tenom dan pemasangan bekalan elektrik di Stesen Keretapi Halogilat. Selain itu, pihak JKNS disarankan untuk membuat susulan kepada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia agar sistem komunikasi TETRA dapat digunakan oleh Jabatan.

JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

2. PENGURUSAN TAMAN HIDUPAN LIAR LOK KAWI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Taman Hidupan Liar Lok Kawi (Taman) dikendalikan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHL) di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah. Taman Hidupan Liar Lok Kawi atau sebelumnya dikenali sebagai Zoologi dan Botanikal Lok Kawi dibuka secara rasminya pada 17 Februari 2007. Taman ini terletak di Jalan Lama Penampang-Papar dan mempunyai keluasan 280 ekar. Taman ini terdiri daripada 2 komponen iaitu taman zoologi dan taman botani. Antara haiwan yang terdapat di Taman (zoologi) ini adalah gajah *Pygmy Borneo*, monyet proboscis, buaya, beruang malaya, kera, kijang, rusa dan lain-lain. Selain itu, para pelawat berpeluang meredah hutan (*jungle trekking*) di sepanjang denai sejauh 1.4 kilometer. Taman ini telah menjadi tempat tarikan pelancong dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesedaran orang ramai tentang pentingnya pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah hidupan liar.

2.1.2. Taman adalah dilindungi di bawah Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997. Tujuan enakmen adalah untuk melindungi spesies terancam fauna dan flora di rantau ini dan juga mengawal perdagangan antarabangsa spesies ini. Ia juga memperincikan hukuman tertentu bagi mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang yang dikemukakan dalam enakmen tersebut.

2.1.3. Objektif pembinaan Taman ini adalah memulihara sumber alam semulajadi dan habitat aslinya, memberi pendidikan kepada orang ramai, penempatan spesies hidupan liar dan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

2.1.4. Kadar bayaran yang dikenakan kepada pelawat ke taman ini adalah berdasarkan Enakmen Yuran 1981. Jenis dan kadar bayaran yang dikenakan kepada pelawat adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kadar Bayaran Pelawat

Bil.	Perihal Pelawat	Kadar Bayaran (RM)
A	Warganegara	
1.	Dewasa	10.00
2.	Kanak-kanak (di bawah 18 tahun)	5.00
3.	Kanak-kanak (di bawah 3 tahun)	Percuma
4.	OKU	Percuma
5.	Warga Emas (60 tahun ke atas)	Percuma
B	Bukan Warganegara	
1.	Dewasa	20.00
2.	Kanak-kanak (di bawah 18 tahun)	10.00
3.	Kanak-kanak (di bawah 3 tahun)	Percuma
4.	OKU	Percuma

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi urusan kutipan hasil, pengendalian haiwan, pengurusan kontrak dan bayaran, pembaikan, penyenggaraan dan naik taraf taman, kemudahan awam dan infrastruktur, pelan pembangunan serta pesembahan haiwan bagi tahun 2012 hingga 2014. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta menjalankan pemeriksaan fizikal ke Jabatan Hidupan Liar dan Taman Hidupan Liar Lok Kawi. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab diadakan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Selain itu, borang soal selidik diedarkan kepada pelawat bagi mendapatkan maklum balas mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, mesyuarat *Exit Conference* bersama Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah telah diadakan pada 17 Ogos 2015 yang turut dihadiri oleh Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi telah dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2015. Secara keseluruhannya, pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi adalah kurang memuaskan. Penjelasan terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dilaksanakan.
- Kerja pembangunan dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian.
- Lebihan pembayaran dan tuntutan oleh syarikat.
- Bangunan kedai dan kafeteria tidak digunakan.

2.4.1. Prestasi Kewangan

2.4.1.1. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM20.80 juta bagi tahun 2012 hingga 2014 bagi mengurus Taman seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Mengurus dan Perbelanjaan Sebenar Taman
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Peruntukan Mengurus (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2012	6,903,600	6,886,929	16,671	99.8
2013	6,903,600	3,816,232	3,087,368	55.3
2014	6,993,600	2,965,564	4,028,036	42.4
Jumlah	20,800,800	13,668,725	7,132,075	65.7

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

2.4.1.2. Berdasarkan **Jadual 2.2**, jumlah perbelanjaan sebenar Taman bagi tahun 2012 adalah RM6.89 juta atau 99.8% daripada jumlah peruntukan mengurus yang diterima, RM3.82 juta atau 55.3% bagi tahun 2013 dan RM2.97 juta atau 42.4% bagi tahun 2014.

2.4.1.3. Selain itu, pada tahun 2012 Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM500,000 daripada peruntukan pembangunan bagi membiayai kos menyediakan *Development Masterplan for Lok Kawi Wildlife Park*. Sejumlah RM495,439 atau 99.1% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan.

2.4.1.4. Berdasarkan **exit conference** pada 17 Ogos 2015, JHL menyatakan sebab peruntukan bagi tahun 2013 dan 2014 tidak dibelanjakan sepenuhnya adalah kerana bayaran kepada kontraktor masih belum dijelaskan. Proses pembayaran tidak dapat dibuat kerana JHL kekurangan kakitangan di Bahagian Akaun.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi Taman adalah memuaskan iaitu 65.7% daripada peruntukan mengurus yang diterima bagi tahun 2012 hingga 2014 telah dibelanjakan manakala 99.1% peruntukan pembangunan dibelanjakan bagi tahun 2012.

2.4.2. Kemasukan Pelawat

2.4.2.1. Taman diwujudkan untuk memberi peluang orang ramai melawat haiwan-haiwan yang ada di taman zoologi. Terdapat tiga jenis pelawat iaitu pengunjung biasa/harian, rombongan sekolah dan lawatan agensi kerajaan atau NGO. Statistik pelawat tempatan dan luar negara bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Statistik Pelawat Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Perihal Pelawat	Bilangan Pengunjung				
	2012 (Orang)	2013 (Orang)	Peratus Peningkatan/ Penurunan 2012-2013 (%)	2014 (Orang)	Peratus Peningkatan/ Penurunan 2013-2014 (%)
Warganegara	103,117	100,013	-3	103,981	4
Bukan warganegara	28,645	26,045	-9.1	25,869	-0.7
Percuma	27,174	20,514	-24.5	22,593	10.1
Jumlah	158,936	146,572	-7.8	152,443	4

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota: Percuma – Sekolah, IPTA/IPTS, Agensi Kerajaan, kumpulan khas dengan kelulusan

2.4.2.2. Berdasarkan **Jadual 2.3**, kemasukan pelawat ke Taman bagi tahun 2013 mengalami penurunan seramai 3,104 atau 3% pelawat warganegara, 2,600 atau 9.1% pelawat bukan warganegara dan 6,660 atau 24.5% pelawat percuma berbanding kemasukan pelawat bagi tahun 2012. Bagaimanapun, kemasukan pelawat ke Taman bagi tahun 2014 telah meningkat iaitu seramai 152,443 pelawat berbanding 146,572 pelawat bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 4%.

Pada pendapat Audit, kemasukan pelawat ke Taman bagi tahun 2014 adalah memuaskan kerana bilangan pelawat telah meningkat. Disyorkan pihak Taman menetapkan sasaran peningkatan kedatangan pelawat bagi setiap tahun sebagai ukuran prestasi.

2.4.3. Kutipan Hasil

2.4.3.1. Taman memperolehi hasil melalui bayaran tiket masuk dan bayaran menaiki tram oleh pelawat. Kutipan hasil Taman bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Kutipan Hasil Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Anggaran Hasil (RM)	Kutipan Hasil (RM)	Peratus (%)
2012	1,800,000	1,501,632	83.4
2013	1,800,000	1,355,214	75.3
2014	1,800,000	1,265,913	70.3
Jumlah	5,400,000	4,122,759	76.3

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota: Percuma – Sekolah, IPTA/IPTS, Agensi Kerajaan, kumpulan khas dengan kelulusan

2.4.3.2. Berdasarkan **Jadual 2.4**, jumlah kutipan hasil Taman bagi tahun 2012 adalah RM1.5 juta atau 83.4% daripada anggaran hasil, RM1.36 juta atau 75.3% bagi tahun 2013 dan RM1.27 juta atau 70.3% bagi tahun 2014. Bagaimanapun, trend kutipan hasil semakin menurun dari tahun ke tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil Taman adalah memuaskan di mana jumlah kutipan mencapai 76.3% berbanding anggaran hasil.

2.4.4. Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan

Penyenggaraan di Taman perlu mengambil kira faktor kebersihan, keselamatan dan keindahan agar dapat mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat kepada pelawat yang melawat ke Taman tersebut. JHL telah melantik G Enterprise dengan nilai kontrak berjumlah RM2.50 juta setahun dari 1 Ogos 2014 hingga 31 Julai 2015 untuk kerja-kerja penyenggaraan termasuk memotong rumput, membersihkan sistem perparitan, menggantikan semua mentol lampu yang rosak, menyenggara 18 unit sistem penghawa dingin, menyenggara sistem pendawaian elektrik, membersihkan bangunan, tandas dan kawasan sekitar, membersihkan tempat tidur haiwan dan eksibit haiwan, menyenggara lanskap, menyediakan kawalan keselamatan serta menyenggara eksibit haiwan, infrastruktur jalan dan sistem perparitan di seluruh kawasan Taman. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan pada 13 April hingga 18 April 2015 dan mendapati beberapa perkara berikut:

2.4.4.1. Kerosakan Peralatan Elektrik Yang Tidak Dibaiki

- Berdasarkan spesifikasi kerja kontrak penyenggaraan, pihak kontraktor perlu menggantikan semua mentol lampu yang rosak, menyenggara 18 unit sistem penghawa dingin dan menyenggara sistem pendawaian elektrik jika berlaku kerosakan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati kerosakan seperti suis lampu, kipas angin, bulb lampu dan lampu kalimantan serta sistem penghawa dingin tidak dibaiki seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kerosakan Peralatan Elektrik Yang Tidak Dibaiki

Jenis Peralatan Elektrik	Bilangan (Unit)	Lokasi
Bulb lampu	2	Bilik mesyuarat / bilik operasi
	1	Bahagian Kraftangan
	1	Tandas wanita (pusat pelawat)
	2	Tandas lelaki (pusat pelawat)
	1	Tandas OKU (pusat pelawat)
	2	Hadapan tandas OKU (pusat pelawat)
	8	Hadapan pusat pelawat
	1	Kawasan rehat pelawat
	3	Tandas wanita (cafeteria)
	3	Tandas lelaki (cafeteria)
	7	Ruangan cafeteria
	6	Tingkat 1 cafeteria (1 bulb di bahagian luar tingkat 1)
	4	Dapur cafeteria

Jenis Peralatan Elektrik	Bilangan (Unit)	Lokasi
Lampu kalimantang	3	Tandas lelaki (Eksibit Flamingo)
	1	Tandas wanita (Eksibit Tembadau)
	1	Tandas lelaki (Eksibit Tembadau)
	2	Kawasan tangki air
Jumlah	48	
Suis	2	Hadapan tandas (pusat pelawat)
	1	Bahagian Kraftangan
	3	Bahagian Klinik
	2	Surau
	2	Unit Pentadbiran tingkat 1
	2	Bilik multimedia
	3	Bilik pejabat am
	4	Bahagian Reptilia
	2	Luar tandas (Eksibit Tembadau)
Jumlah	21	
Kipas	1	Bilik mesyuarat / bilik operasi
	1	Bahagian Kraftangan
	7	Bahagian Zoo Kanak-kanak
Jumlah	9	
Sistem penghawa dingin	1	Bahagian Kraftangan
	3	Bahagian Klinik
Jumlah	4	

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Antara kerosakan peralatan elektrik yang tidak dibaiki adalah seperti di **Gambar 2.1**, **Gambar 2.3**, **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.7**. Bagaimanapun, tindakan pemberaan telah diambil oleh kontraktor selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.2**, **Gambar 2.4**, **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.8**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Kraftangan, Zon 1,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Bahagian Kraftangan, Zon 1,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.3
Penghawa Dingin Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Klinik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 20 Mei 2015

Gambar 2.4
Penghawa Dingin Telah Diganti



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Unit Klinik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.5
Pendawaian Lampu Yang Tidak Dipasang Kemas




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Kaunter Pemeriksaan Tiket,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.6
Pendawaian Lampu Yang Telah Dipasang Kemas




Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Bahagian Kaunter Pemeriksaan Tiket,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.7
Suis Elektrik Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Zoo Kanak-Kanak,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.8
Suis Elektrik Yang Telah Disenggara



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Bahagian Zoo Kanak-Kanak,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

2.4.4.2. Pembendung Tepi Jalan (*Road Side Kerb*), Penutup Longkang Dan Tepi Jalan Tidak Dicat Semula

- a. Berdasarkan skop kerja kontrak penyenggaraan, pihak kontraktor perlu mengecat semula pembendung tepi jalan (*road side kerb*), tepi jalan dan penutup longkang di kawasan Zon 1, Zon 3 dan Zon 4 Taman. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati antara kerja-kerja yang tidak dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 2.9**, **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.13**. Bagaimanapun, tindakan pembaikan telah diambil oleh kontraktor selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.10**, **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.14**.

Gambar 2.9
Tepi Jalan Yang Tidak Dicat




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tasik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.10
Tepi Jalan Yang Telah Dicat



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Kawasan Tasik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.11
Tepi Longkang Jalan Yang Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Letak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.12
Tepi Longkang Jalan Yang Telah Dicat



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Kawasan Letak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.13
Penghadang Longkang Yang Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Jalan Eksibit Beruang Madu,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.14
Penghadang Longkang Yang Telah Dicat



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Lokasi: Kawasan Jalan Eksibit Beruang Madu,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 18 September 2015

2.4.4.3. Kawasan Jalan Tidak Dibaiki

- Skop kerja kontrak penyenggaraan juga memerlukan pihak kontraktor membaiki segala kerosakan jalan (*pothole*), pembendung jalan, penutup longkang, kawasan tepi jalan sistem perparitan kawasan Zon 1, Zon 3 dan Zon 4 Taman. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati antara kerosakan jalan yang tidak dibaiki adalah seperti di **Gambar 2.15**, **Gambar 2.17**, **Gambar 2.19**, **Gambar 2.21**, **Gambar 2.23** dan **Gambar 2.24**. Bagaimanapun, tindakan pembaikan telah diambil oleh kontraktor selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.16**, **Gambar 2.18**, **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.22**.

Gambar 2.15
Tepi Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Bulatan Dan Tasik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.16
Tepi Jalan Yang Rosak Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Kawasan Bulatan Dan Tasik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

Gambar 2.17
Tepi Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tapak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.18
Tepi Jalan Yang Rosak Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Kawasan Tapak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

Gambar 2.19
Jalan Yang Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tapak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.20
Jalan Yang Berlubang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Kawasan Tapak Kereta Kakitangan,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

Gambar 2.21
Tepi Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Jalan Zon 3,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.22
Tepi Jalan Yang Rosak Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Kawasan Jalan Zon 3,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

Gambar 2.23
Pembedung Tepi Jalan Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Bulatan Dan Tasik,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.24
Tepi Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Jalan Zon 3,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

- b. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, jalan-jalan tersebut atau “*potholes*” telah dibaiki pada awal bulan Mac 2015. Bagaimanapun, disebabkan lubang-lubang tersebut terletak di tengah-tengah kawasan laluan kenderaan termasuk lori dan bas, ia rosak semula dan akan dibaiki kelak.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan dan pembaikan Taman adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerja-kerja yang tidak dilaksanakan walaupun tuntutan bayaran telah dibuat oleh pihak kontraktor setiap bulan.

2.4.5. Kerja Pembaikan Dan Menaik Taraf Eksibit Haiwan Tidak Dilaksanakan Mengikut Kontrak Perjanjian

2.4.5.1. Bagi memastikan keadaan eksibit haiwan sentiasa berkeadaan baik dan selamat digunakan, kerja-kerja pemeriksaan persekitaran eksibit haiwan perlu sentiasa dilaksanakan oleh pegawai di setiap unit haiwan bagi menjamin keselamatan para pelawat dan mengelakkan daripada perkara yang tidak diingini berlaku.

2.4.5.2. Mulai 1 April 2010 hingga 30 Julai 2014, Lok Kawi Wildlife Park Corporation telah dilantik sebagai kontraktor penyenggaraan di Taman untuk membuat kerja naik taraf dan baik pulih eksibit haiwan mengikut keperluan semasa dengan nilai kontrak berjumlah RM0.40 juta setahun.

2.4.5.3. Pihak Audit mendapati sepanjang tahun 2012 hingga 2014, pihak JHL telah melantik kontraktor seperti di **Jadual 2.6** untuk membuat kerja pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan.

Jadual 2.6
Kerja-kerja Pembaikan Dan Menaik taraf Eksibit Bagi Tahun 2012 Hingga Tahun 2014

Tahun	Nama Kontraktor	Keterangan	No. Baucar	Tarikh Baucar	Amaun (RM)
2012	Tondozon Majujaya Contractor	Pembaikan pagar besi di Unit Karnivor Harimau di Taman Hidupan Liar Lok Kawi	3983	29.11.2012	9,550
	Perusahaan Hasil Bumi	Kerja menaik taraf Eksibit Orang Utan di Taman Hidupan Liar Lok Kawi	4294	13.12.2012	148,600
Jumlah Kecil					158,150
2013	CC Enterprise	Penambahbaikan Eksibit Badak Sumatera/ Sambar di Taman Hidupan Liar Lok Kawi	1034	18.04.2013	28,000
	Havma Kontraktor	Kerja menaik taraf Eksibit Badak Sumatera	3820	05.12.2013	130,000
	Perusahaan Hasil Bumi	Kerja menaik taraf Eksibit Orang Utan di Taman Hidupan Liar Lok Kawi	3363	30.10.2013	101,400
Jumlah Kecil					259,400
2014	Bismajaya	Kerja membaiki dan menaik taraf 2 blok kandang burung makaw dan pondok laluan pelawat yang rosak di Taman Hidupan Liar Lok Kawi	1889	03.06.2014	50,000
Jumlah Kecil					50,000
Jumlah Keseluruhan					467,550

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

2.4.5.4. Berdasarkan **Jadual 2.6**, kerja-kerja berkenaan sepatutnya dijalankan oleh Lok Kawi Wildlife Park Corporation sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kerja-kerja berkenaan telah dijalankan oleh kontraktor berlainan yang dilantik oleh JHL dengan kos berjumlah RM0.47 juta.

2.4.5.5. Berdasarkan **maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015**, kerja-kerja menaik taraf eksibit haiwan dijalankan oleh kontraktor yang berlainan dan bukan dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh JHL adalah disebabkan oleh pihak kontraktor yang dilantik mempunyai kerja lain yang perlu dibuat dan atas keperluan yang mendesak untuk disiapkan bagi memastikan keselamatan haiwan, kakitangan dan pelawat adalah terjamin. Pembinaan yang terlibat adalah kemudahan baru yang belum sedia. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati butiran kerja yang terlibat adalah kemudahan sedia ada yang dinaik taraf dan perlu pembaikan.

Pada pendapat Audit, pihak JHL gagal membuat pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga JHL menanggung kos tambahan berjumlah RM0.47 juta untuk pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan.

2.4.6. Pembayaran

2.4.6.1. Kelemahan Dalam Proses Membuat Pembayaran

a. Perbelanjaan Tanpa Peruntukan

- i. Setiap perbelanjaan yang dilakukan perlu berdasarkan bajet yang telah diluluskan. Arahan Perbendaharaan 54 menetapkan Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan sesuatu aktiviti yang diperuntukkan dalam maksud perbelanjaan anggaran belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan. Sekiranya bajet tidak mencukupi, amaun yang terlebih itu boleh dipertanggungkan kepada akaun pendahuluan diri sementara menunggu keputusan mengenai cara penyelesaian dibuat.
- ii. Semakan Audit mendapati JHL telah membayar sejumlah RM1.08 Juta melalui pendahuluan diri (A.P.54) bagi perolehan bekalan makanan haiwan bagi tuntutan tahun 2010 dan RM1.80 Juta bagi tuntutan tahun 2011 yang dibayar pada tahun 2012 dan sejumlah RM0.78 Juta bagi tuntutan tahun 2012 yang dibayar pada tahun 2013 seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Maklumat Bayaran Bagi Perolehan Bekalan Makanan Haiwan
Melalui Pendahuluan Diri

Bil.	Bayaran Bagi Bulan	No. Interim	No. Baucar	Tarikh Baucar	Amaun (RM)
1.	Okt 2010	7	699-159	22.3.2012	358,122.00
2.	Nov 2010	8	666-159	19.3.2012	351,906.60
3.	Dis 2010	9	667-159	19.3.2012	366,157.60
Jumlah Kecil					1,076,186.20
4.	Jun 2011	15	2850-159	1.10.2012	245,362.19
5.	Jul 2011	16	2851-159	1.10.2012	251,095.80
6.	Ogos 2011	17	2852-159	1.10.2012	269,532.73
7.	Sep 2011	18	2853-159	1.10.2012	260,988.10
8.	Okt 2011	19	2854-159	25.10.2012	263,432.82
9.	Nov 2011	20	2855-159	25.10.2012	249,981.30
10.	Dis 2011	21	2856-159	25.10.2012	265,179.20
Jumlah Kecil					1,805,572.14
11.	Okt 2012	31	627-159	1.10.2013	261,201.08
12.	Nov 2012	32	628-159	1.10.2013	255,496.23
13.	Dis 2012	33	1829-159	1.10.2013	260,997.45
Jumlah Kecil					777,694.76
Jumlah Keseluruhan					3,659,453.10

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- iii. Semakan lanjut mendapati bayaran pendahuluan diri bagi perolehan bekalan makanan haiwan berjumlah RM3.66 juta tersebut masih belum diselesaikan setakat tarikh pengauditan pada bulan Mei 2015. Perkara ini berlaku kerana JHL tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi pada tahun-tahun di mana perbelanjaan tersebut dilakukan.

- iv. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, pihak JHL tidak dapat membuat pembayaran balik pendahuluan diri tersebut disebabkan tidak mendapat tambahan peruntukan. Bagaimanapun, JHL berusaha untuk membuat pembayaran secara berkala. Bagi tujuan tersebut, JHL telah mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Pendahuluan Diri dengan ahli-ahli dari Kementerian Kewangan Sabah, Jabatan Bendahari dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 1 September 2015 dan hasil mesyuarat tersebut adalah pengwujudan Buku Daftar AP, mengenalpasti pecahan Pendahuluan Diri yang dipohon dan seterusnya permohonan untuk tambahan peruntukan dari Kementerian Kewangan Sabah.

b. Bil Lewat Diterima

- i. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan kebenaran Bendahari Negeri diperlukan bagi menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa bagi pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama tanpa menjelaskan aktiviti lain yang telah dirancang.
- ii. Semakan Audit mendapati kelulusan khas bagi pembayaran di bawah A.P.58(a) daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah diperolehi bagi pembayaran perolehan bekalan makanan haiwan tahun 2011 yang dibayar pada tahun 2012 seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Maklumat Bayaran Bagi Perolehan Bekalan
Makanan Haiwan Di Bawah A.P.58(a)

Bil.	Bayaran Bagi Bulan	No. Interim	No. Baucar	Tarikh Baucar	Amaun (RM)
1.	Jan 2011	10	758-159	23.03.2012	355,098
2.	Feb 2011	11	759-159	23.03.2012	297,054
3.	Mac 2011	12	760-159	23.03.2012	219,670
4.	April 2011	13	761-159	23.03.2012	219,102
5.	Mei 2011	14	762-159	23.03.2012	219,777
Jumlah					1,310,702

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- iii. Justifikasi permohonan berdasarkan pada borang permohonan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah adalah disebabkan invois lewat diterima daripada Taman ke Bahagian Akaun iaitu setelah akaun tahun 2011 ditutup. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap invois yang dikemukakan oleh pihak kontraktor mendapati tarikh invois adalah dari Januari hingga Mei 2011. Manakala invois bagi bulan Jun hingga Disember 2011 telah dibayar melalui pendahuluan diri A.P.54 seperti di **Jadual 2.7**.

- iv. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 21 September 2015, pihak kontraktor lewat mengemukakan invois tuntutan kepada Bahagian Akaun JHL. Bukti kelewatan dapat dilihat melalui cop terima yang tertera pada invois tuntutan yang mana tarikh terima di Bahagian Akaun JHL adalah 13 Mac 2012 (selepas tempoh perakaunan 2011 ditutup). Kesan dari kelewatan tersebut, terdapat beberapa tuntutan tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa kerana peruntukan tahun semasa yang terjejas akibat pembayaran melalui A.P.58(a). Bagaimanapun, JHL akan mengambil langkah yang lebih tegas agar pihak kontraktor mematuhi arahan JHL mengenai tempoh masa penghantaran invois tuntutan.

2.4.6.2. Lebihan Pembayaran Dan Tuntutan Oleh Syarikat

Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan semua baucar hendaklah disokong dengan butiran penuh mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja. Manakala Arahan Perbendaharaan 102(a)(i) dan (ii) menerangkan perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna dan harga yang dikenakan adalah sama atau mengikut kontrak atau skala yang diluluskan atau patut dan munasabah mengikut kadar tempatan semasa. Semakan Audit terhadap bayaran bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan, Kontrak Kerja Penyenggaraan serta Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan mendapati perkara berikut:

a. Lebihan Bayaran Bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan

- i. Pihak JHL telah mendapat pengecualian tatacara tender Bekalan Makanan Haiwan dengan melantik CL Corporation pada 1 April 2010 sehingga 30 Mac 2012 dengan anggaran kos tidak melebihi RM7.40 juta untuk tempoh 2 tahun. Kelulusan lanjutan kontrak telah diberikan bagi tempoh 2 tahun.
- ii. Semakan Audit terhadap Rekod Penerimaan Makanan bagi tahun 2012 hingga 2013 dengan baucar bayaran mendapati semua pembayaran dibuat kepada CL Corporation dan berlaku lebihan pembayaran kepada pihak pembekal seperti di **Jadual 2.9** dan **Jadual 2.10**.

Jadual 2.9
Lebihan Bayaran Bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan Bagi Tahun 2012

Bil.	Bekalan Makanan Bagi Tahun 2012	(A) Nilai Bekalan Makanan Yang Diterima (RM)	No. Baucar	Tarikh Baucar	(B) Jumlah Yang Dibayar Kepada Pembekal (RM)	(B) – (A) Lebihan Bayaran (RM)
1.	Januari	238,861.75	4049	01.12.2012	262,711.75	23,850.00
2.	Februari	217,590.15	4050	01.12.2012	239,280.84	21,690.69
3.	Mac	254,713.60	4051	01.12.2012	279,438.10	24,724.50
4.	April	236,402.34	4598	31.12.2012	261,352.34	24,950.00
5.	Mei	235,935.81	4599	31.12.2012	258,510.81	22,575.00
6.	Jun	232,220.65	4600	31.12.2012	253,840.65	21,620.00
7.	Julai	236,817.25	4601	31.12.2012	258,687.25	21,870.00
8.	Ogos	246,284.75	4602	31.12.2012	261,134.75	14,850.00
9.	September	221,975.73	4603	31.12.2012	235,925.73	13,950.00
10.	Oktober	242,751.08	0627	01.10.2013	261,201.08	18,450.00
11.	November	248,926.23	0628	01.10.2013	255,496.23	6,570.00
12.	Disember	237,147.45	1829	01.10.2013	260,997.45	23,850.00
Jumlah		2,849,626.79			3,088,576.98	238,950.19

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Jadual 2.10
Lebihan Bayaran Bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan Bagi Tahun 2013

Bil.	Bekalan Makanan Bagi Tahun 2013	(A) Nilai Bekalan Makanan Yang Diterima (RM)	No. Baucar	Tarikh Baucar	(B) Jumlah Yang Dibayar Kepada Pembekal (RM)	(B) – (A) Lebihan Bayaran (RM)
1.	Januari	241,389.40	3042	01.10.2013	262,590.65	21,201.25
2.	Februari	210,237.20	3043	01.10.2013	231,437.20	21,200.00
3.	Mac	236,771.45	3044	01.10.2013	260,621.45	23,850.00
4.	April	240,557.70	3045	01.10.2013	264,407.70	23,850.00
5.	Mei	256,720.88	3046	01.10.2013	278,475.48	21,754.60
6.	Jun	230,112.35	3047	01.10.2013	251,312.35	21,200.00
7.	Julai	254,531.15	3048	01.10.2013	275,831.15	21,300.00
8.	Ogos	256,348.95	0556	19.03.2014	278,998.95	22,650.00
9.	September	250,788.55	0555	19.03.2014	281,866.45	31,077.90
10.	Oktober	261,814.95	0554	19.03.2014	284,605.75	22,790.80
Jumlah		2,439,272.58			2,670,147.13	230,874.55

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- iii. Berdasarkan **Jadual 2.9** dan **Jadual 2.10**, analisis Audit mendapati pada tahun 2012 JHL telah membuat lebihan pembayaran sejumlah RM0.24 juta kepada pembekal dan sejumlah RM0.23 juta bagi tahun 2013 setakat bulan Oktober.

- iv. **Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, lebihan pembayaran adalah disebabkan oleh harga yang dikenakan ke atas bahan makanan ulat (mealworm) adalah RM0.70/g (dalam kontrak RM0.10/g) dan cengkerik RM1.50/ekor (dalam kontrak RM0.65/ekor). Perkara ini terlepas pandang dan tidak dikemaskini dalam kontrak walaupun telah dipersetujui oleh Pengarah JHL. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 26 Oktober 2015, pihak JHL mengakui bahawa tidak pernah memohon kelulusan dari**

Kementerian Kewangan Sabah dan beranggapan bahawa sebarang kelulusan harga tidak memerlukan kelulusan tersebut kerana jumlah yang dituntut akhirnya tidak melebihi harga yang diperuntukkan dalam kontrak yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Sabah selagi mana harga adalah berpatutan.

b. Lebihan Tuntutan Bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan

- i. Semakan Audit terhadap Rekod Penerimaan Makanan bagi tahun 2014 dan invois mendapati pihak pembekal telah membuat tuntutan melebihi jumlah bekalan makanan haiwan yang diterima oleh Taman seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Lebihan Tuntutan Bagi Kontrak Bekalan Makanan Haiwan
Bagi Tahun 2014

Bil.	Bekalan Makanan Bagi Tahun 2014	(A) Nilai Bekalan Makanan Yang Diterima (RM)	(B) Jumlah Invois (RM)	(B) – (A) Lebihan Tuntutan (RM)
1.	Januari	260,667.00	313,921.75	53,254.75
2.	Februari	231,404.30	309,314.80	77,910.50
3.	Mac	250,577.95	308,510.15	57,932.20
4.	April	247,690.95	308,453.50	60,762.55
5.	Mei	241,697.90	308,532.10	66,834.20
6.	Jun	256,559.80	309,186.10	52,626.30
7.	Julai	252,416.18	308,867.61	56,451.43
8.	Ogos	256,233.25	308,904.00	52,670.75
9.	September	248,431.53	309,946.66	61,515.13
10.	Oktober	244,705.73	309,939.73	65,234.00
11.	November	227,687.74	308,893.04	81,205.30
12.	Disember	296,685.45	309,393.25	12,707.80
Jumlah		3,014,757.78	3,713,862.69	699,104.91

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- ii. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2015, baukar bayaran bagi invois berjumlah RM0.70 juta belum disediakan.
- iii. **Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, tuntutan tersebut masih belum dibayar dan sedang disemak.**

c. Lebihan Bayaran Bagi Kerja Penyenggaraan

- i. Berdasarkan kontrak perjanjian yang telah ditandatangani, pihak kontraktor juga diberi tugas penyenggaraan yang lain dan butiran kerja penyenggaraan tersebut adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Butiran Kerja Penyenggaraan Dan Jumlah Tuntutan Dalam Kontrak Perjanjian

Bil.	Butiran Kerja	Amaun Dalam Kontrak (RM)
1.	Maintenance of grass cutting and compound drains and surrounding compound area	30,250
2.	Maintenance of exiting park compound light including headlamp and lamp post	6,683
3.	Maintenence and servicing of air-conditioning system	2,650
4.	Mantainence of mechanical and electrical work	3,500
5.	Maintenence of general cleaning and servicing for building and park toilet & surrounding compound area	30,317
6.	Mantainence of animal exibit area and surrounding compound area	20,000
7.	Mantainence of landscaping work for all the surrounding area	50,000
8.	Supervision and services for park security	31,600
Jumlah		175,000

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- ii. Berdasarkan **Jadual 2.12**, pihak kontraktor hanya dibenarkan menuntut kerja penyenggaraan yang lain berjumlah RM175,000 sebulan. Semakan Audit terhadap dokumen tuntutan bayaran mendapati pihak kontraktor membuat tuntutan lebih daripada kos yang telah ditetapkan dalam kontrak perjanjian seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
Lebihan Bayaran Kepada Kontraktor Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Bayaran Bagi Bulan	No. Interim	No. Baucar	Tarikh Baucar	(A) Amaun Dalam Kontrak (RM)	(B) Amaun Dibayar Kepada Kontraktor (RM)	(B) – (A) Lebihan Bayaran (RM)
1.	Jan 2012	24	1812-159	14.06.2012	175,000	208,330	33,330
2.	Feb 2012	25	1813-159	14.06.2012	175,000	208,330	33,330
3.	Mac 2012	26	1814-159	14.06.2012	175,000	208,330	33,330
4.	Apr 2012	27	1815-159	14.06.2012	175,000	207,380	32,380
5.	Mei 2012	28	2511-159	26.07.2012	175,000	208,330	33,330
6.	Jun 2012	29	2512-159	26.07.2012	175,000	208,330	33,330
7.	Jul 2012	30	3211-159	26.09.2012	175,000	208,330	33,330
8.	Ogos 2012	31	3212-159	26.09.2012	175,000	208,330	33,330
9.	Sep 2012	32	3779-159	15.11.2012	175,000	208,330	33,330
10.	Okt 2012	33	3991-159	01.12.2012	175,000	208,330	33,330
11.	Nov 2012	34	2735-159	30.08.2013	175,000	208,330	33,330
12.	Dis 2012	35	2736-159	30.08.2013	175,000	208,330	33,330
13.	Jan 2013	36	2737-159	30.08.2013	175,000	208,330	33,330
14.	Feb 2013	37	2738-159	02.09.2013	175,000	208,330	33,330
15.	Mac 2013	38	2739-159	02.09.2013	175,000	208,330	33,330
16.	Apr 2013	39	560-159	02.09.2013	175,000	208,330	33,330
17.	Mei 2013	40	3182-159	17.10.2013	175,000	208,330	33,330
18.	Jun 2013	41	3183-159	17.10.2013	175,000	208,330	33,330
19.	Jul 2013	42	3184-159	17.10.2013	175,000	208,330	33,330
20.	Ogos 2013	43	3201-159	19.03.2014	175,000	208,330	33,330
21.	Sep 2013	44	3987-159	13.11.2014	175,000	353,782	178,782
22.	Okt 2013	45	559-159	19.03.2014	175,000	235,580	60,580
23.	Nov 2013	46	558-159	19.03.2014	175,000	213,000	38,000
24.	Dis 2013	47	4507-159	13.11.2014	175,000	208,330	33,330
25.	Jan 2014	48	4389-159	02.12.2014	175,000	208,330	33,330
26.	Feb 2014	49	4390-159	02.12.2014	175,000	208,330	33,330
27.	Mac 2014	50	4508-159	02.12.2014	175,000	208,330	33,330
Jumlah					4,725,000	5,801,332	1,076,332

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- iii. Berdasarkan **Jadual 2.13**, terdapat lebihan bayaran kepada pihak kontraktor antara RM32,380 hingga RM178,782 sebulan. Keseluruhan tuntutan yang terlebih bayar bagi tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM1.08 juta.
- iv. Semakan lanjut Audit mendapati tuntutan yang dibuat oleh pihak kontraktor tidak disertakan dengan sijil atau surat pengesahan kerja oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, laporan atau gambar sebelum dan selepas kerja dilaksanakan tidak disertakan menyebabkan jenis kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor sepanjang tempoh perjanjian tidak dapat disahkan.
- v. **Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, kos penyenggaraan telah dikaji semula dengan peningkatan daripada RM175,000 sehingga RM208,000 sebulan disebabkan terdapat kerja-kerja yang dibuat dengan segera dan tambahan kepada kos penyenggaraan. Selain itu, pihak kontraktor akan bertugas lebih masa untuk memastikan kawasan yang digunakan dan fasiliti yang diperlukan berada dalam keadaan elok apabila terdapat acara-acara, perayaan atau lawatan pegawai kanan yang dijalankan di kawasan Taman.**
- vi. Pihak Audit mendapati permohonan daripada pihak kontraktor untuk tambahan kos kontrak kerja penyenggaraan, pembaikan dan landskap kepada JHL ada dibuat tetapi tiada bukti kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan salinan pindaan kontrak dikemukakan untuk semakan Audit.

d. Lebihan Bayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

- i. Berdasarkan Lampiran "A" *Contractual & General Requirement*, dokumen Kontrak Penyenggaraan dan Pembinaan Dan Landskap menetapkan bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan mengikut kontrak keselamatan adalah RM31,600 sebulan atau RM379,200 setahun seperti di **Jadual 2.14**.

Jadual 2.14
Jadual Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
Berdasarkan Dokumen Kontrak

Perihal	Kadar Sejam (RM)	Amaun (RM)
6 pengawal keselamatan bertugas waktu pagi – petang (6.00 am – 6.00 pm) dan 5 pengawal keselamatan bertugas pada waktu malam (6.00 pm – 6.00 am) termasuk ketua penyelia yang bertugas di pejabat/pondok keselamatan dan memastikan semua pengawal keselamatan menjalankan tugas mengikut jadual dan masa kerja serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Taman	3.80	
Cukai perkhidmatan (5%)		1,504.00
Jumlah Untuk Sebulan		31,600.00

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati jumlah tuntutan yang dikenakan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan adalah tidak selari dengan kadar sejam mengikut bilangan pengawal keselamatan. Berdasarkan **Jadual 2.14**, jumlah tuntutan yang dikenakan oleh pihak kontraktor bagi shif pagi adalah berdasarkan 24 jam bertugas dan 24 jam bagi shif malam juga. Jumlah tuntutan yang sepatutnya dikenakan adalah 12 jam bagi shif pagi dan 12 jam bagi shif malam.
- iii. Pihak kontraktor telah mengenakan bayaran sejumlah RM31,600 sebulan atau RM379,200 setahun bagi perkhidmatan kontrak keselamatan. Analisis Audit mendapati kadar bayaran yang sepatutnya dikenakan hanyalah RM15,800 sebulan atau RM189,600 setahun iaitu 50% kurang daripada kadar yang telah dibayar seperti di **Jadual 2.15**.

Jadual 2.15
Analisis Audit Terhadap Perbezaan Kadar Bayaran Bagi
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Kadar Yang Dikenakan Oleh Kontraktor		Kadar Berdasarkan Kontrak		Lebihan Bayaran
Perihal	(A) Amaun (RM)	Perihal	(B) Amaun (RM)	(A)–(B) Amaun (RM)
Shif Pagi: 6 orang x 24 jam x RM3.80 x 30 hari	16,416	Shif Pagi: 6 orang x 12 jam x RM3.80 x 30 hari	8,208	8,208
Shif Malam: 5 orang x 24 jam x RM3.80 x 30 hari	13,680	Shif Malam: 5 orang x 12 jam x RM3.80 x 30 hari	6,840	6,840
Cukai Perkhidmatan (5%)	1,504	Cukai Perkhidmatan (5%)	752	752
Jumlah Sebulan	31,600	Jumlah Sebulan	15,800	15,800
Jumlah Setahun	379,200	Jumlah Setahun	189,600	189,600

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Berdasarkan perkiraan di **Jadual 2.15**, pihak Audit mendapati JHL telah membuat lebihan pembayaran sejumlah RM505,600 kepada pihak kontraktor seperti di **Jadual 2.16**.

Jadual 2.16
Lebihan Bayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Bil.	Syarikat	Bayaran Bagi Bulan	No. Interim	No. Baucar	Tarikh Baucar	(A) Bayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (RM)	(B) Bayaran Yang Sepatutnya (RM)	(A) – (B) Lebihan Bayaran (RM)
1.	Lok Kawi Wildlife Park Corp.	Jan 2012	24	1812-159	14.6.2012	31,600	15,800	15,800
2.	-sda-	Feb 2012	25	1813-159	14.06.2012	31,600	15,800	15,800
3.	-sda-	Mac 2012	26	1814-159	14.06.2012	31,600	15,800	15,800
4.	-sda-	Apr 2012	27	1815-159	14.06.2012	31,600	15,800	15,800
5.	-sda-	Mei 2012	28	2511-159	26.07.2012	31,600	15,800	15,800
6.	-sda-	Jun 2012	29	2512-159	26.07.2012	31,600	15,800	15,800
7.	-sda-	Jul 2012	30	3211-159	26.09.2012	31,600	15,800	15,800
8.	-sda-	Ogos 2012	31	3212-159	26.09.2012	31,600	15,800	15,800

Bil.	Syarikat	Bayaran Bagi Bulan	No. Interim	No. Baukar	Tarikh Baukar	(A) Bayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (RM)	(B) Bayaran Yang Sepatuanya (RM)	(A) – (B) Lebihan Bayaran (RM)
9.	-sda-	Sep 2012	32	3779-159	15.11.2012	31,600	15,800	15,800
10.	-sda-	Okt 2012	33	3991-159	01.12.2012	31,600	15,800	15,800
11.	-sda-	Nov 2012	34	2735-159	30.08.2013	31,600	15,800	15,800
12.	-sda-	Dis 2012	35	2736-159	02.09.2013	31,600	15,800	15,800
13.	-sda-	Jan 2013	36	2737-159	02.09.2013	31,600	15,800	15,800
14.	-sda-	Feb 2013	37	2738-159	02.09.2013	31,600	15,800	15,800
15.	-sda-	Mac 2013	38	2739-159	02.09.2013	31,600	15,800	15,800
16.	-sda-	Apr 2013	39	560-159	19.03.2013	31,600	15,800	15,800
17.	-sda-	Mei 2013	40	3182-159	17.10.2013	31,600	15,800	15,800
18.	-sda-	Jun 2013	41	3183-159	17.10.2013	31,600	15,800	15,800
19.	-sda-	Jul 2013	42	3184-159	17.10.2013	31,600	15,800	15,800
20.	-sda-	Ogos 2013	43	3185-159	17.10.2014	31,600	15,800	15,800
21.	-sda-	Sep 2013	44	3987-159	13.11.2014	31,600	15,800	15,800
22.	-sda-	Okt 2013	45	559-159	19.03.2014	31,600	15,800	15,800
23.	-sda-	Nov 2013	46	558-159	19.03.2014	31,600	15,800	15,800
24.	-sda-	Dis 2013	47	3610-159	13.11.2014	31,600	15,800	15,800
25.	-sda-	Jan 2014	48	4389-159	08.12.2014	31,600	15,800	15,800
26.	-sda-	Feb 2014	49	4390-159	08.12.2014	31,600	15,800	15,800
27.	-sda-	Mac 2014	50	4508-159	15.12.2014	31,600	15,800	15,800
28.	G Enterprise	Ogos 2014	1	4138-159	24.11.2014	31,600	15,800	15,800
29.	-sda-	Sep 2014	2	4139-159	24.11.2014	31,600	15,800	15,800
30.	-sda-	Okt 2014	3	4140-159	24.11.2014	31,600	15,800	15,800
31.	-sda-	Nov 2014	4	957-159	24.03.2015	31,600	15,800	15,800
32.	-sda-	Dis 2014	5	958-159	24.03.2015	31,600	15,800	15,800
Jumlah						1,011,200	505,600	505,600

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- v. Berdasarkan **Jadual 2.16**, jumlah bayaran yang telah dibayar kepada pihak kontraktor bagi perkhidmatan kawalan keselamatan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah RM1.01 juta. Bayaran yang sepatutnya dibayar kepada pihak kontraktor adalah RM0.51 juta di mana terdapat lebihan pembayaran sebanyak 50% atau RM505,600.
- vi. **Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, kadar harian bagi seorang pengawal keselamatan telah dinaikkan pada tahun 2014 bagi menyokong saranan kerajaan iaitu pembayaran gaji minima setiap pekerja ialah RM800 sebulan. Peningkatan harga kadar harian tidak melibatkan peningkatan harga keseluruhan siling yang diperuntukkan untuk kawalan keselamatan yang dipersetujui dalam kontrak.**
- vii. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada bukti kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan salinan pindaan kontrak dikemukakan oleh pihak JHL mengenai pindaan kadar tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran adalah kurang memuaskan. JHL perlu memastikan peruntukan adalah mencukupi dan dibayar mengikut tempoh ditetapkan bagi mengelakkan A.P.54 dan A.P.58(a). Selain itu, JHL perlu memastikan tuntutan daripada pihak pembekal adalah berdasarkan kontrak perjanjian, pengesahan dibuat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan dan potongan/denda terhadap tuntutan perlu dilaksanakan sebelum pembayaran dibuat. Tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang cuai dalam mengesahkan tuntutan berkenaan yang menyebabkan kerugian wang Kerajaan.

2.4.7. Kemudahan Awam Dan Infrastruktur

Kemudahan awam dan infrastruktur yang baik dan mencukupi perlu disediakan dan sentiasa disenggara dengan baik agar para pelawat dapat menggunakan kemudahan tersebut dengan selesa. Taman ada menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur seperti tandas awam, papan tanda, laluan pejalan kaki, pondok rehat pelawat, perkhidmatan tram, kedai cenderamata, bangunan kedai dan kafeteria. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan pada bulan April dan Mei 2015 dan mendapati perkara berikut:

2.4.7.1. Bangunan Kedai

- a. Bangunan kedai telah dibina bagi tujuan penyewaan kepada peniaga yang ingin bermiaga di kawasan Taman. Bangunan tersebut terletak di Zon 1 berhadapan tempat letak kereta awam. Pemeriksaan Audit mendapati bangunan tersebut tidak mempunyai penyewa seperti di **Gambar 2.25** dan **Gambar 2.26**.

Gambar 2.25

**Bangunan Kedai Yang Tiada Penyewa
Lot-lot Kedai Di Sebelah Kiri**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tempat Letak Kereta, Zon 1,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 2.26

**Bangunan Kedai Yang Tiada Penyewa
Lot-lot Kedai Di Sebelah Kanan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tempat Letak Kereta, Zon 1
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 14 April 2015

- b. Pegawai Taman memaklumkan bahawa keadaan kedai yang bertingkat adalah kurang sesuai kerana para pelawat terpaksa menggunakan tangga untuk mengunjungi kedai berkenaan menyebabkan perniagaan kurang mendapat

sambutan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja penyenggaraan di bangunan kedai tersebut pada 29 April 2014 dengan nilai kos berjumlah RM47,570 telah dibuat bagi membaiki kerosakan. Maklumat lanjut kerja penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 2.17**.

Jadual 2.17
Butiran Kerja Penyenggaraan Bangunan Kedai Pada 29 April 2014

Bil.	Jenis Kerja	Kuantiti	Amaun (RM)
1.	Membuka dan menggantikan jubin yang telah rosak atau tertanggal, 860 kaki persegi.	860 sq	18,500
2.	Membekal dan memasang pintu besi (sliding door) di pintu masuk tandas	11'x 4.5'	1,800
3.	Kerja-kerja mencat handril, beam, column, dinding bawah siling tangga, dinding tandas, tembok, paip, tiang dan kawasan bunga.		19,500
4.	Membekal dan memasang "flush" mangkuk tandas	3 unit	1,500
5.	Membekal dan memasang kunci kedai	3 unit	180
6.	Membekal dan memasang suis lampu	3 unit	90
7.	Membekal dan memasang kepala paip	10 unit	1,000
8.	Membekal dan memasang singki	5 unit	5,000
Jumlah			47,570

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- c. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, pembinaan bangunan kedai adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada komuniti persekitaran Taman untuk melibatkan mereka dalam aktiviti perniagaan dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Situasi pelawat yang bermusim menjadi faktor kepada kurangnya minat penyewa kedai untuk berniaga. Oleh kerana bangunan tidak digunakan, beberapa kemudahannya mulai reput dan memerlukan pemberian. JHL telah membuat pemberian yang perlu kerana ingin menarik penyewa dari syarikat makanan segera seperti KFC dan McD atau lain-lain. Bagaimanapun, masih belum ada permohonan daripada mereka.

2.4.7.2. Bangunan Kafeteria

- a. Bangunan kafeteria telah dibina bagi tujuan penyewaan dan memberi manfaat kepada pelawat. Bangunan tersebut terletak di Zon 2 Taman. **Gambar 2.27** dan **Gambar 2.28** menunjukkan keadaan bangunan dan ruang kafeteria yang tiada penyewa. Bagaimanapun, ruang kafeteria telah dijadikan ruang pameran kepada pelawat selepas teguran daripada pihak Audit seperti di **Gambar 2.29**.



Gambar 2.27
Bangunan Kafeteria Yang
Tiada Penyewa


Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 17 April 2015

Gambar 2.28
Ruang Kafeteria
Yang Tiada Penyewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 17 April 2015

Gambar 2.29
Ruang Kafeteria Yang
Dijadikan Ruang Pameran



Sumber: Jabatan hidupan Liar
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

- b. Selain itu, didapati keadaan ruang dapur kafeteria adalah berselerak dan meter elektrik tidak disenggara dengan baik seperti di **Gambar 2.30** dan **Gambar 2.32**. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik. Bagaimanapun, tindakan pembaikan telah diambil selepas teguran daripada pihak Audit seperti di **Gambar 2.31** dan **Gambar 2.33**.

Gambar 2.30
Keadaan Dapur Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.31
Keadaan Dapur Yang Telah Disenggara



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

Gambar 2.32
Penutup Meter Elektrik Yang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 15 April 2015

Gambar 2.33
Penutup Meter Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Hidupan Liar
Lokasi: Cafeteria, Zon 2,
Taman Hidupan Liar Lok Kawi
Tarikh: 26 Oktober 2015

- c. Berdasarkan maklum balas JHL bertarikh 4 September 2015, oleh kerana tiada sambutan daripada peniaga, pihak JHL telah bersetuju dengan Sabah Education And Environment Network (SEEN) dan badan bukan kerajaan untuk menjadikan bangunan kafeteria sebagai tempat aktiviti pendidikan seperti pameran dan taklimat kepada para pelawat. Selain itu, ruang dapur kafeteria dijadikan tempat penyimpanan papan-papan panel bagi tujuan pemasangan tempat paparan bagi informasi pelawat dan orang awam. Pihak kontraktor tidak dibenarkan mengakses masuk ke ruang dapur untuk kerja-kerja penyenggaraan disebabkan terdapat beberapa peralatan JHL yang disimpan di bilik tersebut bagi penggunaan semasa acara. Bagaimanapun, pihak Taman akan membuka pintu apabila perlu bantuan penyenggaraan di bilik tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan awam dan infrastruktur di Taman adalah kurang memuaskan. Bangunan kedai dan kafeteria yang dibina tidak dapat dimanfaatkan dan menjana hasil. Sebaliknya pihak JHL terpaksa menanggung kos penyenggaraan yang telah dibuat.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi dapat dilaksanakan secara berkesan, penambahbaikan berikut adalah disyorkan:

2.5.1. Memastikan kerja penyenggaraan dan naik taraf di Taman, bekalan makanan haiwan dan perkhidmatan kawalan keselamatan dilaksanakan dengan sempurna mengikut skop kerja dalam kontrak perjanjian serta memantau dan mengesahkan kesahihan kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan bagi mengelakkan pembayaran berlebihan.

2.5.2. Memastikan peruntukan mencukupi dan dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan A.P.54 dan A.P.58(a).

2.5.3. Memastikan kemudahan yang disediakan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran di samping dapat menjana hasil kepada Taman. Dengan itu, pihak Taman hendaklah meningkatkan promosi supaya lebih ramai pengunjung menggunakan kemudahan.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

JABATAN KERJA RAYA

3. PENYENGGARAAN JALAN NEGERI OLEH SYARIKAT KONSESI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jalan Negeri merupakan mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Jalan-jalan ini perlu disenggarakan secara berterusan dan teratur bagi memastikan kualiti jalan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh orang awam. Jalan Negeri adalah jalan yang layak mendapat pemberian geran jalan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 109(1)(b), Jadual 10, bahagian 11,3b. Pemberian tersebut diperakaunkan dalam satu akaun kumpulan wang amanah khusus untuk tujuan ini iaitu Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) yang dikawal oleh Kementerian Kewangan Negeri. Kumpulan wang ini digunakan untuk menampung perbelanjaan kerja-kerja penyenggaraan jalan Negeri termasuk jalan-jalan Negeri yang terletak di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pemberian tersebut kepada Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM427.43 juta, RM507.77 juta dan RM542.92 juta. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM130 juta, RM35 juta dan RM30 juta masing-masing pada tahun 2012, 2013 dan 2014 untuk menambah dana kumpulan wang ini.

3.1.2. Berdasarkan *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri di Sabah setakat bulan Disember 2014 adalah 20,082.74 kilometer (KM) yang terdiri daripada 9,060.42 KM jalan Negeri di kawasan PBT dan 11,022.32 KM jalan Negeri yang diuruskan oleh JKR. Penyenggaraan jalan-jalan Negeri di kawasan PBT dikawal selia oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah, manakala penyenggaraan jalan-jalan Negeri yang lain dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR). **Jadual 3.1** menunjukkan panjang jalan Negeri (jalan Negeri di kawasan PBT dan jalan Negeri di bawah pengurusan JKR) mengikut kategori Jalan Berturap [Sealed Road (SRT1)], Jalan Batu Kerikil [Gravel Road (SRT2)] dan Jalan Tanah [Earth Road (SRT3)].

Jadual 3.1
Status Panjang Jalan Negeri Di Bawah Pengurusan PBT Dan JKR
Sehingga Bulan Disember 2014

Bil.	Kawasan	SRT1 (KM)	SRT2 (KM)	SRT3 (KM)	Jumlah (KM)
1.	Jalan PBT	3,585.78	5,227.49	247.15	9,060.42
2.	Jalan Negeri Seliaan JKR	5,780.43	4,862.56	379.33	11,022.32
Jumlah Keseluruhan		9,366.21	10,090.05	626.48	20,082.74

Sumber: MARRIS

3.1.3. Bagi jalan-jalan JKR, JKR telah melantik Syarikat GLOBINACO Sdn. Bhd. manakala jalan PBT, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah melantik Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. (Konsesi) secara rundingan terus untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan menggunakan kaedah program kerja bagi jalan JKR dan *performance based* bagi jalan di kawasan PBT. Pihak Konsesi bertanggungjawab merancang dan melaksanakan sendiri kerja-kerja penyenggaraan yang perlu dilaksanakan supaya matlamat Kerajaan Negeri untuk memastikan kualiti jalan berada dalam kedaan baik dan selamat digunakan tercapai. Bagi jalan PBT, pihak Konsesi melantik Juruperunding yang telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan Negeri untuk menyelia kerja-kerja penyenggaraan dan mengesahkan tuntutan pembayaran.

3.1.4. Tempoh konsesi bagi jalan JKR adalah 15 tahun bermula daripada tahun 2004 hingga 2019 manakala bagi jalan PBT pula tempoh konsesi adalah selama 10 tahun bermula daripada tahun 2002 hingga 2012 dan dilanjutkan 15 tahun lagi bermula tahun 2013 hingga 2027.

3.1.5. Bagi jalan JKR, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah selaku wakil dan Juruaudit kontrak ini bagi pihak Kerajaan bertanggungjawab memantau pematuhan Konsesi terhadap kehendak kontrak. Bagi jalan PBT pula, Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) yang diketuai oleh Pengarah Projek (Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri, Bahagian Pembangunan) dipertanggungjawabkan untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Konsesi secara *random* dan pematuhan Konsesi terhadap syarat dan spesifikasi kontrak manakala di peringkat daerah, pemantauan dibuat oleh Wakil Pengarah Projek (WPP), iaitu Jurutera PBT yang dilantik mengikut zon.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan Negeri oleh pihak Konsesi bagi jalan berturap (SRT1) telah diuruskan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan dan kerja penyenggaraan rutin, berkala dan pemulihan/kerja-kerja kecemasan yang dilaksanakan oleh pihak konsesi bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Kajian ditumpukan kepada penyenggaraan jalan berturap (SRT1) sahaja. Pemeriksaan dijalankan terhadap kontrak, rekod dan dokumen berkaitan di Kementerian Kewangan Negeri, JKR serta Pejabat Konsesi bagi 4 daerah yang dipilih iaitu Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna. Lawatan Audit bersama Jurutera Kementerian Kewangan dan JKR, Juruperunding dan pihak Konsesi telah dibuat berdasarkan pemilihan sampel jalan dengan mengambil kira kawasan bandar/pekan, kawasan perumahan dan kampung di 4 daerah tersebut. Sampel jalan yang dipilih adalah sepanjang 295.51 KM yang melibatkan 61 batang jalan dan mewakili 6.6% daripada 4,469.59 KM bagi jalan Negeri di bawah

tanggungjawab JKR (jalan JKR) dan sepanjang 173.30 KM yang melibatkan 331 batang jalan dan mewakili 6.1% daripada 2,842.92 KM panjang keseluruhan jalan Negeri di kawasan PBT yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat Konsesi. Selain itu, temu bual dengan pegawai Kementerian Kewangan Negeri, JKR, Juruperunding dan Konsesi yang terlibat dalam pengurusan dan kerja penyenggaraan juga dijalankan. Pihak Audit juga menyusul tindakan penambahbaikan oleh Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. *Exit Conference* telah diadakan pada 24 Februari 2015 untuk jalan JKR dan 10 Ogos 2015 untuk jalan PBT. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan dan Infrastruktur, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan wakil daripada Jabatan Ketua Menteri dan pihak Konsesi.

3.4. PENEMUAN AUDIT

- a. Kajian ini pernah dijalankan pada tahun 2012 dan telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 Siri 2. Kedudukan terkini bagi isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam laporan tersebut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Kedudukan Terkini Bagi Isu-Isu Yang Telah Dibangkitkan

Bil.	Perenggan	Isu Yang Dibangkitkan	Kedudukan Terkini
1.	1.4.2	Jalan tidak disenggara mengikut kontrak.	Selesai
2.	1.4.4.1	Sebanyak 225 daripada 53,131 jalan telah dipantau oleh Unit Khas Pemantauan bagi tahun 2008 hingga 2012. Selain itu, Mesyuarat <i>Regional</i> hanya diadakan sebanyak dua kali sepanjang tempoh tersebut.	Prestasi pemantauan bertambah baik di mana sebanyak 262 daripada 12,528 jalan telah dipantau sepanjang tempoh 2012 hingga 2014. Bagaimanapun, Mesyuarat <i>Regional</i> hanya dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2013.
3.	1.4.4.2	Wakil Pengarah Projek (WPP) hanya mengemukakan 2 laporan sahaja iaitu bulan Januari dan Februari 2011 bagi sepanjang tempoh 2010 hingga 2012.	WPP telah menghantar laporan bulanan kepada UKP. Bagaimanapun, laporan yang dikemukakan hanya berkaitan aduan awam yang diterima dan telah diambil tindakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Pengauditan terhadap penyenggaraan jalan Negeri oleh Konsesi telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 bagi jalan JKR dan bulan Mac hingga Mei 2015 bagi jalan PBT. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati kerja-kerja penyenggaraan jalan JKR dan PBT oleh pihak Konsesi adalah baik kerana kerja penyenggaraan berkala dan pemulihan/kecemasan telah dilaksanakan mengikut kontrak. Manakala pemantauan kerja-kerja penyenggaraan bagi jalan JKR dan PBT oleh JKR dan UKP, Kementerian Kewangan adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut dan tindakan segera telah diambil oleh Konsesi, JKR dan

Kementerian Kewangan Negeri untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan berkenaan selepas teguran Audit. Ringkasan kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kerja-kerja pemulihan tidak dapat dilaksanakan keranakekangan peruntukan kewangan.
- Kerja-kerja penyenggaraan rutin tidak dan lewat dilaksanakan.
- Program usaha sama antara Konsesi dan Institusi Pengajian Tempatan seperti ditetapkan dalam perjanjian tidak mendapat kelulusan Kerajaan.
- Aduan lewat diselesaikan dan pengurusan *call centre* kurang berkesan.
- Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh Konsesi tidak menyeluruh.

3.4.1. Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan)

3.4.1.1. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Pemberian tersebut diperakaunkan dalam satu akaun kumpulan wang amanah khusus untuk tujuan ini iaitu Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) yang dikawal oleh Kementerian Kewangan Negeri. Memandangkan pemberian Kerajaan Persekutuan tersebut tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan penyenggaraan jalan Negeri, maka Kerajaan Negeri Sabah juga menyalurkan peruntukan untuk kumpulan wang tersebut berjumlah RM195 juta bersamaan 11.7% bagi tempoh 3 tahun. Terimaan/peruntukan yang diterima di bawah kumpulan wang ini pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah masing-masing berjumlah RM557.43 juta, RM542.79 juta dan RM572.92 juta. Manakala jumlah perbelanjaan bagi tempoh tersebut adalah masing-masing RM560.78 juta, RM581.66 juta dan 568.77 juta termasuk daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

Terimaan/Peruntukan Dan Perbelanjaan Di Bawah Akaun Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) Pada Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Terimaan/Peruntukan				Perbelanjaan		Surplus/ Defisit (RM Juta)
	Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Lain-lain (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Perkara	Amaun (RM Juta)	
2012	427.43	130.00	-	557.43	Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT2 dan SRT3 oleh JKR sendiri.	103.91	-
					Penyenggaraan SRT1, SRT2 dan SRT3 bagi jalan PBT.	156.87	
					Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT1 oleh Syarikat Konsesi.	300.00	
					Jumlah 2012	560.78	-3.35
2013	507.77	35.00	0.01	542.79	Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT2 dan SRT3 oleh JKR sendiri.	102.11	-

Tahun	Terimaan/Peruntukan				Perbelanjaan		Surplus/ Defisit (RM Juta)
	Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Lain-lain (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Perkara	Amaun (RM Juta)	
2014	542.92	30.00	-	572.92	Penyenggaraan SRT1, SRT2 dan SRT3 bagi jalan PBT.	169.56	-
					Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT1 oleh Syarikat Konsesi.	309.99	
					Jumlah 2013	581.66	-38.87
2014	542.92	30.00	-	572.92	Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT2 dan SRT3 oleh JKR sendiri.	107.61	-
					Penyenggaraan SRT1, SRT2 dan SRT3 bagi jalan PBT.	161.16	
					Penyenggaraan jalan Negeri bagi SRT1 oleh Syarikat Konsesi.	300.00	
					Jumlah 2014	568.77	4.15

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

3.4.1.2. Jadual 3.3 di atas menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan kumpulan wang amanah ini melebihi hasil/peruntukan yang diterima pada tahun 2012 dan 2013 iaitu masing-masing berjumlah RM560.78 juta dan RM581.66 juta berbanding hasil/peruntukan yang diterima masing-masing berjumlah RM557.43 juta dan RM542.79 juta. Ini menyebabkan kumpulan wang ini mengalami defisit pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing berjumlah RM3.35 juta dan RM38.87 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2014 Kumpulan Wang mengalami surplus sebanyak RM4.15 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
**Kedudukan Akaun Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya
Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan)**
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Perkara	Tahun		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	49.94	46.59	7.71
Hasil Diterima	557.43	542.79	572.92
Perbelanjaan	560.78	581.66	568.77
Surplus/Defisit	-3.35	-38.88	4.15
Baki Pada 31 Disember	46.59	7.71	11.86

Sumber: Jabatan Kerja Raya

3.4.1.3. Berdasarkan maklum balas pihak JKR pada 24 Februari 2015, JKR Sabah telah memohon kepada Kementerian Kewangan Negeri dan JKR Malaysia melalui surat JKR.PJN(S)200-8/1Klt.5(7) bertarikh 15 Mac 2011 mengenai cadangan kenaikan peruntukan bagi jalan SRT1-RM43,882.48/km/yr, SRT2-RM26,565.41/km/yr dan SRT 3-RM16,503.05/km/yr. Selain itu, JKR Sabah akan terus memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kewangan Sabah.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah sangat baik, antara 99.3% hingga 100.6%. Selain peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah turut menyediakan peruntukan sejumlah RM195 juta bagi tempoh yang sama.

3.4.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan

3.4.2.1. Jalan JKR

- a. Bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan JKR untuk kategori Jalan Berturap (SRT1) yang dilaksanakan oleh Konsesi, JKR telah memohon peruntukan masing-masing berjumlah RM480 juta, RM490 juta dan RM500 juta pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan Negeri yang mengawal Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) hanya meluluskan peruntukan masing-masing berjumlah RM300 juta, RM310 juta dan RM300 juta. Daripada jumlah peruntukan tersebut, JKR telah membelanjakan sejumlah RM300 juta, RM309.99 juta dan RM300 juta masing-masing pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Kerja-kerja Penyenggaraan Jalan JKR Untuk Kategori Jalan Berturap Yang Dilaksanakan Oleh Konsesi

Tahun	Peruntukan Dan Perbelanjaan			
	Dipohon (RM Juta)	Diluluskan (RM Juta)	Dibelanjakan (RM Juta)	(%) Dibelanja
2012	480.00	300.00	300.00	100.0
2013	490.00	310.00	309.99	99.9
2014	500.00	300.00	300.00	100.0

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- b. Mengikut kontrak, penyenggaraan jalan perlu dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan berdasarkan keadaan dan tahap kerosakan jalan. Keadaan dan tahap kerosakan jalan dikenal pasti dan dikategorikan dengan menggunakan *Road Condition Rating* (RCR) seperti di **Jadual 3.6**. Berpandukan kepada keputusan RCR ini, Konsesi dengan kelulusan JKR menyediakan program bagi penyenggaraan rutin dan berkala serta anggaran kos yang terlibat. Kerja-kerja penyenggaraan sebaik-baiknya dilaksanakan mengikut perancangan atau program yang diluluskan bagi memastikan jalan dalam keadaan baik dan mempunyai jangka hayat yang lebih lama.

Jadual 3.6
Panduan Kedudukan Keadaan Jalan

Tahap	Keadaan Jalan	Butiran
1	Sangat Baik	<i>Newly constructed or recently overlaid road.</i>
2	Baik	<i>Constructed or overlaid fairly recently and required minor treatment or little maintenance.</i>
3	Sederhana	<i>In sound structural condition generally but clearly need preservation maintenance treatment.</i>
4	Teruk	<i>Shows sign required strengthening and overlaid; moderate to severe surface distress.</i>
5	Sangat Teruk (Tidak Boleh Disenggara)	<i>Reconstruction required, roads show severe and extensive distress and extensive loss of surface intergrity.</i>

Sumber: *Road Condition Rating (by Subjective Method)* - Globinaco

- c. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, keadaan jalan JKR berturap yang dikontrakkan kepada konsesi mengikut kategori (keadaan dan tahap kerosakan jalan) berdasarkan kajian RCR adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Keadaan Jalan JKR Berturap Mengikut Kategori Pada Tahun 2014

Tahap	Keadaan Jalan	Panjang Jalan (KM)		
		2012	2013	2014
1	Sangat Baik	507	312	503
2	Baik	760	538	870
3	Sederhana	2,039	2,275	2,085
4	Teruk	502	530	480
5	Sangat Teruk (Tidak Boleh Disenggara)	164	158	231
Jumlah Keseluruhan		3,972	3,813	4,169

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- d. **Jadual 3.7** di atas menunjukkan bahawa pada tahun 2014 hanya 1,373 KM atau 32.9% daripada 4,169 KM panjang keseluruhan jalan JKR berturap yang disenggara oleh Konsesi berada di bawah *condition 1 (very good)* dan *condition 2 (good)*, di mana penyenggaraan rutin adalah memadai. Manakala jalan JKR di bawah *condition 3 (fair)* dan *condition 4 (poor)* yang memerlukan penyenggaraan berkala pula adalah 2,565 KM atau 61.6% dan jalan di bawah *Condition 5 (Unmaintainable Road)* yang memerlukan kerja-kerja pembinaan semula adalah 231 KM atau 5.5%. Kos yang dianggarkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berkala dan pembinaan semula tersebut berjumlah RM746.1 juta. Bagaimanapun, JKR tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan, pemberian atau pembinaan semula kesemua jalan JKR berkenaan kerana peruntukan yang terhad. Pada tahun 2014, JKR hanya mendapat peruntukan berjumlah RM79.15 juta untuk melaksanakan penyenggaraan berkala di bawah *condition 3* dan *condition 4* yang melibatkan 558 batang jalan JKR sepanjang 2,565 KM dan RM11.58 juta untuk melaksanakan pembinaan semula jalan JKR di bawah kategori *Unmaintainable Road (condition 5)* yang melibatkan 134 batang jalan JKR sepanjang 231.44 KM. Oleh itu, JKR terpaksa melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berkala dan pembinaan semula jalan mengikut keutamaan. Mengikut Program kerja tahun 2014 (Revision No. 1), terdapat 350 batang jalan JKR sepanjang 616.430 KM yang memerlukan penyenggaraan berkala di bawah *condition 3* dan *condition 4* seperti *pavement strengthening and resurfacing works, widening of road pavement, repair of rutting defect* dan sebagainya dengan anggaran kos berjumlah RM 205.69 juta dan 213 batang jalan JKR sepanjang 153.44 KM di bawah *condition 5 (Unmaintainable Road)* dengan anggaran kos berjumlah RM294.85 juta terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya kerana peruntukan tidak mencukupi. Ini tidak termasuk kerja-kerja penyenggaraan *non-pavement* seperti *reinstatement of damage R.C. road side drain, walkway, road kerb, weepholes, collapsed of gabion wall, construction of cross culvert* dan sebagainya. Butiran lanjut *backlog* kerja-kerja penyenggaraan (*pavement*) pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Backlog Kerja-kerja penyenggaraan (Pavement) Jalan JKR Berturap
Pada Akhir Tahun 2014

Kategori Jalan	Panjang Jalan (KM)	Panjang Jalan Memerlukan penyenggaraan Berkala (KM)	Peratus (%)	Kos (RM Juta)
Maintainable Road (condition 3 & 4)	2,565.00	616.43	41.7	205.69
Unmaintainable Road (condition 5)	231.44	153.44	66.2	294.85
Jumlah	2796.44	769.87	45.12	500.54

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- e. Kelewatan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan seperti dirancang boleh menyebabkan tahap kerosakan jalan berkenaan menjadi lebih teruk. Analisis lanjut Audit mendapati, kes di mana kategori kerosakan jalan JKR berubah dari *condition 3* menjadi *condition 4* atau *condition 5* selepas 2 hingga 3 tahun tidak disenggara mengikut perancangan. Perubahan tahap kerosakan ini menyebabkan kos penyenggaraan atau pemberian juga turut meningkat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.9**. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan untuk menambah peruntukan bagi membolehkan kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan seperti dirancang dan mengelakkan kerosakan yang lebih teruk.

Jadual 3.9
Contoh Tahap Kerosakan Jalan Meningkat Kerana Tidak Disenggara Mengikut Perancangan

Bil.	Nama Jalan	Lokasi	Kerosakan/Indeks		
			2012	2013	2014
Sandakan					
1.	Bokara Lama	0.000-1.086	3	4	4
2.	Saudi Sabah Refinery	0.000-0.724	3	3	4
3.	Sungai Tiram	0.000-6.428	-	3	4
4.	SPS III	0.000-11.50	-	3	4
Tawau					
6.	Tinagat	0.700-4.700	3	3	4
7.	Kuhara (S)	0.700-4.800	3	3	4
8.		7.800-8.200	3	3	4
9.	Dominic	0.000-0.952	3	3	4
Semporna					
10.	Tanjong Kapor, Semporna	2.000-9.000	-	3	4
11.	Sungai Gajah	0.000-0.702	3	3	4
12.	Bum Bum 3	0.000-3.850	-	3	4
Kota Marudu					
13.	Ranau	1.000-2.414	3	3	4
Kota Kinabalu					
14.	Punchak	0.000-0.170	3	3	5
15.	Shariff Osman	0.426-0.626	3	4	5
Papar					
16.	Perkuburan Muntunoh	0.000-3.012	-	4	5
17.	SRK Kawang	0.000-0.388	-	4	5
18.	Hospital Takis	0.000-1.038	-	4	5
19.	New Hospital	0.000-0.542	3	3	5
20.	Ulu Sebandil	0.000-1.011	4	4	5

Bil.	Nama Jalan	Lokasi	Kerosakan/Indeks		
			2012	2013	2014
21.	Tambing Kg. Brunei	0.000-0.502	-	3	5
22.	Pekan Kimanis	0.000-1.050	-	3	5
23.	Bongawan Spur	0.000-0.395	-	3	5
24.	Kuala Bongawan	0.000-2.457	3	3	5
Tuaran					
25.	Tanjau Termenung 1	1.000-2.700	3	3	5
26.	Kiulu Lawamandau	0.000-11.500	4	4	5
Kuala Penyu					
27.	Perumahan Kerajaan	0.000-1.000	3	3	5
Sipitang					
28.	Pantai Luagan	0.000-6.999	-	3	5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- f. **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4** adalah contoh keadaan jalan raya yang memerlukan penyenggaraan berkala di bawah *condition 3* dan *condition 4*. Manakala **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.7** adalah contoh keadaan jalan raya di bawah *unmaintainable road* (*condition 5*) yang mengalami kerosakan yang teruk dan perlu dibina semula.

Gambar 3.1
Jalan Raya Yang Memerlukan
Penyenggaraan Berkala



08.10.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Tiram Sandakan
Tarikh: 8 Oktober 2014

Gambar 3.2
Jalan Raya Yang Memerlukan
Penyenggaraan Berkala



15.10.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paitan Kanibongan , Beluran
Tarikh: 10 Oktober 2014

Gambar 3.3
Jalan Raya Yang Memerlukan
Penyenggaraan Berkala



28.10.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Haiwan Tinagayan,, Semporna
Tarikh: 28 Oktober 2014

Gambar 3.4
Jalan Raya Yang Memerlukan
Penyenggaraan Berkala



03.11.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ranggu, Tawau
Tarikh: 3 November 2014

Gambar 3.5
Keadaan Jalan Raya Di Bawah
Unmaintainable Road



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paitan Kanibungan, Beluran
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 3.6
Keadaan Jalan Raya Di Bawah
Unmaintainable Road



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Yai-Yai Sg. Buaya, Semporna
Tarikh: 27 Oktober 2014



Gambar 3.7
Keadaan Jalan Raya Di Bawah
Unmaintainable Road

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Merotai Kalabakan, Tawau
Tarikh: 5 November 2014

- g. Berdasarkan maklum balas pihak JKR pada 24 Februari 2015, JKR Sabah akan memohon peruntukan tambahan untuk membaiki kerosakan jalan-jalan yang kurang memuaskan. Selain daripada itu, JKR Sabah juga akan memohon peruntukan tambahan khas untuk menyenggara jalan-jalan yang berada dalam kategori *Unmaintainable Roads*. Ini adalah amat penting agar peruntukan sedia ada kini yang sepatutnya digunakan untuk menyenggara jalan-jalan *Maintainable Roads* tidak perlu dibelanjakan untuk menyenggara jalan-jalan dalam kategori *Unmaintainable Roads*.

3.4.2.2. Jalan PBT

- a. Nilai kontrak dan panjang jalan yang perlu disenggara ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai setiap tahun. Pada tahun 2012 hingga 2014, nilai keseluruhan kontrak yang ditetapkan adalah berjumlah RM476.42 juta dengan 18,799.67 KM panjang jalan yang disenggara. Bagaimanapun, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM522.80 juta kerana 15 Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan berjumlah RM46.38 juta. Arahan Perubahan Kerja tersebut adalah untuk menampung kos kerja-kerja

pemulihan/menaik taraf dan kerja-kerja kecemasan yang tidak termasuk dalam nilai kontrak asal. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Nilai Kontrak Dan Pembayaran Kepada Konsesi

Tahun	Nilai Kontrak			Pembayaran	
	Nilai Asal (RM Juta)	Arahan Perubahan Kerja	Jumlah (RM Juta)	Dibayar (RM Juta)	Peratus (%)
		Bil.	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2012	155.19	6	12.69	167.88	97.1
2013	160.64	5	15.13	175.77	95.4
2014	160.59	4	18.56	179.15	91.6
Jumlah	476.42	15	46.38	522.80	94.6

Sumber: Kementerian Kewangan Dan Konsesi

- b. Mengikut kontrak, Konsesi perlu melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan rutin dan berkala mengikut konsep *performance based*. Di bawah konsep ini, Konsesi bertanggungjawab memperbaiki semua kerosakan jalan mengikut keperluan hasil daripada pemantauan dan penemuan oleh pihak Konsesi sendiri terhadap keadaan jalan yang telah dikontrakkan. Kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut kaedah dan standard yang ditetapkan dalam kontrak bagi memastikan jalan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Pembayaran dibuat setiap bulan di mana tuntutan disahkan oleh Juruperunding yang dilantik oleh Konsesi dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Manakala kerosakan jalan yang memerlukan kerja-kerja pemulihan/naik taraf dan kecemasan memerlukan kelulusan berasingan Kementerian Kewangan dan dibayar melalui peruntukan lain seperti ditetapkan di bawah Klausa 1.18 (*SP-1 General Requirements, Preliminaries and Scope of Works*).
- c. Kecuali perkara-perkara yang dibangkitkan di **Perenggan 3.4.**, prestasi penyenggaraan rutin dan berkala adalah baik kerana pada keseluruhannya telah dilaksanakan mengikut kontrak. Manakala bagi kerja-kerja pemulihan /naik taraf dan kecemasan, semua kerja yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan telah dilaksanakan dengan baik oleh Konsesi. Bagaimanapun, terdapat jalan yang telah dicadangkan oleh Konsesi untuk kerja pemulihan/naik taraf kerana mengalami kerosakan struktur jalan, tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan kewangan yang terhad. Pada tahun 2012 hingga 2014, Konsesi telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan sebanyak 376 jalan yang memerlukan pemberian melalui kerja-kerja pemulihan/naik taraf dengan kos keseluruhan berjumlah RM84.30 juta. Bagaimanapun, hanya 234 jalan yang melibatkan kos berjumlah RM40.58 juta telah diluluskan peruntukan kewangan. Oleh itu, kerosakan 142 jalan lagi dengan anggaran kos berjumlah RM43.72 juta tidak dapat dibaiki kerana tiada peruntukan kewangan yang mana ada diantaranya daripada jalan berturap telah kembali menjadi jalan *gravel*. Mengikut laporan teknikal oleh pihak Konsesi, antara sebab jalan tersebut mengalami kerosakan yang teruk disebabkan kenderaan dengan lebih muatan dan purata ketebalan *base course* tidak dapat menampung beban trafik yang semakin meningkat mengakibatkan kegagalan struktur jalan. Selain itu, perkara ini

berlaku kerana tiada penguatkuasaan yang berkesan bagi kes *overloading* yang menyebabkan kerosakan jalan. Bagaimanapun, jalan-jalan berkenaan masih dapat dilalui dengan selamat kerana Konsesi terus menjalankan kerja-kerja penyenggaraan seperti merata dan menaburkan batu kelikir. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Kerja-kerja Pemulihan/Naik Taraf Yang Dicadangkan Dan Diluluskan

Tahun	Dicadangkan		Diluluskan		Tidak Diluluskan	
	Bil. Jalan	Anggaran Kos (RM Juta)	Bil. Jalan	Kos (RM Juta)	Bil. Jalan	Kos (RM Juta)
2012	161	41.32	75	16.85	86	24.47
2013	144	32.24	95	14.40	49	17.84
2014	71	10.74	64	9.33	7	1.41
Jumlah	376	84.30	234	40.58	142	43.72

Sumber: Kementerian Kewangan Dan Konsesi

- d. **Gambar 3.8** hingga **Gambar 3.11** adalah contoh keadaan jalan yang mengalami kerosakan/kegagalan turapan (struktur jalan) yang memerlukan kelulusan pelaksanaan kerja-kerja pemulihan.

Gambar 3.8

**Jalan Yang Memerlukan Pemulihan
(Jalan Berturap Telah Kembali Menjadi
Jalan Batu Kerikil)**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Suluk, Kg. Blk 31, Tawau
Tarikh: 8 April 2015

Gambar 3.9

**Jalan Yang Memerlukan Pemulihan
(Jalan Berturap Telah Kembali Menjadi
Jalan Batu Kerikil)**




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Limbason Kg. Wonod, Beluran
Tarikh: 13 Mei 2015

Gambar 3.10
**Jalan Yang Memerlukan Pemulihan
(Kerosakan Jalan)**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bugaya Kg. Sakkong Besar,
Semporna
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 3.11
**Jalan Yang Memerlukan Pemulihan
(Kerosakan Jalan)**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Taman Fajar Access, Sandakan
Tarikh: 7 Mei 2015

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan berkala terhadap 563 jalan JKR dengan anggaran kos RM500.54 juta dan kerja-kerja pemulihan/naik taraf terhadap 142 jalan PBT dengan anggaran kos RM43.72 juta tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan kewangan.

3.4.3. Pelaksanaan Kerja-kerja Penyenggaraan

3.4.3.1. Mengikut perjanjian kontrak, pihak Konsesi bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan rutin, berkala dan pemulihan/kerja-kerja kecemasan. Bagi kontrak perjanjian penyenggaraan jalan JKR, kerja penyenggaraan rutin dan berkala hendaklah dilaksanakan mengikut Program kerja yang diluluskan oleh JKR dan mematuhi standard prestasi serta spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Bagi penyenggaraan jalan PBT pula, kerja penyenggaraan rutin hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di Appendiks M2 dokumen kontrak. Kerja penyenggaraan berkala hendaklah dilaksanakan apabila “*the Intervention Level have been detected and reported as having been reached, the Contractor shall in general proposed in the annual Program kerja for required periodic maintenance activities upon approval of the Work Program*”. Manakala kerja-kerja pemulihan/kecemasan dijalankan terhadap kerja-kerja penyenggaraan di luar skop penyenggraan rutin dan berkala dan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya.

3.4.3.2. Pembayaran terhadap kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi syarikat konsesi JKR dibuat mengikut kadar RM2,778 sebulan bagi setiap KM jalan yang disenggara. Berdasarkan 4,469.59 KM panjang keseluruhan jalan JKR berturap, bayaran penyenggaraan rutin dianggarkan berjumlah RM15.42 juta sebulan dan kerja-kerja

penyenggaraan berkala dan kecemasan dibuat mengikut kos sebenar kerja-kerja yang dilaksanakan berdasarkan Jadual Kadar yang ditetapkan dalam kontrak. Pembayaran terhadap penyenggaraan rutin dan berkala bagi syarikat konsesi Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk jalan SRT 1, SRT 2 dan SRT 3 pula adalah berdasarkan jumlah kontrak yang ditetapkan iaitu masing-masing berjumlah RM155.19 juta, RM160.63 juta dan RM160.59 juta bagi tahun 2012 hingga 2014 dan kerja-kerja pemulihan/kecemasan dibuat mengikut kos sebenar kerja-kerja yang dilaksanakan berdasarkan Jadual Kadar yang ditetapkan dalam kontrak. Pihak Audit telah menjalankan lawatan fizikal bersama Jurutera/Penolong Jurutera/Juruteknik JKR, Kementerian Kewangan dan pihak Konsesi terhadap 61 sampel jalan bagi jalan JKR dan 331 sampel jalan bagi jalan PBT di 4 daerah yang dipilih (Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna) pada bulan Oktober dan November 2014 dan April dan Mei 2015. Pemeriksaan dijalankan untuk menentukan pihak Konsesi telah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan rutin, berkala dan kerja-kerja pemulihan/kecemasan mengikut kehendak dan spesifikasi kontrak. Hasil lawatan Audit mendapatkan perkara berikut:

a. Kerja Penyenggaraan Rutin Lewat Dilaksanakan

- i. Appendiks M2 Dokumen Kontrak menetapkan tempoh kerja-kerja penyenggaraan rutin yang perlu dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Tempoh Kerja-kerja Penyenggaraan Rutin

Bil.	Butiran Kerja	Tempoh Reaksi
1.	Pemotongan rumput	Dalam tempoh 7 hari
2.	Penampalan lubang	Dalam tempoh 2 hari
3.	<i>Minor repairs of localize failed area</i>	Dalam tempoh 28 hari
4.	<i>Road side and other surface drain</i>	Dalam tempoh 2 hari atau serta merta jika tersumbat
5.	Jambatan	Dalam tempoh 14 hari

Sumber: Dokumen Kontrak

- ii. Semakan Audit terhadap rekod RMIS bagi daerah Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna tahun 2012 hingga 2014 mendapati sebanyak 6,038 kes daripada 13,014 kes atau 46.4% kerja-kerja penyenggaraan rutin lewat dilaksanakan antara 10 hari hingga 1,114 hari daripada tarikh pengesahan kerosakan sehingga tarikh pengesahan pembaikan siap dilaksanakan seperti di **Jadual 3.13**. Bagaimanapun, mengikut pihak Konsesi penyenggaraan tersebut telah dilaksanakan dan disiapkan lebih awal tetapi lewat dikemas kini di dalam sistem RMIS. Rekod sistem RMIS hanya boleh menunjukkan siap kerja setelah gambar diambil dan dikirim ke dalam sistem di mana apabila gambar dikirim ianya secara automatik dicatat sebagai *work done*. Gambar-gambar ini lewat diambil dan dihantar ke sistem RMIS menyebabkan rekod *work done* tidak menggambarkan rekod sebenar. Bagaimanapun, pada tahun 2015 semua penyelia tapak telah dibekalkan dengan telefon pintar untuk mengambil gambar

yang diintergerasikan dengan sistem RMIS supaya penyiapan kerja dapat dikemas kini ke dalam sistem RMIS secara serta merta.

Jadual 3.13
Kerja-kerja Penyenggaraan Rutin Yang Lewat Dilaksanakan Mengikut RMIS

Butiran Kerja	Bilangan Kes Kelewatan								
	2012			2013			2014		
	< 30 hari	30 hari-180 hari	> 180 hari	< 30 hari	30 hari-180 hari	> 180 hari	< 30 hari	30 hari-180 hari	> 180 hari
Pemotongan rumput	31	9	6	25	11	-	103	75	1
Penampalan lubang	82	267	297	304	218	2	330	275	9
<i>Minor repairs of localize failed</i>	370	1082	225	439	370	84	427	876	106
<i>Road side and other surface drain</i>	-	2	-	1	-	-	14	7	-
Jambatan	1	1	-	-	1	1	-	-	-

Sumber: Analisis Audit

- iii. Tempoh pelaksanaan kerja penyenggaraan rutin bagi syarikat konsesi JKR tidak dapat dianalisis kerana pelaksanaan penyenggaraan rutin adalah berdasarkan program kerja yang telah diluluskan. Berdasarkan analisis Audit terhadap *work Program* dan tuntutan bulanan konsesi JKR yang disahkan oleh jurutera daerah mendapatkan kerja dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, bagi penyenggaraan rutin yang tidak dilaksanakan mengikut program kerja dijelaskan di **Perenggan 3.4.3.2 (b)**.
- iv. **Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan pihak Konsesi jalan PBT pada 30 Julai 2015, kerja-kerja penyenggaraan rutin telah dilaksanakan lebih awal tetapi lewat dikemaskini di dalam sistem di mana gambar-gambar *work done* lewat diambil dan dihantar ke sistem RMIS yang menyebabkan rekod tidak menunjukkan waktu sebenar pembaikan siap dilaksanakan. Oleh itu, pihak konsesi ada menyimpan laporan kerja harian yang mencatatkan tarikh sebenar pelaksanaan kerja penyenggaraan rutin.**

b. Penyenggaraan Rutin Yang Tidak Dilaksanakan

- i. Bagi penyenggaraan rutin, Konsesi perlu melaksanakan 6 jenis kerja penyenggaraan yang melibatkan penyenggaraan *sealed pavement*, bahu jalan, pemotongan rumput, bahu jalan, jambatan dan *culverts* serta *drainage*. Kerja-kerja penyenggaraan rutin hendaklah dilaksanakan mengikut program kerja bagi jalan JKR dan tempoh reaksi bagi jalan PBT yang telah ditetapkan di dalam dokumen kontrak. Lawatan Audit terhadap 16 jalan di daerah Sandakan, 16 jalan di daerah Tawau, 16 jalan di daerah Beluran dan 13 jalan di daerah Semporna bagi jalan JKR dan 105 jalan di daerah Sandakan, 127 jalan di daerah Tawau, 49 jalan di daerah Beluran dan 50 jalan di daerah Semporna bagi jalan PBT mendapatkan, 49 daripada 61 jalan JKR dan 117 daripada 331 jalan PBT masing-masing yang dilawati mempunyai antara 1 hingga 6 jenis kerja penyenggaraan

rutin yang tidak dilaksanakan mengikut kontrak seperti ditetapkan dalam syarat kontrak seperti di **Jadual 3.14**.

Jadual 3.14

Bilangan Kes Kerja Penyenggaraan Rutin Yang Tidak Dilaksanakan Mengikut Kontrak

Bil.	Jenis Kerja	Jenis Jalan	Bilangan Jalan				
			Sandakan	Tawau	Beluran	Semporna	Jumlah
1.	Pemotongan Rumput	JKR	-	-	-	-	-
		PBT	-	-	9	-	9
2.	<i>Sealed pavement</i>	JKR	7	14	9	8	38
		PBT	45	19	27	14	105
3.	Bahu Jalan	JKR	3	7	6	4	20
		PBT	5	3	3	5	16
4.	Jambatan dan kulvat	JKR	-	-	-	-	-
		PBT	1	2	1	-	4
5.	Longkang/Parit	JKR	-	6	1	2	9
		PBT	14	6	6	1	27

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

- ii. **Jadual 3.14** menunjukkan bilangan jalan bagi kerja penyenggaraan rutin yang tidak dilaksanakan melibatkan kerja penyenggaraan pemotongan rumput, *sealed pavement*, bahu jalan, jambatan dan *culverts*, *drainage* dan perabot jalan. Penjelasan lanjut perkara ini adalah seperti berikut:

- **Kerja Penyenggaraan Pemotongan Rumput**

- Bagi jalan JKR, item R03, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi pemotongan rumput meliputi bahu jalan, kawasan cerun, parit dan lain-lain jenis longkang di lereng dan median. Pusingan bagi kerja pemotongan rumput adalah 24 kali setahun bagi jalan protokol dan 12 kali setahun bagi jalan bukan protokol.
- Bagi jalan PBT pula, item 2.2, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi pemotongan rumput meliputi *between and at bend and curves, fronting kampong and populated area, road shoulder, slope area, berm drain, interceptor drain and all other types of drain on slopes* dan *signs and road furniture*.
- Pemeriksaan fizikal Audit mendapati, kerja-kerja penyenggaraan pemotongan rumput di 9 batang jalan PBT atau 2.7% daripada 331 batang jalan yang dilawati di daerah Beluran tidak dijalankan. **Gambar 3.12** menunjukkan contoh penyenggaraan rutin pemotongan rumput yang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.13**.

Gambar 3.12
Rumput Panjang Di Sepanjang Bahu Jalan Yang Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gana Jati Perancangan, Beluran
Tarikh: 12 Mei 2015

Gambar 3.13
Rumput Panjang Di Sepanjang Bahu Jalan Yang Telah Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gana Jati Perancangan, Beluran
Tarikh: 9 Julai 2015

- **Kerja Penyenggaraan Sealed Pavement**

- Bagi jalan JKR, item R01, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi *pavement* meliputi *patching of potholes, sealings of surface crack, reinstate edge deterioration of back filled trenches, treatment to stripping aggregate, treatment for rutting, clear paved surface of vegetation, treatment to deterioration of concrete pavement, repair to concrete pavement joint dan repair to paving blocks and slab*. Mengikut kontrak, *the total aggregate quantity of work to be carried out under this category of works shall be up to a maximum of 1% of paved area per year*.
- Bagi jalan PBT pula, item 2.4, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi *sealed pavement* meliputi *potholes, surface cracking, crocodile crack, edge of deterioration, stripping of aggregate, rutting, vegetation on paved surface, deterioration of concrete pavement joints dan repair to paving blocks*.
- Pemeriksaan fizikal Audit mendapati, kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi penyenggaraan *sealed pavement* di 38 daripada 61 jalan JKR atau 62.3% dan 105 daripada 331 jalan PBT atau 31.7% yang dilawati di daerah Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna tidak dijalankan seperti di **Jadual 3.15**, **Gambar 3.14**, **Gambar 3.16**, **Gambar 3.18**, **Gambar 3.20**, **Gambar 3.22**, **Gambar 3.24**, **Gambar 3.26**, **Gambar 3.28**, **Gambar 3.30** dan **Gambar 3.32** menunjukkan contoh penyenggaraan rutin *sealed pavement* yang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tindakan pemberian telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.15**, **Gambar 3.17**, **Gambar 3.19**, **Gambar 3.21**,

Gambar 3.23, Gambar 3.25, Gambar 3.27, Gambar 3.29, Gambar 3.31 dan Gambar 3.33.

Jadual 3.15
Bilangan Kes Kerja Penyenggaraan Rutin Sealed Pavement
Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Jenis Jalan	Bilangan Jalan				
		Sandakan	Tawau	Beluran	Semporna	Jumlah
1.	JKR	7	14	9	8	38
2.	PBT	45	19	27	14	105

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

Gambar 3.14
Patching of Potholes Jalan JKR Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Manila, Sandakan
Tarikh: 7 Oktober 2014

Gambar 3.15
Patching of Potholes Jalan JKR Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Sg. Manila, Sandakan
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.16
Patching of Potholes Jalan PBT Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Sedco, Pekan Telupid
Tarikh: 13 Mei 2015

Gambar 3.17
Patching of Potholes Jalan PBT Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: Lorong Sedco, Pekan Telupid
Tarikh: 9 Julai 2015

Gambar 3.18
Sealings of Surface Crack Jalan JKR
Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan New Airport, Tawau
Tarikh: 4 November 2014

Gambar 3.20
Sealings of Surface Crack Jalan PBT
Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: J. ILP, Sandakan
Tarikh: 7 Mei 2015

Gambar 3.22
Clear Paved Surface of Vegetation
Jalan PBT Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: L. BDC 3, Sandakan
Tarikh: 8 Mei 2015

Gambar 3.19
Sealings of Surface Crack Jalan JKR
Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan New Airport, Tawau
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.21
Sealings of Surface Crack Jalan PBT
Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: J. ILP, Sandakan
Tarikh: 9 Julai 2015

Gambar 3.23
Clear Paved Surface of Vegetation
Jalan PBT Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: L. BDC 3, Sandakan
Tarikh: 9 Julai 2015

Gambar 3.24
Clear Paved Surface of Vegetation
Jalan JKR Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0.26, Jalan Bukit Trig, Sandakan
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 3.26
Concrete Pavement Joint Jalan JKR
Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0.05 Jalan POIC, Sandakan
Tarikh: 8 Oktober 2014

Gambar 3.28
Pavement Joint Jalan JKR
Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Balong-Semporna, Semporna
Tarikh: 29 Oktober 2014

Gambar 3.25
Clear Paved Surface of Vegetation
Jalan JKR Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: KM 0.26, Jalan Bukit Trig, Sandakan
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.27
Concrete Pavement Joint Jalan JKR
Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: KM 0.05 Jalan POIC, Sandakan
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.29
Pavement Joint Jalan JKR
Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Balong-Semporna, Semporna
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.30
Shoving/Depression Jalan JKR
Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Beluran, Beluran
Tarikh: 16 Oktober 2014

Gambar 3.31
Shoving/Depression Jalan JKR
Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Beluran, Beluran
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.32
Treatment To Stripping Aggregate
Jalan JKR Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan D.E Qtrs, Sandakan
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 3.33
Treatment To Stripping Aggregate
Jalan JKR Yang Telah Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan D.E Qtrs, Sandakan
Tarikh: 14 April 2015

- **Kerja Penyenggaraan Bahu Jalan**

- Bagi jalan JKR, item R02, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi Bahu Jalan meliputi *regrading and clearance of vegetation, topping up of shoulder, filling irregularities in unsealed shoulders* dan *filling pavement/shoulder level differences*. Mengikut kontrak, *the total aggregate quantity of work to be carried out under this category of works shall be up to a maximum of 10% road shoulder area per year*.
- Bagi jalan PBT pula, item 2.5, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi bahu jalan adalah meliputi *irregularities in unsealed shoulders* dan *pavement/shoulder level difference*.

- Pemeriksaan fizikal Audit mendapati, kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi penyenggaraan bahu jalan di 21 daripada 61 jalan JKR atau 34.4% dan 16 daripada 331 jalan PBT atau 4.8% yang dilawati di daerah Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna tidak dijalankan seperti di **Jadual 3.16**, **Gambar 3.34**, **Gambar 3.36** dan **Gambar 3.38** menunjukkan contoh penyenggaraan rutin bahu jalan yang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tindakan pembaikan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.35**, **Gambar 3.37** dan **Gambar 3.39**.

Jadual 3.16

Bilangan Kes Kerja Penyenggaraan Rutin Bahu Jalan Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Jenis Jalan	Bilangan Jalan				
		Sandakan	Tawau	Beluran	Semporna	Jumlah
1.	JKR	3	7	6	4	20
2.	PBT	5	3	3	5	16

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

Gambar 3.34

**Penyenggaraan Di Bahu Jalan
(Jalan JKR) Tidak Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ranggu, Tawau
Tarikh: 3 November 2014

Gambar 3.35

**Penyenggaraan Di Bahu Jalan
(Jalan JKR) Yang Telah Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Ranggu, Tawau
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.36

**Bahu Jalan Yang Terturun/Drop Off
(Jalan JKR) Tidak Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Kuala Sapi, Beluran
Tarikh: 13 November 2014

Gambar 3.37

**Bahu Jalan Yang Terturun/Drop Off
(Jalan JKR) Yang Telah Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Kg. Kuala Sapi, Beluran
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.38
Bahu Jalan Dan Jalan
Yang Tidak Sekata (Jalan PBT)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln. Seguntor 3, Sandakan
Tarikh: 7 Mei 2015

Gambar 3.39
Bahu Jalan Dan Jalan
Yang Telah Dibaiki (Jalan PBT)



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: Jln. Seguntor 3, Sandakan
Tarikh: 9 Julai 2015

- Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan pihak Konsesi jalan PBT dan mesyuarat *Exit Conference* pada 30 Julai 2015 dan 10 Ogos 2014, terdapat jalan yang dinaik taraf tanpa mengambil kira kerja peninggian bahu jalan. Selain itu, pihak Konsesi menyatakan peruntukan MARRIS bagi kerja penyenggaraan bahu jalan hanya untuk kerja pemotongan rumput. Bagaimanapun, pihak konsesi hendaklah melaksanakan kerja penyenggaraan bahu jalan mengikut kontrak yang telah ditandatangani.

- **Kerja Penyenggaraan Jambatan dan Culverts**

- Bagi jalan JKR, item R05, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi jambatan dan culverts adalah kerja pembersihan *expansion joints, weep holes, graffiti and marking, parapets, bearing shelves and waterway or culvert opening and bridge carriageway, removal of vegetation, small scale restoration works, pembersihan lubricating and greasing operation for steel bearing, localised painting for steel members*. Pusingan kerja penyenggaraan rutin bagi jambatan dan culverts adalah 4 kali setahun bagi jalan protokol dan 2 kali setahun bagi jalan bukan protokol.
- Bagi jalan PBT pula, item 2.6, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi jambatan dan culverts adalah kerja pembersihan yang merangkumi pembersihan *expansion joints, weep holes, graffiti and marking, parapets, bearing shelves, peeling paint, rusting structural steelwork, removal of vegetation, general deterioration of masonry and pointing and greasing of steel bearing*.

- Pemeriksaan fizikal Audit mendapati, kerja-kerja penyenggaraan rutin iaitu pembersihan *expansion joints* dan pembersihan *weep holes* di 4 jambatan dan *culverts* di daerah Sandakan, Tawau dan Beluran tidak dijalankan seperti di **Jadual 3.17**. **Gambar 3.40** menunjukkan contoh penyenggaraan rutin jambatan dan *culverts* yang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tindakan pembaikan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.41**.

Jadual 3.17
Bilangan Kes Kerja Penyenggaraan Rutin Jambatan Dan Culverts
Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Jenis Jalan	Bilangan Jalan				
		Sandakan	Tawau	Beluran	Semporna	Jumlah
1.	JKR	-	-	-	-	-
2.	PBT	1	2	1	-	4

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

Gambar 3.40
Pembersihan Expansion Joints



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong BDC, Sandakan
Tarikh: 6 Mei 2015

Gambar 3.41
Pembersihan Expansion Joints



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: Lorong BDC, Sandakan
Tarikh: 9 Julai 2015

• Kerja Penyenggaraan Longkang/Parit

- Bagi jalan JKR, item R06, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi *drainage* adalah pembersihan dan *desilting works* yang merangkumi pembersihan *debris in lined and unlined drains, debris in sumps and culverts, block gratings*, membaiki kerosakan saliran dan takungan, *repair to misaligned unlined drains, reseat mis-seated cover* dan *repair to damaged covers*. Pusingan kerja penyenggaraan rutin bagi *drainage* adalah 4 kali setahun bagi jalan protokol dan 2 kali setahun bagi jalan bukan protokol.
- Bagi jalan PBT pula, item 2.7, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi *drainage* adalah pembersihan dan *desilting works* yang merangkumi pembersihan *debris in lined and unlined drains, debris in sumps and culverts, block gratings, repair to damaged drains and sumps, repair to misaligned unlined drain* dan *reseat mis-seated cover*.

- Pemeriksaan fizikal Audit mendapati, kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi penyenggaraan *drainage* di 9 daripada 61 jalan JKR atau 14.8% dan 27 daripada 331 jalan PBT atau 8.16% yang dilawati di daerah Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna tidak dijalankan dan tidak mengikut program kerja seperti di **Jadual 3.18**, **Gambar 3.42** dan **Gambar 3.44** menunjukkan contoh penyenggaraan rutin *drainage* yang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.43** dan **Gambar 3.45**.

Jadual 3.18
Bilangan Kes Kerja Penyenggaraan Rutin Longkang/Parit
Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Jenis Jalan	Bilangan Jalan				
		Sandakan	Tawau	Beluran	Semporna	Jumlah
1.	JKR	-	6	1	2	9
2.	PBT	14	6	6	1	27

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

Gambar 3.42
Drainage Tidak Dibersihkan (Jalan JKR)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Sakong, Semporna
Tarikh: 27 Oktober 2014

Gambar 3.43
Drainage Telah Dibersihkan (Jalan JKR)



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Bukit Sakong, Semporna
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 3.44
Debris in Unlined Drains (Jalan PBT)
Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: J. Ayer Panas Lama Batu 3, Tawau
Tarikh: 7 April 2015

Gambar 3.45
Debris in Unlined Drains (Jalan PBT)
Yang Telah Disenggara



Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.
Lokasi: J. Ayer Panas Lama Batu 3, Tawau
Tarikh: 9 Julai 2015

- Tahap kebersihan *debris in line* juga memerlukan penguatkuasaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan agar pembuangan sampah oleh orang awam dapat dibendung dan dicegah supaya parit tidak tersumbat dan berfungsi dengan baik.

c. Penyenggaraan Berkala

- i. Bagi jalan JKR, penyenggaraan berkala merupakan kerja-kerja pemberian terhadap kerosakan jalan yang tidak termasuk dalam skop kerja penyenggaraan rutin yang meliputi kerja penyenggaraan pencegahan dan *pavement strengthening of roads*. Ini termasuklah kerja-kerja penyenggaraan berkaitan jalan berturap seperti *pavement strengthening and resurfacing works, widening of road pavement* dan *repair of rutting defect* serta penyenggaraan jalan tidak berturap seperti garis penanda jalan, *reinstatement of damage R.C. road side drain, walkway, road kerb, weepholes, collapsed of gabion wall* dan *construction of cross culvert*. Kerja-kerja penyenggaraan di bawah penyenggaraan berkala ini dilaksanakan mengikut program kerja yang disediakan oleh Konsesi dan diluluskan oleh JKR. Bagaimanapun, setiap kerja penyenggaraan berkala hanya boleh dimulakan setelah Arahan Kerja bagi kerja berkenaan telah diluluskan oleh Pengarah JKR. Pihak Audit telah memilih 4 Arahan Kerja disetiap daerah yang dilawati iaitu Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna. Hasil lawatan mendapati, pelaksanaan Arahan-aranan Kerja tersebut adalah baik dan mengikut Senarai Kuantiti.
- ii. Bagi jalan PBT pula, penyenggaraan berkala merupakan kerja-kerja pemberian terhadap kerosakan jalan yang tidak termasuk dalam skop kerja penyenggaraan rutin yang di mana ianya dilaksanakan apabila *the Intervention Level have been detected and reported as having been reached, the Contractor shall in general proposed in the annual Work Program for required periodic maintenance activities. Upon approval of the Work Program*. Kerja-kerja penyenggaraan di bawah penyenggaraan berkala ini dilaksanakan mengikut program kerja yang disediakan dan diluluskan oleh Pengarah Projek syarikat Konsesi. Bagi tahun 2012 hingga 2014, penyenggaraan berkala telah dilaksanakan sepanjang 49.70 kilometer bagi *resurfacing work* dan 704.97 kilometer bagi garis penanda jalan. Semakan dan lawatan Audit terhadap pelaksanaan penyenggaraan berkala bagi 4 daerah adalah baik.

d. Kerja Penyenggaraan Pemulihan/Kecemasan

- i. Kerja penyenggaraan pemulihan/kecemasan dijalankan terhadap kerja-kerja di luar skop penyenggaraan rutin dan berkala dan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan

kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya dan perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Bagi jalan JKR, tidak ada kes kerosakan di bawah penyenggaraan kecemasan semasa lawatan Audit dijalankan. Bagaimanapun, semakan terhadap rekod penyenggaraan kecemasan bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati kerja-kerja penyenggaraan kecemasan telah dilaksanakan mengikut kontrak iaitu dalam tempoh 24 jam.

- ii. Bagi jalan PBT pula, kerja-kerja penyenggaraan pemulihan/kecemasan ini dilaksanakan mengikut program kerja yang disediakan dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Pada tahun 2012 hingga 2014, kerja penyenggaraan pemulihan/kecemasan yang telah diluluskan adalah masing-masing berjumlah RM16.85 juta, RM14.4 juta dan RM9.33 juta. Semakan dan lawatan Audit terhadap pelaksanaan penyenggaraan pemulihan/kecemasan bagi 4 daerah didapati telah dilaksanakan mengikut Senarai Kuantiti dan syarat kontrak iaitu dalam tempoh 24 jam bagi kerja kecemasan.

3.4.3.3. Ketidakpatuhan syarat kontrak bagi penyenggaraan rutin ini boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya dan mengundang bahaya jika kerosakan tidak dibaiki dengan segera.

3.4.3.4. Berdasarkan maklum balas pihak JKR pada 24 Februari 2015, bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan seperti yang terkandung dalam perjanjian kontrak, pihak Konsesi telah diarah untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan telahpun selesai dilaksanakan. JKR Sabah akan memastikan bahawa pihak Konsesi akan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dalam masa yang telah ditetapkan mengikut perjanjian kontrak. JKR Sabah juga akan turut memastikan kualiti kerja yang dijalankan juga haruslah mengikut standard perjanjian kontrak. Bagi kerja yang berada di luar skop penyenggaraan rutin, ia seharusnya dirujuk kepada kategori kerja penyenggaraan berkala. Bagi kerosakan jalan yang terdedah kepada bahaya pengguna jalan, pihak Konsesi akan menjalankan kerja-kerja pembaikan sementara serta merta. Bagi kerja-kerja penyenggaraan yang masih belum memasuki jadual pusingan program kerja yang telah dijadualkan seperti pembersihan parit, JKR Sabah akan memastikan kerja tersebut akan dilaksanakan mengikut jadual seperti dalam perjanjian kontrak. JKR Sabah akan menjalankan audit dan pemeriksaan lebih kerap untuk memastikan pihak Konsesi menyenggara jalan secara efektif dan efisien mengikut masa yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan bagi jalan JKR dan PBT oleh syarikat Konsesi adalah baik kerana penyenggaraan berkala dan pemulihan/kecemasan telah dilaksanakan mengikut kontrak.

3.4.4. Aduan Awam

3.4.4.1. Jalan JKR

a. Call Centre Tidak Diberi Publisiti Secara Berkesan

- i. Appendix I [Klaus 2(i)], Third Supplementary Agreement menetapkan supaya Konsesi menubuhkan Call Centre dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh Supplementary Agreement ditandatangani yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan kepada orang ramai mengemukakan aduan berkaitan keadaan atau kerosakan jalan JKR (*State JKR Sealed Road*). Semakan Audit mendapati, Call Centre tersebut telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada bulan April 2010. Aduan boleh disampaikan melalui telefon, pesanan ringkas telefon, Email, Fax dan Laman Web.
- ii. Analisis Audit terhadap aduan-aduan yang diterima melalui Call Centre ini bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan jumlah aduan yang diterima adalah antara 58 hingga 117 aduan yang antara lainnya berkaitan dengan kerosakan permukaan jalan, rumput tidak dipotong, parit dan pembentungan tersumbat dan keadaan kecemasan seperti tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya. Semakan Audit mendapati, aduan-aduan tersebut telah diselesaikan dalam tempoh antara 1 hari hingga 35 hari. Butiran lanjut mengenai bilangan aduan yang diterima mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 3.19**.

Jadual 3.19
Bilangan Aduan Yang Diterima Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Daerah	Bilangan Aduan Diterima			
		2012	2013	2014	Jumlah
1.	Kota Kinabalu	68	109	52	229
2.	Penampang	2	1	-	3
3.	Tuaran	2	1	3	6
4.	Tawau	-	2	-	2
5.	Semporna	-	1	-	1
6.	Sandakan	-	1	-	1
7.	Lahad Datu	4	1	-	5
8.	Kota Marudu	1	1	-	2
9.	Kota Belud	-	-	1	1
10.	Tenom	-	-	1	1
11.	Papar	-	-	1	1
Jumlah Keseluruhan		77	117	58	252

Sumber: Call Centre, Globinaco

- iii. Jadual di atas menunjukkan bahawa 252 aduan telah diterima daripada 11 daerah bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Bilangan aduan yang diterima oleh setiap daerah tersebut adalah antara 1 hingga 109 aduan. Bilangan aduan yang paling rendah (1 aduan) melibatkan daerah Penampang, Tuaran, Semporna, Sandakan, Lahad Datu, Kota Marudu, Kota Belud, Tenom dan Papar. Manakala bilangan aduan yang paling tinggi (109 aduan) melibatkan daerah Kota

Kinabalu. Tidak ada aduan diterima daripada 14 daerah yang lain bagi tempoh berkenaan. Adalah dikhuatiri perkara ini berlaku kerana orang ramai tidak mengetahui kewujudan *Call Centre* tersebut atau tidak mendapat maklumat mengenai cara menyalurkan aduan. Berdasarkan soal selidik yang diedar kepada orang ramai di 4 daerah yang dilawati (Sandakan, Tawau, Beluran dan Semporna), kesemua responden yang mengembalikan soal selidik tersebut tidak mengetahui kewujudan *Call Centre* ini. Oleh itu, pihak Konsesi perlu mengambil tindakan memberi publisiti dengan lebih berkesan agar kewujudan *Call Centre* ini diketahui umum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk faedah orang ramai. Antara tindakan yang boleh diambil adalah meletakkan notis atau papan tanda di kawasan strategik atau jalan utama JKR (berturap) yang disenggarakan oleh Konsesi seperti yang dilakukan oleh Syarikat Konsesi yang menyenggara jalan-jalan Persekutuan di Sabah. Selain itu, kewujudan *Call Centre* ini juga boleh dipaparkan atau dipautkan dengan Laman Web JKR.

- iv. **Berdasarkan maklum balas pihak JKR pada 24 Februari 2015, Bagi perkhidmatan *Call Centre*, JKR dan pihak Konsesi akan melaksanakan beberapa tindakan publisiti seperti berikut:**
 - Mengenal pasti lokasi strategik dan sesuai untuk meletakkan notis dan hebaham.
 - Laman web *Call Centre* akan dihubungkan dengan laman web JKR Sabah.
 - Nombor talian aduan *Call Centre* akan dilekatkan pada Jaket Keselamatan.
 - Nombor talian aduan *Call Centre* akan diiklankan di surat-suratkhabar tempatan.
- v. **JKR Sabah akan meminta pihak Konsesi menjalankan analisis terperinci berkenaan keberkesanan *Call Centre* dan meminta Konsesi menghantar laporan analisis tersebut setiap bulan.**

3.4.4.2. Jalan PBT

a. Aduan Awam Lewat Diselesaikan

- i. Perenggan 1.6 dan Perenggan 1.6.1 berkaitan *Contractor Management and Operations, Public Relations* dokumen kontrak volume 2 menetapkan supaya sebuah pejabat perhubungan Awam hendaklah ditubuhkan dan diketuai oleh pegawai perhubungan awam yang berpengalaman. Semua aduan awam

berkaitan jalan yang disenggara oleh kontraktor hendaklah direkod dan dikendalikan oleh bahagian tersebut supaya orang ramai boleh mengemukakan aduan berkaitan keadaan atau kerosakan jalan PBT. Selain itu, piagam pelanggan Konsesi juga menetapkan semua aduan yang diterima hendaklah direkodkan dan diselesaikan mengikut tempoh reaksi sebagaimana yang terikat di dalam dokumen kontrak, Appendiks M2 seperti **Jadual 3.20**.

Jadual 3.20
Tempoh Reaksi Menyelesaikan Aduan Awam

Butiran Kerja	Tempoh Reaksi
Pemotongan rumput	Dalam tempoh 7 hari
Penampalan lubang	Dalam tempoh 2 hari
<i>Minor repairs of localize failed area</i>	Dalam tempoh 28 hari
<i>Road side and other surface drain</i>	Dalam tempoh 2 hari atau serta merta jika tersumbat
Jambatan	Dalam tempoh 14 hari
<i>Unsealed shoulder grading</i>	Dalam tempoh 28 hari

Sumber: Dokumen Kontrak

- ii. Semakan Audit terhadap rekod aduan mendapati, pihak konsesi telah menubuhkan pejabat aduan awam untuk menguruskan aduan awam dan semua aduan telah direkodkan secara teratur. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 pihak konsesi telah mendaftarkan sebanyak 828 aduan bagi 4 daerah yang dipilih yang diterima melalui aduan awam, surat khabar, surat, panggilan telefon dan melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram*. Butiran lanjut mengenai bilangan aduan yang diterima mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 3.21**.

Jadual 3.21
Bilangan Aduan Yang Diterima
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Daerah	Bilangan Aduan Diterima			
		2012	2013	2014	Jumlah
1.	Tawau	127	97	57	281
2.	Semporna	3	6	-	9
3.	Sandakan	244	148	130	522
4.	Beluran	6	10	-	16
Jumlah		380	261	187	828

Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.

- iii. Analisis Audit terhadap aduan-aduan yang diterima mendapati pihak konsesi telah menerima sebanyak 380 aduan awam pada 2012, sebanyak 261 aduan pada 2013 dan sebanyak 187 aduan pada tahun 2014 berkenaan dengan kerosakan permukaan jalan, rumput tidak dipotong, parit dan *culvert* tersumbat, perabot jalan rosak dan keadaan kecemasan seperti tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 111 aduan memerlukan tindakan dari konsesi manakala 717 aduan lagi adalah lain-lain aduan awam yang melibatkan jalan raya JKR di bawah JKR dan Persekutuan atau pihak ketiga. Semakan selanjutnya terhadap aduan tersebut mendapati 82 atau 74%

aduan telah diselesaikan mengikut tempoh reaksi berdasarkan jenis kerja aduan yang diterima manakala 29 aduan atau 26% lagi telah lewat diselesaikan antara satu hingga 42 hari dari tarikh aduan diterima sehingga tarikh tindakan diambil oleh pihak konsesi seperti **Jadual 3.22**. Bagaimanapun, mengikut pihak Konsesi, penyenggaraan tersebut telah dilaksanakan lebih awal tetapi lewat dikemas kini di dalam sistem RMIS.

Jadual 3.22
Aduan Awam Yang Lewat Diselesaikan Bagi Tahun 2012 hingga 2014

Butiran Kerja	Bilangan Aduan Lewat Diselesaikan								
	2012			2013			2014		
	< 15 hari	< 30 hari	> 42 hari	< 15 hari	< 30 hari	> 42 hari	< 15 hari	< 30 hari	> 42 hari
Pemotongan rumput	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Penampalan lubang	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembaikan kecil secara setempat di kawasan yang mengalami kegagalan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Bahu jalan dan permukaan saliran	-		-	-	1	-	26	1	1
Jambatan	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.

- v. Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan pihak Konsesi jalan PBT pada 30 Julai 2015, penyenggaraan lewat dikemas kini di dalam sistem RMIS. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh pihak konsesi, outlet yang tidak berfungsi dengan baik, pembuangan sampah, kecerunan parit yang tidak betul, mendapan dan keruntuhan dinding yang seringkali menyebabkan parit tersumbat. Pihak konsesi telah menghantar surat pemberitahuan dan laporan teknikal kepada PBT untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan Call Centre perlu diberi publisiti yang lebih berkesan supaya orang awam mengetahui saluran untuk mengemukakan aduan kerosakan jalan. Selain itu, tempoh tindakan yang diambil untuk menyelesaikan aduan awam masih boleh dipertingkatkan.

3.4.5. Pematuhan Syarat Kontrak

3.4.5.1. Usahasama Konsesi Jalan JKR Dengan Local Tertiary Institution Tidak Dilaksanakan

- a. Mengikut Perenggan 4, Appendix IV [Klaus 2(iv)], Third Supplementary Agreement bertarikh 27 Januari 2010, “Subject to the Government’s approval the Company shall

within 2 years form a joint venture with a suitable local tertiary institution to offer degree and diploma courses to provide maximum benefits to Sabahans especially the Bumiputras and the construction industry as a whole”.

- b. Semasa lawatan Audit ke Pejabat Konsesi yang juga dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah (J48), Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya, JKR Sabah, pihak Konsesi menjelaskan bahawa satu Memorandum of Understanding (MOU) telah ditandatangani di antara Konsesi dan Advanced Micro Systems Sdn. Bhd. (AMS) pada 15 Julai 2012 yang menawarkan pelbagai bidang di peringkat diploma. Bagaimanapun, mengikut JKR, pihak Konsesi belum mengemukakan permohonan untuk mengadakan usaha sama dengan mana-mana *local tertiary institution*. Mengikut perjanjian, program usahasama Konsesi dengan *local tertiary institution* tertakluk kepada kelulusan Kerajaan.
- c. Tindakan Konsesi mengadakan program usaha sama tersebut tanpa merujuk kepada Kerajaan adalah bercanggah dengan kehendak perjanjian. Selain itu, pihak JKR didapati tidak mengambil tindakan berkesan untuk menentukan Konsesi melaksanakan program usaha sama tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan dalam perjanjian.
- d. **Berdasarkan maklum balas pihak JKR dan mesyuarat *Exit Conference* pada 24 Februari 2015, usaha sama yang ditandatangani antara pihak Konsesi jalan JKR dan AMS tidak mendapat kelulusan JKR kerana pihak Konsesi perlu menyediakan kemudahan dan keperluan terlebih dahulu. Selain itu, usaha sama ini tidak mendapat kelulusan JKR kerana AMS merupakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Bagaimanapun, JKR telah berbincang dengan CIDB untuk mengadakan kursus jangka pendek dan latihan.**

Pada pendapat Audit, pematuhan syarat kontrak adalah baik kecuali pelaksanaan syarat untuk mengadakan program usaha sama dengan institusi pengajian tempatan tidak mendapat kelulusan Kerajaan.

3.4.6. Pemantauan

3.4.6.1. Jalan JKR

- a. **Pemantauan Oleh Pihak JKR**
 - i. Mengikut Perenggan 2(f), Appendix IX perjanjian kontrak , “*The Goverment have the right to make periodic visits to the Concession Area to ensure that the routine maintenance works are being carried out in accordance with the agreed Performance Standard*”. Bagi tujuan ini, satu rekod pemeriksaan berkenaan perlu disediakan. Semakan Audit mendapati, tidak ada daftar khusus disediakan bagi maksud ini. Bagaimanapun, tidak ada catatan dibuat di daerah Tawau dan

Beluran dalam rekod pemeriksaan harian yang menunjukkan pemeriksaan telah dibuat pada masa berkenaan bersama pihak JKR. Namun begitu, keempat-empat daerah ada mengeluarkan *Non Compliance Report* (NCR) kepada Konsesi. Ini menunjukkan pemeriksaan ada dibuat oleh pihak JKR tetapi tidak direkodkan secara teratur.

- ii. **Berdasarkan maklum balas pihak JKR pada 24 Februari 2015, adalah menjadi keperluan bagi semua JKR Bahagian dan JKR Daerah menyimpan semua rekod pangauditan yang telah dijalankan di daerah. Walau bagaimanapun, JKR Sabah akan melakukan penambahbaikan proses dokumentasi dan memastikan setiap JKR Bahagian dan JKR Daerah akan mematuhi arahan tersebut. JKR Sabah juga telah mengarahkan JKR Bahagian Tawau dan JKR Daerah Beluran agar mengikut prosedur tersebut.**

b. Pemantauan Oleh Pihak Konsesi

- i. Item R07, Appendix I perjanjian kontrak menetapkan Konsesi menjalankan *daily routine inspection along the State JKR Sealed Road (SRT1) to identify defects that require Routine Maintenance works*. Pemeriksaan ini hendaklah dilaksanakan 2 kali seminggu bagi jalan protokol dan 1 kali seminggu bagi jalan bukan protokol dan membolehkan kerja-kerja pengawasan dapat dilaksanakan secara menyeluruh, pihak Konsesi telah membeli 53 unit GPS dan 142 vehicle tracker untuk memastikan petugas pemantauan berada di lokasi jalan seperti yang ditetapkan mengikut *work program*. Semakan Audit terhadap rekod pemeriksaan rutin yang disediakan oleh Konsesi mendapati, daerah Sandakan dan Semporna telah mencatatkan dengan jelas tarikh, masa dan jalan yang diperiksa dalam borang pemeriksaan. Bagaimanapun bagi daerah Tawau dan Beluran, catatan maklumat tersebut tidak dibuat. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa pemeriksaan rutin harian telah dilaksanakan mengikut program kerja yang ditetapkan.

3.4.6.2. Jalan PBT

a. Pemantauan Oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah

- i. Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau secara *random* aktiviti kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh Konsesi. Kakitangan UKP yang menjalankan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh Konsesi adalah seramai 4 orang iaitu Timbalan Setiausaha Tetap (Jusa C) selaku Pengarah Projek, Jurutera (J48), Juru Ukur Bahan (J41) dan Penolong Jurutera (J36). Unit ini menjalankan lawatan ke kawasan-kawasan PBT untuk memantau pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh Konsesi. Semakan Audit terhadap rekod

pemantauan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati, sebanyak 262 daripada 12,528 batang jalan telah dilawati/dipantau. Prestasi pemantauan tersebut bertambah baik berbanding 255 jalan yang telah dilawati pada tahun 2008 hingga 2012 seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012. Bagaimanapun, tidak ada program lawatan tahunan disediakan oleh UKP sepetimana tindakan penambahaikan yang dinyatakan dalam maklum balas Kementerian Kewangan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 tersebut. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menilai prestasi lawatan pemantauan oleh UKP berbanding sasaran.

- ii. UKP juga telah melantik Wakil Pengarah Projek (WPP) di peringkat PBT. Tiga WPP telah dilantik bagi mewakili kawasan PBT yang ditetapkan iaitu Jurutera Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (daerah seliaan merangkumi Kota Kinabalu, Papar, Kota Belud, Tuaran, Ranau dan Penampang), Jurutera Majlis Perbandaran Sandakan (daerah seliaan merangkumi Sandakan, Beluran dan Kinabatangan) dan Jurutera Majlis Daerah Tawau (daerah seliaan merangkumi Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak). WPP dikehendaki mengemukakan Laporan Bulanan kepada UKP yang mengandungi laporan jalan yang dinaik taraf, pemeriksaan berkala, aduan awam, penyenggaraan jalan dan jalan PBT yang layak untuk pendaftaran MARRIS. Seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, WPP Tawau dan Sandakan masing-masing hanya mengemukakan dua bulan laporan (bulan Januari dan Februari 2011) dalam tempoh tiga tahun (2010 hingga 2012). Maklum balas Kementerian Kewangan pula menyatakan akan menyediakan Format Borang Pemantauan Bulanan bagi memudahkan WPP menyediakan laporan yang lengkap.
- iii. Semakan Audit terhadap laporan bulanan WPP Tawau dan Sandakan masing-masing pada bulan Februari dan Mac 2015 mendapati, WPP Tawau dan Sandakan telah mengemukakan laporan bulanan berkenaan kepada UKP. Bagaimanapun, laporan yang dikemukakan hanya berkaitan aduan awam yang diterima dan diambil tindakan. Tidak ada laporan berkaitan jalan yang dinaik taraf, pemeriksaan berkala, penyenggaraan jalan dan jalan PBT yang layak untuk pendaftaran MARRIS disediakan. Selain itu, laporan yang dikemukakan hanya untuk daerah Sandakan atau Tawau sahaja dan tidak merangkumi daerah seliaan masing-masing. Pihak Audit juga mendapati, tiada format laporan bulanan disediakan oleh UKP untuk kegunaan WPP seperti dinyatakan dalam maklum balas Kementerian Kewangan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012.
- iv. Pihak UKP juga mengadakan Mesyuarat *Regional* yang dipengerusikan oleh Pengarah Projek dan ahli mesyuarat terdiri daripada pihak Konsesi dan WPP bagi membincangkan permasalahan berkaitan penyenggaraan jalan. Mengikut tindakan penambahbaikan yang dinyatakan dalam maklum balas Kementerian Kewangan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, mesyuarat

tersebut akan dijalankan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Semakan Audit mendapati, sebanyak 2 mesyuarat *Regional* telah dijalankan pada tahun 2013 dan tidak ada mesyuarat diadakan pada tahun 2012 dan 2014.

- v. **Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 30 Julai 2015, terdapat peningkatan dalam jumlah jalan yang telah dipantau. Selain itu, terdapat juga pemantauan yang dibuat tidak direkodkan. UKP akan menetapkan sasaran untuk lawatan tapak/pemantauan bagi UKP dan WPP agar prestasi mereka dapat dinilai. Selain itu, UKP juga akan menetapkan sasaran untuk lawatan tapak secara rawak terhadap kerja penyenggaraan rutin dan berkala. Oleh itu, UKP akan membangunkan sistem dalaman secara *mobile* bersama syarikat konsesi di mana data yang diambil di tapak pemantauan dan dihantar ke *central server* untuk dianalisis dan seterusnya menjana laporan. Selain itu, tujuan Mesyuarat *Regional* adalah untuk menyelesaikan isu-isu utama dan masalah yang timbul semasa pemantauan. Mesyuarat ini melibatkan masa dan kos yang tinggi kerana ianya akan dihadiri oleh syarikat konsesi, pejabat wilayah, juruperunding, UKP dan WPP. Mesyuarat hanya akan dibuat sekiranya perlu. Sekiranya terdapat isu yang melibatkan individu atau wilayah tertentu, ianya akan diselesaikan melalui telefon, SMS, aplikasi pesanan segera dan lawatan tapak.**

b. **Pemantauan Oleh Pihak Konsesi**

- i. Perenggan 1.7.1 dokumen kontrak volume II menyatakan *the Contractor shall provide all necessary manpower, transport, and equipment to carry out daily routine inspection along the road maintained by the Contractor to identify defects that required Routine Maintenance Work and to collect, record and report all roads data as required in this maintenance contract*. Piagam pelanggan pihak Konsesi pula menyatakan pemantauan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi setiap jalan yang disenggara.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan syarikat konsesi adalah baik kerana pihak Konsesi telah membangunkan *Road Maintenance Information System* (RMIS) untuk merancang, menjadual dan memantau aktiviti penyenggaraan. Bagi membolehkan kerja-kerja pengawasan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan mempercepatkan penyaluran maklumat ke dalam RMIS, pihak Konsesi telah membeli 182 unit *smartphone* dan 151 *vehicle tracker* untuk memastikan petugas pemantauan berada di lokasi jalan seperti yang ditetapkan mengikut jadual harian.
- iii. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya terhadap pelaksanaan pemantauan bagi 588 daripada 10,884 batang jalan atau 5.4% pada tahun 2012 dan 42 daripada 11,248 batang jalan atau 0.4% bagi tahun 2013 tidak dilaksanakan

setiap bulan mengikut piagam pelanggan. Manakala bagi tahun 2014, semua pemantauan telah dilaksanakan mengikut piagam pelanggan.

- iv. Berdasarkan maklum balas pihak Konsesi jalan PBT pada 30 Julai 2015, pemantauan tidak dapat dilaksanakan atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti banjir dan halangan dari orang kampung atau pihak ketiga. Selain itu, maklum balas pihak Konsesi jalan PBT pada 21 Oktober 2015, menyatakan untuk mengekalkan kestabilan dan kemampanan penyenggaraan jalanraya, pihak Konsesi akan terus melengkapkan para pekerja mereka sebagai aset melalui latihan, seminar, dan bengkel dari pihak luaran mahupun dalaman bagi mempertingkatkan lagi kapasiti dan daya saing kerja mereka.

Pada pendapat Audit, JKR dan syarikat Konsesi perlu merekodkan dengan lengkap aktiviti pemantauan yang dilaksanakan. Manakala pemantauan UKP terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Konsesi masih boleh dipertingkatkan. Selain itu, pemantauan jalan/ pengawasan secara bulanan oleh syarikat Konsesi jalan PBT terhadap semua jalan adalah baik kerana hanya terdapat 597 (5.4%) pada tahun 2012 dan 42 jalan (0.4%) pada tahun 2013 yang tidak dibuat pengawasan setiap bulan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi, pihak Audit mengesyorkan perkara-perkara seperti berikut:

- 3.5.1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menambah peruntukan penyenggaraan jalan Negeri agar penyenggaraan berkala dan kerja-kerja pemulihan/ naik taraf dapat dilaksanakan dengan segera.
- 3.5.2. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh pihak konsesi dilaksanakan mengikut perjanjian.
- 3.5.3. JKR meningkatkan lawatan berkala di kawasan konsesi seperti mana dibenarkan di bawah Perenggan 2(f), Appendix IX perjanjian kontrak bagi menentukan kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh Konsesi mematuhi kehendak kontrak. Manakala UKP perlu menyediakan program pemantauan dan dilaksanakan secara teratur dan berkala. Selain itu, WPP hendaklah digesa menghantar laporan bulanan pelaksanaan kepada pengarah projek seperti yang ditetapkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

4. PROJEK INFRASTRUKTUR PEKAN BARU

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. LPPB bertanggungjawab menyediakan infrastruktur asas, jalan masuk dan penyediaan tapak bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan pejabat Kerajaan seperti bangunan urusetia, dewan masyarakat, klinik, bomba, bekalan elektrik dan telekomunikasi untuk kemudahan penduduk dalam pembangunan pekan baru. Setakat tahun 2014, LPPB telah membangunkan 14 Pekan Baru iaitu Penampang, Inanam, Kota Kinabatangan, Telupid, Tongod, Nabawan, Pitas, Tandek, Beluran, Kuala Penyu, Sook, Tambunan, Kemabong dan Putatan. Kesemua Pekan Baru ini telah mempunyai pejabat daerah penuh/kecil dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bangunan kedai telah dibina oleh *Sabah Economy Development Corporation (SEDCO)*.

4.1.2. Cadangan pembangunan dibuat dalam Rancangan Malaysia dan dikemukakan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sabah bagi kelulusan dan bajet dipohon daripada Kerajaan Negeri.

4.1.3. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, LPPB telah menawarkan sebanyak 35 projek secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Proses rundingan terus bermula apabila LPPB menerima surat daripada Kementerian Kewangan atau Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah yang meminta LPPB mengesahkan projek yang dicadangkan. Seterusnya, Kementerian Kewangan menghantar surat kelulusan pengecualian daripada tatacara tender biasa dengan syarikat yang telah dinamakan berserta anggaran kos dan tempoh siap kerja kepada LPPB. LPPB menyediakan dokumen tender, mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor dan bertindak sebagai Pegawai Pengguna (PP) bagi projek yang dilaksanakan.

4.1.4. Bahagian Pembangunan Perumahan Dan Bandar LPPB bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek infrastruktur pekan baru di seluruh Negeri Sabah. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Perancang Bandar Gred J48 dan dibantu oleh 5 unit iaitu Unit Perumahan Awam, Unit Bandar (Pekan Baru), Unit Juru Ukur Bahan, Unit Kejuruteraan dan Unit Arkitek yang terdiri daripada 25 orang kakitangan gred J17 hingga J48.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada komponen projek infrastruktur pekan baru iaitu penyediaan tapak dan infrastruktur asas oleh LPPB telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai objektifnya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan 25 daripada 35 projek infrastruktur pekan baru yang diselia oleh Bahagian Pembangunan Perumahan Dan Bandar bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat LPPB dan lawatan Audit telah dilakukan ke 10 daerah iaitu Nabawan, Tenom, Tawau, Lahad Datu, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Paitan, Beluran dan Sandakan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat dan lawatan fizikal ke tapak projek yang dipilih sebagai sampel Audit. Selain itu, analisis maklumat yang diperolehi dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan projek infrastruktur pekan baru turut dilakukan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar LPPB bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan telah diadakan pada 28 Julai 2015.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati, pelaksanaan projek infrastruktur pekan baru adalah baik dari segi pemilihan lokasi dan prosedur perolehan. Bagaimanapun, pembangunan di tapak yang siap dibina telah lewat dilaksanakan. Pengauditan ini pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011. Kedudukan terkini bagi isu-isu yang telah dibangkitkan dalam laporan tersebut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Terkini Bagi Isu-Isu Yang Telah Dibangkitkan
Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

Bil.	Perenggan	Isu	Kedudukan Terkini
1.	5.4.2.	Projek pembinaan jalan yang dibina di atas tanah simpanan Kerajaan Negeri berjumlah RM0.50 juta	Selesai
2.	5.4.3.1	5 projek penyediaan tapak berjumlah RM3.81 juta telah siap tetapi pembinaan bangunan komersil belum dibuat.	1. Pekan Baru Sindumin - Cadangan usahasama LPPB dan pemaju swasta untuk membina 50 unit kedai 2 tingkat. <i>Development Plan</i> (DP) telah dikemukakan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar pada 18 Mac 2014 dan kini menunggu kelulusan. Projek akan dilaksanakan pada tahun ini. 2. Pekan Baru Kinabatangan – Cadangan pembinaan 40 unit kedai 2 tingkat. DP telah dikemukakan kepada Majlis Daerah untuk kelulusan.
3.	5.4.3.2	Tapak projek tidak disenggara	Belum diambil tindakan. Peruntukan penyenggaraan dimasukkan pada 2015.
4.	5.4.3.3	Satu projek dengan kos RM2.32 juta siap 70% dan kontraktor meninggalkan tapak projek.	Kontraktor telah ditamatkan. Pembayaran hanya 70% berdasarkan kemajuan kerja. Tiada peruntukan di bawah RMKe 10 dan dimasukkan ke RMKe 11 untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Pada tahun 2012 hingga 2014, LPPB telah menerima peruntukan sejumlah RM28,360,010 dan sejumlah RM26,815,490 telah dibelanjakan iaitu 95% daripada peruntukan yang diterima seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Prestasi Kewangan Projek infrastruktur pekan baru
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2012	8,710,000	8,281,659	95
2013	9,650,000	9,238,304	96
2014	10,000,010	9,295,527	93
Jumlah	28,360,010	26,815,490	95

Sumber: LPPB

4.4.1.2. LPPB telah melaksanakan 35 projek bagi 14 buah pekan baru bernilai RM26,815,490 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Projek Infrastruktur Pekan Baru Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Lokasi	Daerah	Perbelanjaan (RM)			Jumlah (RM)
			2012	2013	2014	
1.	Pekan Baru Kemabong	Tenom	947,500	733,639	265,126	1,946,265
2.	Pekan Baru Melalap		232,470	943,133	948,994	2,124,597
3.	Pekan Baru Tandek	Kota Marudu	996,558	747,103	970,390	2,714,051
4.	Pekan Baru Lok Tohok	Kudat	0	0	446,699	446,699
5.	Pekan Baru Pitas	Pitas	628,111	750,000	750,000	2,128,111
6.	Pekan Baru Tungku	Lahad Datu	659,161	699,566	32,370	1,391,097
7.	Pekan Baru Pegalungan	Pensiangan	469,298	512,488	189,959	1,171,745
8.	Pekan Baru Paitan	Paitan	984,928	724,247	249,964	1,959,139
9.	Pekan Baru Sindumin	Sipitang	952,416	0	0	952,416
10.	Pekan Baru Kalabakan	Tawau	1,458,450	747,676	992,799	3,198,925
11.	Pekan Baru Nabawan	Nabawan	952,767	749,544	999,991	2,702,302
12.	Pekan Baru Sukau	Sandakan	0	992,246	991,738	1,983,984
13.	Pekan Baru Beluran	Beluran	0	999,994	1,499,998	2,499,992
14.	Pekan Baru Tongod	Tongod	0	698,670	957,498	1,656,168
Jumlah			8,261,659	9,298,304	9,295,527	26,815,490

Sumber: LPPB

Pada pendapat Audit, pencapaian perbelanjaan adalah sangat baik kerana mencapai 95% daripada peruntukan yang diterima.

4.4.2. Prestasi Projek

4.4.2.1. LPPB menetapkan sasaran pelaksanaan projek infrastruktur pekan baru melalui Rancangan Malaysia Ke 10 Tahun 2011 hingga 2015 dan dilaksanakan berdasarkan bilangan projek yang diluluskan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015, LPPB telah memohon peruntukan sejumlah RM99.96 Juta bagi 14 projek. Bagaimanapun, yang

diluluskan hanya RM40.77 Juta bagi 14 projek yang dilaksanakan secara berfasa seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Prestasi Pelaksanaan Projek Infrastruktur Pekan Baru
Melalui Rancangan Malaysia Ke 10 Tahun 2011 – 2015

Jenis Projek	Sasaran	Pelaksanaan	Peruntukan Dipohon (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)
Projek Sedia Ada	14	14	99,960,000	40,768,200
Projek Sambungan	42	0	270,300,000	0
Projek Baru	12	0	82,340,000	0
Jumlah	68	14	452,600,000	40,768,200

Sumber: LPPB

Pada pendapat Audit, pencapaian pelaksanaan projek infrastruktur pekan baru adalah sangat baik kerana 14 projek telah dilaksanakan seperti yang diluluskan.

4.4.3. Pembangunan Di Tapak Yang Siap Dibina Lewat Dilaksanakan

4.4.3.1. Enakmen LPPB No.20/1981 menyatakan LPPB bertanggungjawab menyediakan infrastruktur asas, jalan masuk dan penyediaan tapak bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan pejabat Kerajaan seperti bangunan urusetia, dewan masyarakat, klinik, bomba, bekalan elektrik dan telekomunikasi untuk kemudahan penduduk dalam pembangunan pekan baru. Setelah projek disiapkan, ia akan dipindah milik kepada Jabatan Kerajaan/agensi berkenaan untuk membina bangunan masing-masing. Bangunan komersil akan dibangunkan oleh LPPB melalui kerjasama dengan pihak swasta.

4.4.3.2. LPPB melaksanakan projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMKe 10) berdasarkan Pelan Susun Atur Pekan Baru bagi mewujudkan prasarana dan kemudahan untuk memberi laluan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain melaksanakan program pembangunan di pekan baru berkenaan. Pelan ini menunjukkan perancangan pembangunan yang akan dijalankan di kawasan pekan baru. LPPB akan melaksanakan projek penyediaan tapak berdasarkan perancangan tersebut. Mengikut perancangan, projek yang telah disiapkan akan diserahkan kepada agensi berkenaan.

4.4.3.3. LPPB membantu agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) dan agensi-agensi lain untuk membangunkan daerah masing-masing. LPPB terlibat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan di daerah. Di dalam mesyuarat ini, agensi atau PBT akan memohon kepada LPPB untuk membuat persediaan tapak bagi kawasan yang telah diperuntukkan. Permintaan oleh agensi yang disuarakan di mesyuarat tersebut akan dipertimbangkan dan diminta untuk memohon bajet bagi persediaan untuk melaksanakan pembangunan

yang dicadangkan. Bagi permohonan yang diluluskan, LPPB akan melaksanakan persediaan tapak bagi membolehkan pembangunan dilaksanakan.

4.4.3.4. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, LPPB telah melaksanakan 35 projek iaitu 11 projek penyediaan tapak dan 24 projek infrastruktur di 14 pekan baru. Semakan Audit terhadap fail dan rekod berkaitan mendapati, projek yang telah disiapkan tidak diserahkan kepada agensi berkaitan. Manakala bagi 11 projek penyediaan tapak, tiada rekod diperolehi untuk menunjukkan agensi yang akan melaksanakan pembangunan di tapak berkenaan.

4.4.3.5. Lawatan Audit mendapati, 9 tapak projek yang telah disiapkan antara 1 hingga 6 tahun oleh LPPB belum dibangunkan dengan projek pembangunan selanjutnya oleh agensi terbabit seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Senarai Tapak Projek Siap Tidak Dibangunkan

Bil.	Tajuk Projek	Daerah	Kos (RM)	Komponen Projek	Tarikh Siap	Tujuan Pembangunan	Keadaan Fizikal
1.	<i>Proposed Site Preparation Works For Pitas New Township</i>	Pitas	899,864	• Site clearance and earthworks	2009	Pembangunan kedai	Tiada pembangunan dilaksanakan seperti di Gambar 4.1 hingga Gambar 4.5 .
2.	<i>Proposed Civil Works For Tungku New Township Phase V, Lahad Datu</i>	Lahad Datu	649,408	• Site clearance and earthworks	3.10.2013	Pembangunan kedai	
3.	<i>Proposed Civil Works For Tungku New Township Phase IV, Lahad Datu</i>		599,926	• Site clearance and earthworks	26.6.2012	Pembangunan kedai	
4.	<i>Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase II, Pensiangan</i>	Nabawan	949,950	• Site clearance and earthworks	18.9.2012	Dewan serbaguna oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Tiada pembangunan dilaksanakan seperti di Gambar 4.1 hingga Gambar 4.5 .
5.	<i>Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase III, Pensiangan</i>		1,397,560	• Site clearance and earthworks • Slope protection works • Surface water drainage	10.3.2014	Tapak komersil	
6.	<i>Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase IV, Pensiangan</i>		948,744	• Site clearance and earthworks	8.2.2015	Pembangunan usahasama LPPB dengan pihak swasta.	Tiada pembangunan dilaksanakan seperti di Gambar 4.1 hingga Gambar 4.5 .
7.	<i>Proposed Civil Works For Pitas New Township Phase 5, Pitas</i>	Pitas	1,399,692	• Site preparation and earthwork • Road work • Surface water drainage	17.11.2013	Tapak komersil	
8.	<i>Proposed Civil Works For Paitan New Township Phase 3</i>	Paitan	699,759	• Site preparation and earthwork	15.9.2013	Pembangunan komersil Majlis Daerah Beluran	
9.	<i>Proposed Infrastructure Works For Paitan New Township Phase 4</i>		970,000	• Site preparation and earthwork	22.3.2015		

Sumber: LPPB dan Jabatan Audit Negara

Gambar 4.1
Tiada Pembangunan Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Tungku
Tarikh: 13 Mac 2015

Gambar 4.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Tandek
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 4.3
Tiada Pembangunan Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Nabawan
Tarikh: 9 Mac 2015

Gambar 4.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Nabawan
Tarikh: 9 Mac 2015



Gambar 4.5
Tiada Pembangunan Dilaksanakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Pitas
Tarikh: 20 April 2015

4.4.3.6. Semakan Audit mendapati, penyediaan tapak oleh LPPB adalah menepati kegunaan tanah seperti yang dinyatakan di Pelan Susun Atur Pekan Baru. Bagaimanapun, permohonan pembangunan oleh agensi atau jabatan berkaitan belum diperolehi walaupun cadangan pembangunan berkaitan telah dibincangkan oleh PBT atau agensi lain dalam mesyuarat pembangunan yang disertai bersama LPPB. Disamping itu,

LPPB tidak mengambil tindakan kepada agensi berkaitan untuk melaksanakan pembangunan di tapak yang telah disediakan. Ini menyebabkan tapak projek ditumbuhinya rumput yang panjang dan kerja-kerja pengukuran tanah terpaksa dilakukan semula akibat perubahan keadaan tanah yang tidak dibangunkan dengan segera. Selain itu, tapak projek berkenaan juga terdedah kepada risiko seperti pencerobohan, tanggungan penyenggaraan dan lain-lain yang masih di bawah tanggungjawab Kerajaan.


4.4.3.7. Di samping itu, tapak projek yang telah siap tetapi belum diserahkan kepada agensi berkaitan didapati tidak dipagar dan tidak dipasang papan tanda seperti di **Gambar 4.6** hingga **Gambar 4.13**.

Gambar 4.6
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Tandek, Kota Marudu
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 4.7
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar Dan Dipasang Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Tandek, Kota Marudu
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 4.8
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar Dan Dipasang Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Nabawan
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 4.9
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar Dan Dipasang Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Pitas
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 4.10
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar Dan Dipasang Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Beluran
Tarikh: 22 April 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Beluran
Tarikh: 22 April 2015

Gambar 4.12
Tapak Projek Siap Tidak Dipagar Dan Dipasang Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Baru Nabawan
Tarikh: 9 Mac 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tungku,Lahad Datu
Tarikh: 13 Mac 2015

4.4.3.8. Ini disebabkan peruntukan untuk memagar tanah tidak termasuk dalam kos kontrak. Kesannya, tapak projek berisiko diceroboh. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, LPPB menyatakan akan mengambil tindakan untuk menyerahkan secara rasmi projek yang telah siap kepada Jabatan/Agenzi Kerajaan berkaitan dalam tempoh 12 bulan seperti di Jadual 4.6.**

Jadual 4.6
Kedudukan Terkini Projek Siap Yang Belum Diserah untuk Pembangunan

Bil.	Tajuk Projek	Daerah	Kos (RM)	Tarikh Siap	Tujuan Pembangunan	Ulasan
1.	<i>Proposed Site Preparation Works For Pitas New Township</i>	Pitas	899,864	2009	Pembangunan kedai	Cadangan pembangunan usahasama LPPB dengan Pembangunan Kesan Aneka SB. DP telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Pitas.
2.	<i>Proposed Civil Works For Tungku New Township Phase V, Lahad Datu</i>	Lahad Datu	649,408	3.10.2013		Cadangan pembangunan usahasama LPPB dengan pihak swasta. Terdapat permohonan daripada Ekstraya SB dan Pembinaan Budi SB. Perbincangan masih di peringkat awal.
3.	<i>Proposed Civil Works For Tungku New Township Phase IV, Lahad Datu</i>		599,926	26.6.2012	Pembangunan kedai	

Bil.	Tajuk Projek	Daerah	Kos (RM)	Tarikh Siap	Tujuan Pembangunan	Ulasan
4.	Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase II, Pensiangan	Nabawan	949,950	18.9.2012	Dewan serbaguna oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Pihak Majlis Daerah Nabawan sedang memohon peruntukan.
5.	Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase III, Pensiangan		1,397,560	10.3.2014	Tapak komersil	Cadangan pembangunan usahasama Majlis Daerah Nabawan dengan pihak swasta.
6.	Proposed Civil & Associated Works For Nabawan New Township Phase IV, Pensiangan		948,744	8.2.2015		Cadangan pembangunan usahasama LPPB dengan pihak swasta.
7.	Proposed Civil Works For Kemabong New Township Phase III, Tenom	Tenom	952,500	11.9.2012		Kegunaan untuk penduduk Kemabong di kawasan komersil.
8.	Proposed Civil Works For Tandek New Township Phase 3, Kota Marudu	Kota Marudu	949,822	13.8.2012		Kemudahan bagi melancarkan sistem perparitan di Pekan Baru Tandek.
9.	Proposed Civil Works For Tandek New Township Phase 5, Kota Marudu		949,440	30.4.2015	Rumah kedai	Cadangan pembangunan usahasama LPPB dengan Charm Introline SB. D.P telah disediakan dan akan dikemukakan kepada Majlis Daerah Kota Marudu untuk kelulusan.
10.	Proposed Civil Works For Pitas New Township Phase 5, Pitas	Pitas	1,399,692	17.11.2013	Tapak komersil	Cadangan pembangunan usahasama LPPB dengan pihak swasta.
11.	Proposed Civil Works For Paitan New Township Phase 3	Paitan	699,759	15.9.2013	Pembangunan komersil Majlis Daerah Beluran	Persediaan tapak bagi kawasan tamu dan komersil di bawah Majlis Daerah Beluran.
12.	Proposed Infrastructure Works For Paitan New Township Phase 4		970,000	22.3.2015		

Sumber: LPPB

Pada pendapat Audit, LPPB telah melaksanakan peranan menyediakan tapak untuk memberi laluan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain melaksanakan program pembangunan di pekan baru dengan memuaskan. Bagaimanapun, tapak projek yang telah disiapkan tidak diserahkan secepat mungkin menyebabkan tapak projek lewat dibangun dan meletakkan tanggungjawab penyenggaraan kepada LPPB.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pembangunan projek infrastruktur pekan baru dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, LPPB perlu menetapkan satu dasar bersama dengan agensi pengguna/pelanggan supaya pembangunan dilaksanakan secepat mungkin selepas tapak diserahkan kepada agensi. Pengguna/pelanggan turut bertanggungjawab atas penyenggaraan tapak tersebut selepas penyerahan oleh LPPB dan mengambil langkah sewajarnya untuk mencegah tapak projek yang telah siap dan belum diserahkan daripada risiko pencerobohan.

JABATAN KETUA MENTERI NEGERI SABAH

5. SAWIT KINABALU SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Ketua Menteri (Pemerbadanan) 1949, (Pindaan) 1998. SKSB telah ditubuhkan pada tahun 1996 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM645 juta.

5.1.2. SKSB diwujudkan hasil daripada pengkorporatan (*corporatization*) Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dengan objektif aset dan liabiliti SLDB diteruskan sebagai syarikat komersial. Aktiviti utama SKSB adalah sebagai sebuah syarikat pelaburan terutamanya dalam industri perladangan berasaskan kelapa sawit, harta tanah dan penternakan lembu. Kumpulan Sawit telah menetapkan visi utama iaitu menjadi peneraju utama dalam pengeluaran sawit dan pemaju harta tanah di Negeri Sabah.

5.1.3. Setakat tahun 2014, SKSB mempunyai 25 syarikat subsidiari dan 3 syarikat bersekutu dengan pelaburan masing-masing berjumlah RM69.90 juta dan RM0.08 juta.

5.1.4. Lembaga Pengarah SKSB adalah seramai 4 orang yang terdiri daripada seorang Pengerusi iaitu YAB Ketua Menteri Sabah, seorang mantan pegawai awam, seorang ahli perniagaan dan Pengarah Urusan Kumpulan. SKSB diurus oleh seorang Pengarah Urusan Kumpulan yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti syarikat dan tidak mempunyai kaktungan lain.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis terhadap penyata kewangan telah dijalankan untuk menilai prestasi kewangan SKSB. Pengauditan pengurusan aktiviti pelaburan dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan pengurusan, pemantauan aktiviti anak syarikat dan

pelaburan di syarikat bersekutu serta di pasaran saham. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai terlibat, di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat. *Exit Conference* bersama Pengarah Urusan SKSB telah diadakan pada 29 Julai 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah dan Setiausaha Hasil Bumi Jabatan Ketua Menteri.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari 2015 hingga April 2015 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SKSB adalah baik. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Enam syarikat subsidiari yang aktif mengalami defisit antara RM0.55 juta hingga RM72.66 juta.
- Tujuh syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 dan 1 syarikat bersekutu berstatus dorman.
- Lapan daripada 10 syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan pada tahun 2009 hingga 2013 tidak mengisyiharkan dividen.
- Jawatankuasa pelaburan tidak ditubuhkan.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak komprehensif dan kemas kini.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SKSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, prestasi kewangan SKSB adalah memuaskan di mana SKSB telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu masing-masing RM1.42 juta, RM0.33 juta dan RM0.52 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Selain itu, keuntungan terkumpul SKSB telah mengalami penurunan daripada RM616.29 juta pada tahun 2011 kepada RM468.55 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri.
- b. Pendapatan SKSB dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013 menunjukkan trend peningkatan iaitu daripada RM1.67 juta pada tahun 2011 kepada RM13.31 juta pada tahun 2013. Pendapatan SKSB terdiri daripada 2 komponen, iaitu hasil dan pendapatan lain. Hasil SKSB merupakan dividen diterima daripada pelaburan dan

yuran pengurusan. Manakala, pendapatan lain terdiri daripada faedah dan pendapatan pelaburan. Pada tahun 2011, dividen diterima dan yuran pengurusan adalah berjumlah RM1.54 juta menjadi RM7.31 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 374.7%. Selain itu, pada tahun 2013 dividen diterima dan yuran pengurusan telah meningkat sebanyak 78.1% menjadi RM13.02 juta berbanding tahun 2012. Pendapatan lain pula adalah masing-masing RM0.12 juta, RM0.14 juta dan RM0.28 juta untuk tahun 2011, 2012 dan 2013.


- c. Perbelanjaan SKSB terdiri daripada perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan pembiayaan. Perbelanjaan pentadbiran telah meningkat daripada RM0.25 juta pada tahun 2011 kepada RM0.27 juta pada tahun 2012 dan RM0.38 juta pada tahun 2013. Kos pembiayaan pula telah meningkat daripada RM6.86 juta pada tahun 2012 kepada RM12.41 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2011, tiada kos pembiayaan disebabkan SKSB hanya membuat pinjaman pada tahun 2012 daripada bank tempatan berjumlah RM280 juta dengan caj faedah sejumlah 4.62% bagi tujuan melabur dan membeli saham Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGVHB) berjumlah 89,010,989 unit.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan semasa dan terkumpul SKSB adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan SKSB
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Hasil	1,541,470	7,305,810	13,023,070
Pendapatan Lain	124,594	143,537	282,359
Jumlah Pendapatan	1,666,064	7,449,347	13,305,429
Perbelanjaan Pentadbiran	248,433	266,692	379,116
Perbelanjaan Lain	-	6,856,787	12,410,922
Jumlah Perbelanjaan	248,433	7,123,479	12,790,038
Keuntungan Sebelum Cukai	1,417,631	325,868	515,391
Cukai Pendapatan	23,864	26,477	85,296
Keuntungan Bersih	1,393,767	299,391	430,095
Keuntungan Terkumpul	616,285,110	565,115,751	468,545,870

Sumber: Penyata Kewangan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

Carta 5.1
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Kecairan, Margin Keuntungan dan Nisbah Kecekapan seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	19.64:1	12.09:1	6.24:1
Margin Keuntungan	85.1%	4.4%	3.9%
Pulangan Atas Aset	0.001:1	0.0002:1	0.0003:1
Pulangan Atas Ekuiti	0.001:1	0.0003:1	0.0005:1

Sumber: Penyata Kewangan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara iaitu semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa mengalami penurunan daripada 19.64:1 pada tahun 2011 kepada 12.49:1 pada tahun 2012 dan 6.24:1 pada tahun 2013. Ini disebabkan oleh penurunan jumlah aset semasa. Selain itu, SKSB mengalami peningkatan jumlah tanggungan semasa antara 19.6% dan 118.8%. Walaupun mengalami penurunan, kecairan SKSB masih berada pada tahap yang baik dan berkeupayaan melunaskan keseluruhan tanggungan semasanya bagi tempoh 2011 hingga 2013.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, SKSB telah menjana RM0.85 untung bersih sebelum cukai bagi tempoh 2011. Bagaimanapun, margin untung bersih menurun kepada RM0.044 pada tahun 2012 dan RM0.039 pada 2013.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati pada tahun 2011, Nisbah Pulangan Atas Aset SKSB menunjukkan pulangan keuntungan adalah RM0.001 bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Bagaimanapun, pada tahun 2012 dan 2013, kadar pulangan tersebut telah menurun kepada RM0.0002 dan RM0.0003 bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Ini adalah disebabkan untung menurun dan aset meningkat pada tahun 2012 dan 2013 berbanding tahun 2011. SKSB perlu memberi perhatian terhadap kedudukan perkara ini yang kurang positif.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2011 adalah pada kadar 0.001:1. Bagaimanapun, nisbah ini menurun kepada 0.0003:1 dan 0.0005:1 pada tahun 2012 dan 2013. SKSB perlu memberi perhatian terhadap kedudukan perkara ini yang kurang positif.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SKSB adalah baik kerana kedudukan kewangan yang stabil dan telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM468.55 juta setakat tahun 2013. Namun begitu, kedudukan aset dan ekuiti yang kurang positif perlu diberi perhatian.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

SKSB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan. Setakat 31 Disember 2014, SKSB telah melabur sejumlah RM69.90 juta dalam 25 syarikat subsidiari dan RM0.08 juta dalam 3 syarikat bersekutu. Pemantauan operasi dan aktiviti anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat pelaburan dibuat melalui mesyuarat *Management Committe* yang dijalankan setiap bulan, di mana semua pengurus anak syarikat adalah ahli jawatankuasa tersebut. Aktiviti utama syarikat subsidiari dan bersekutu SKSB adalah dalam bidang perladangan, pengeluaran, pengilangan, penyelidikan dan penjualan kelapa sawit, pelaburan harta tanah, agen insurans serta penternakan. Selain itu, SKSB juga melabur dalam saham berjumlah RM405 juta di sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan 2 syarikat *money market fund* berjumlah RM12.21 juta.

5.4.2.1. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari/Bersekutu

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu hendaklah dipantau dengan sewajarnya untuk memastikan syarikat susidiari dan syarikat bersekutu memberi pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan daripada wang yang dilaburkan. Berdasarkan laporan kewangan yang diaudit bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013, prestasi syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti berikut:

a. Syarikat Subsidiari/Bersekutu Memperoleh Keuntungan

- i. Pihak Audit mendapati sebanyak 10 syarikat subsidiari dan 1 syarikat bersekutu telah mencatat keuntungan semasa 5 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, 2 daripada syarikat subsidiari masih dalam kedudukan kerugian terkumpul berjumlah RM40,382 dan RM4.27 juta masing-masing. Keuntungan semasa tertinggi bagi syarikat subsidiari dan bersekutu adalah berjumlah RM154.61 juta yang dicatatkan pada tahun 2011 dan keuntungan terendah adalah RM1,906 yang direkodkan pada tahun 2012 seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Syarikat Subsidiari/Bersekutu Mendapat Keuntungan 5 Tahun Berturut-Turut
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2013

Bil.	Nama Syarikat	Keuntungan Semasa Selepas Cukai					Keuntungan/ Kerugian Terkumpul 31.12.2013 (RM)
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
I. Subsidiari							
1.	Rikaworth Sdn. Bhd. (RSB) *	17,585	1,434,648	2,397,734	2,763,886	2,780,535	4,989,380
2.	Borneo Samudera Sdn. Bhd.	29,881,705	92,745,072	154,613,660	54,487,169	38,256,420	913,197,129
3.	Bagahak Plantation Sdn. Bhd.	20,214,660	38,782,232	49,307,739	30,875,049	18,144,688	310,048,054
4.	Bongalio Development Sdn. Bhd.	6,908,130	10,418,639	14,199,521	6,390,563	7,076,174	71,309,186
5.	Sandau Mill Sdn. Bhd.	5,128,166	9,086,769	5,002,259	2,355,000	7,842,958	63,958,107
6.	Oscar Kinabalu Sdn. Bhd.	780,413	1,736,730	2,344,770	1,477,740	871,166	10,346,565
7.	Fokasrama Sdn. Bhd.	1,319,719	534,990	795,259	781,502	805,439	9,818,865
8.	Oscajaya Sdn. Bhd.**	247,297	240,905	248,369	241,597	268,225	1,585,002
9.	Minyak Berjaya Sdn. Bhd.	155,975	166,361	196,927	290,436	128,567	-4,268,264
10.	Kunak Mill Sdn. Bhd.	11,553	12,276	12,368	1,906	12,878	-40,382
II. Bersekutu							
1.	Tongod Plantation Sdn. Bhd.***	1,885,536	3,871,431	6,500,698	3,507,858	1,602,347	17,907,856

Sumber: Penyata Kewangan Subsidiari/Bersekutu Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

Nota: * - membayar dividen pada tahun 2010 hingga 2012

** - membayar dividen pada tahun 2010

*** - membayar dividen pada 2011 hingga 2013

- ii. Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, anak syarikat SKSB akan mengisyarat dan membayar dividen kepada SKSB bila perlu dan bergantung kepada komitmen dan aliran tunai anak syarikat.**

b. Syarikat Subsidiari/Bersekutu Mengalami Kerugian Terkumpul

- i. Pihak Audit mendapati sebanyak 7 syarikat subsidiari yang aktif telah mengalami kerugian terkumpul antara RM0.04 juta hingga RM72.76 juta pada tahun 2013 seperti di **Jadual 5.4**. Bagaimanapun, 2 syarikat subsidiari menunjukkan prestasi yang baik kerana berupaya menurunkan kerugian terkumpul untuk tempoh 5 tahun berturut-turut daripada RM5.05 juta dan RM0.08 juta pada tahun 2009 kepada RM4.27 juta dan RM0.04 juta pada tahun 2013 masing-masing.

Jadual 5.4
Syarikat Subsidiari Dalam Kedudukan Kerugian Terkumpul
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2013

Bil.	Syarikat Subsidiari	Tahun Kewangan				
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
1.	Kunak Refinery Sdn. Bhd.	-38,605,094	-47,050,026	-59,414,873	-73,966,470	-72,764,947
2.	Saplantco Sdn. Bhd.	-14,056,872	-14,099,763	-14,103,261	-14,105,194	-12,194,063
3.	Sawit Kinabalu Farm Products Sdn. Bhd.	-1,868,397	-2,194,914	-3,870,745	-7,390,472	-9,443,576
4.	Sawit Kinabalu Bio-Tech Sdn. Bhd.	-13,698	-1,234,431	-1,938,234	-3,776,135	-6,025,812
5.	Minyak Berjaya Sdn. Bhd.	-5,050,555	-4,884,194	-4,687,267	-4,396,831	-4,268,264
6.	Sandakan Bulkers Sdn. Bhd.	-1,054,886	-1,296,018	-1,292,735	-1,517,836	-1,540,066
7.	Kunak Mill Sdn. Bhd.	-79,810	-67,534	-55,166	-53,260	-40,382

Sumber: Penyata Kewangan Subsidiari Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

- ii. Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, pihak SKSB akan menyemak semula rancangan strategik 5 tahun Syarikat Kumpulan yang dijangka siap pada akhir bulan Januari 2016 bagi tujuan meningkatkan prestasi syarikat subsidiari.

c. Defisit Dalam Dana Pemegang Saham

- i. Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Pihak Audit mendapati 6 syarikat subsidiari yang aktif telah mengalami defisit dalam dana pemegang saham bagi tempoh antara 3 hingga 5 tahun berturut-turut dari tahun 2009 hingga 2013 dan liabiliti semasa telah melebihi aset semasa seperti di **Jadual 5.5**. Syarikat perlu menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan asas *going concern*. Oleh itu, kemampuan syarikat meneruskan perniagaan adalah diragui kerana liabiliti telah melebihi aset dan kelangsungan perniagaan syarikat subsidiari bergantung kepada sokongan kewangan daripada SKSB.

Jadual 5.5
Kedudukan Defisit Dalam Dana Pemegang Saham Dan
Liabiliti Semasa Melebihi Aset Semasa

Bil.	Nama Syarikat	Dana Pemegang Saham					Liabiliti Semasa Melebihi Aset Semasa Pada 31.12.2013 (RM)
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
1.	Kunak Refinery Sdn. Bhd.	-38,505,094	-46,950,026	-59,314,873	-73,866,470	-72,664,947	-156,277,667
2.	Sawit Kinabalu Farm Products Sdn. Bhd.	631,603	305,086	-1,370,745	-4,890,472	-6,943,576	-17,212,095
3.	Sawit Kinabalu Bio-Tech Sdn. Bhd.	-13,696	-1,234,429	-1,938,232	-3,776,133	-6,025,810	-9,140,973
4.	Sandakan Bulkers Sdn. Bhd.	-1,054,884	-1,296,016	-1,292,733	-1,517,834	-1,540,064	-6,048,912
5.	Minyak Berjaya Sdn. Bhd.	-2,050,555	-1,884,194	-1,687,267	-1,396,831	-1,268,264	-1,268,264
6.	Saplantco Sdn. Bhd.	-2,414,649	-2,457,540	-2,461,038	-2,462,971	-551,840	-1,378,957

Sumber: Penyata Kewangan Subsidiari Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

- ii. Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, pihak SKSB akan memantau prestasi dan membuat penilaian semula status syarikat subsidiari yang mengalami defisit dalam dana pemegang saham.

d. Syarikat Subsidiari/Bersekutu Yang Dorman/Tidak Beroperasi

- i. Amalan terbaik dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 perenggan 4.5 menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu melupuskan atau menswastakan kepentingan Kerajaan di dalam syarikat yang menghadapi

masalah kewangan dan mengalami kerugian besar yang berterusan, kecuali syarikat yang sedang atau akan disusun semula. Langkah yang sama perlu juga diambil ke atas syarikat yang tidak beroperasi, khususnya yang dorman dan yang telah memberhentikan operasinya. Usaha penswastaan ini perlu dilakukan dengan segera, iaitu semasa syarikat berkenaan masih boleh dipulihkan oleh pihak swasta. Pihak Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, sebanyak 7 daripada 25 syarikat subsidiari dan satu daripada 3 syarikat bersekutu SKSB yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 telah dorman/tidak beroperasi antara 3 hingga 17 tahun seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Syarikat Subsidiari/Bersekutu SKSB Yang Dorman/Tidak Aktif

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Ditubuhkan	Aktiviti Perniagaan	Kerugian Selepas Cukai			Tempoh Dorman/Tidak Beroperasi
				2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
I. Subsidiari							
1.	Sandakan Mowtas Jetty Sdn. Bhd.	28.11.1997	<i>Selling of property lots at Sandakan POIC</i>	-934	-981	-957	17
2.	Sawit Kinabalu Edible Oils Sdn. Bhd.	4.3.2005	<i>Trading in crude palm oil, palm kernel and refined palm oil products</i>	-14,945	-3,134	-2,522	5
3.	Sawit Bio Diesel Sdn. Bhd.	23.11.2005	<i>Has not commenced business operations</i>	-934	-985	-957	9
4.	Estrowasa Sdn. Bhd.	11.9.2006	<i>Selling of property lots at Sandakan POIC</i>	-934	-989	-956	8
5.	Synergy Percent Sdn. Bhd.	31.10.2006	<i>Selling of property lots at Sandakan POIC</i>	-934	-986	-957	8
6.	Bypower Sdn. Bhd.	1.12.2006	<i>Selling of property lots at Sandakan POIC</i>	-934	-985	-957	8
7.	Sawit Bulkers Sdn. Bhd.	13.9.2011	<i>Palm Oil Bulking</i>	0	-31,217	-4,379	3
II. Bersekutu							
1.	Jurusan Borneo Sdn. Bhd.	TM	Property development	0	-2,567	-1,885	TM

Sumber: Penyata Kewangan Subsidiari/Bersekutu Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

- ii. **Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, syarikat yang dorman/tidak beroperasi adalah sebahagian daripada projek POIC Sandakan. Syarikat terlibat akan diaktifkan selepas isu teknikal dan tanah diselesaikan.**

e. Dividen Diterima

Mengikut amalan terbaik dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2011 menetapkan semua lapisan syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan hendaklah membayar dividen kepada syarikat induk agar syarikat induk itu dapat membayar dividen kepada pemegang sahamnya (Kerajaan). Semakan Audit mendapati hanya 1 syarikat subsidiari dan 2 syarikat pelaburan telah membayar dividen antara RM0.03 juta hingga RM12.96 juta kepada SKSB bagi tempoh 2010 hingga 2013. Manakala 1 syarikat subsidiari dan 2 syarikat bersekutu telah membayar

dividen kepada syarikat subsidiari SKSB bagi tempoh 2010 hingga 2013. Lapan syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan bagi tempoh 2009 hingga 2013 tidak membayar dividen kepada SKSB. Ini adalah disebabkan 2 syarikat subsidiari masih dalam kedudukan kerugian terkumpul, semua urus niaga dilaporkan dalam akaun kumpulan SKSB dan tidak ada tuntutan dibuat oleh pihak SKSB. **Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, syarikat kumpulan SKSB akan mengisyihar dan membayar dividen bergantung kepada komitmen dan aliran tunai syarikat untuk meningkatkan hasil SKSB.**

5.4.2.2. Pelaburan Dalam Bursa Saham

Pada tahun 2012, SKSB telah membuat perolehan saham Federal Global Venture (FGV) berjumlah RM405 juta iaitu melibatkan saham sebanyak 89,010,989 unit berharga RM4.55 seunit. Jumlah keseluruhan perolehan adalah RM406.84 juta iaitu termasuk caj perkhidmatan berjumlah RM1.84 juta. Lembaga Pengarah SKSB telah meluluskan perolehan saham tersebut secara tunai berjumlah RM125 juta dan pinjaman daripada bank tempatan berjumlah RM280 juta. Berdasarkan laporan saham pada 14 Mei 2015, harga sesaham FGV di Bursa Saham Malaysia pada akhir dagangan saham adalah RM2.09 sesaham iaitu penurunan/kerugian sebanyak RM2.46 berbanding harga asal/belian RM4.55. Pelaburan tersebut perlu dikaji kerana peruntukan untuk rosotnilai pelaburan tidak dibuat untuk menunjukkan nilai saham sebenar selaras dengan harga pasaran saham. **Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, pelaburan di FGV adalah atas arahan Kerajaan Negeri dan rosotnilai telah dibuat bagi tahun kewangan berakhir 2014.**

5.4.2.3. Jawatankuasa Pelaburan

Pelaburan Kerajaan dalam syarikat adalah bagi memenuhi jurang pasaran (*market gap*). Objektif pelaburan Kerajaan adalah bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi kerana kurangnya minat pihak swasta untuk melabur dalam aktiviti yang berisiko tinggi. Oleh itu, Garis Panduan Ahli Lembaga Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) tahun 2014 menetapkan penubuhan Jawatankuasa Pelaburan syarikat milik Kerajaan. Antara fungsinya adalah meneliti dan menimbaangkan cadangan pelaburan yang dikemukakan pihak pengurusan, memantau perancangan dan aktiviti pelaburan agar mengikut bajet yang ditetapkan dan memastikan penilaian risiko dibuat ke atas setiap cadangan pelaburan. Temu bual dan semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelaburan peringkat SKSB belum diwujudkan, semua pelaburan dan aktiviti SKSB diputuskan oleh pihak pengurusan/ahli Lembaga Pengarah SKSB. **Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, Jawatankuasa Pelaburan akan ditubuhkan untuk menjaga aset dan pelaburan SKSB.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah memuaskan kerana SKSB telah mencatat keuntungan antara RM0.33 juta hingga RM1.42 juta setahun untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 dan keuntungan terkumpul pada tahun 2013 adalah

RM468.55 juta. Bagaimanapun, terdapat ruang penambahbaikan untuk meningkatkan pengurusan SKSB seperti syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan hendaklah membayar dividen kepada SKSB, jawatankuasa pelaburan ditubuhkan peringkat SKSB bagi memantau pelaburan. Di samping itu, syarikat subsidiari yang dorman atau tidak beroperasi perlu dikaji kedudukannya untuk mengurangkan kos pengurusan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan mengukuhkan nama baik syarikat serta meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SKSB mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965.

a. Pelantikan

Perkara 87 Memorandum and Articles of Association of SKSB menetapkan keahlian Lembaga Pengarah SKSB hendaklah tidak kurang daripada 2 atau lebih daripada 9 ahli. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah SKSB adalah seramai 4 orang yang terdiri daripada ahli politik selaku Pengerusi, seorang mantan kakitangan awam Negeri, *Chief Executive Officer* of POIC dan Group Managing Director.

b. Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Dan Agensi-agensi Negeri Sabah diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 20 Januari 2010 menetapkan lembaga (ALP) hendaklah memantau prestasi entiti dan menentukan sama ada operasi diuruskan dengan betul termasuklah melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang memberikan imbangian terhadap prestasi entiti. Antara KPI yang perlu disediakan adalah petunjuk prestasi kewangan, petunjuk prestasi bukan kewangan dan menetapkan wajaran yang bersesuaian bagi setiap petunjuk berdasarkan perniagaan teras syarikat. Semakan Audit mendapati pihak SKSB telah menyediakan Pelan Strategik yang meliputi hala tuju SKSB bagi tempoh jangka panjang iaitu daripada tahun 2010 sehingga tahun 2015.

c. Kekerapan Mesyuarat

Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2012 dan masing-masing 3 kali pada tahun 2013 dan 2014. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan.

d. Mesyuarat Agung Tahunan

Seksyen 143 (1), Akta Syarikat 1965 menetapkan mesyuarat agung tiap-tiap syarikat yang dipanggil "Mesyuarat Agung Tahunan" hendaklah sebagai tambahan kepada lain-lain mesyuarat diadakan sekali dalam tiap-tiap tahun kalender dan tidak lebih daripada lima belas bulan selepas mengadakan mesyuarat agung tahunan yang lepas. Seksyen 143 (4), Akta Syarikat 1965 juga memperuntukkan kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan boleh dikenakan penalti RM15,000 dan penalti ingkar RM100. Semakan Audit mendapati SKSB telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada 29 Jun 2012 bagi menerima Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Seterusnya pada 14 Jun 2013 dan 26 Jun 2014 bagi menerima Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2013. Ini adalah selaras dengan Seksyen 143, Akta Syarikat 1965.

5.4.3.2. Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) perlu ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Pewujudan UAD adalah penting kerana ia berfungsi sebagai *added value* kepada pengurusan syarikat yang efektif dan efisen serta memaksimumkan keuntungan melalui tindakan pengurangan kos. Semakan Audit mendapati UAD mempunyai 9 kakitangan yang diketuai oleh seorang Pengurus Gred M6. Rancangan tahunan pgauditian telah disediakan yang meliputi *Fertilizer Stock & Application, Worker Checkroll, Fresh Fruit Bunch (FFB) Security, Follow Up FFB Security, Crude Palm Oil/Palm Kernel Audit, Accounting, Investigation* dan *Surprise Stock Check*. Semakan lanjut mendapati perkara yang dibangkitkan oleh UAD telah diambil tindakan.

5.4.3.3. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah Bahagian B2, yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 20 Januari 2010 dan dipanjangkan pemakaianya kepada semua syarikat milik Kerajaan Negeri menetapkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan. Ia bertujuan memastikan wujudnya *check*

and balance mechanism dalam entiti untuk mengekalkan kawalan dalaman yang baik dan efektif bagi melindungi pelaburan Kerajaan Negeri. Keahlian jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang dan tidak melebihi 5 orang. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dan mempunyai 3 orang ahli yang terdiri daripada seorang pengurus (ALP SKSB), Ketua UAD (Setiausaha) dan seorang ahli bebas (Ketua Pegawai Eksekutif POIC Sdn. Bhd). Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat satu kali setahun untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014 dan tidak mematuhi amalan terbaik kod tadbir urus korporat Kerajaan Negeri. **Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.**

5.4.3.4. Strategi dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki Syarikat Kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Pihak SKSB telah menyediakan Pelan Strategik yang meliputi hala tuju SKSB bagi tempoh jangka panjang iaitu daripada tahun 2010 sehingga 2015.

5.4.3.5. Setiausaha Syarikat

Seksyen 139 (1), Akta Syarikat 1965 menetapkan setiap syarikat hendaklah mempunyai seorang atau lebih setiausaha yang sudah cukup umur dan telah bermastautin di Malaysia. Selain itu, seksyen 139 (1B) menetapkan jawatan setiausaha sebuah syarikat hendaklah tidak dibiarkan kosong lebih satu bulan pada sesuatu masa. SKSB telah melantik seorang setiausaha syarikat sejak bulan 03 April 1997 hingga kini.

5.4.3.6. Pembayaran Dividen

Berdasarkan amalan terbaik dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan setiap tahun perlu dibayar oleh syarikat Kerajaan kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham. Semakan Audit mendapati SKSB telah mengisytiharkan dividen antara 12.2% hingga 23.3% berdasarkan jumlah saham biasa seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan Negeri
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2014

Perihal	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Diisytihar	50.32	51.47	97.00	belum isytihar
Dibayar (SKSB)	50.23	51.47	97.00	6.45
Peratus Dividen (%)	12.2	12.5	23.3	-

Sumber: Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

5.4.3.7. Sistem dan Prosedur (Polisi/Garis Panduan/Prosedur)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan. Pemeriksaan Audit terhadap sistem dan prosedur SKSB mendapati perkara berikut:

a. Accounting Policies And Procedures Manual

Peraturan kewangan dan perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada perkara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati SKSB menggunakan pakai Borneo Samudera Sdn. Bhd. *Financial Accounting Procedures* (2004). *Financial Accounting Procedures* tersebut mempunyai 17 bahagian yang tertumpu kepada aktiviti anak-anak syarikat seperti *plant hire*, *nursery*, *cattle rearing* dan juga merangkumi urusniaga harian seperti *receipt*, *payment*, *fixed assets* dan sebagainya. Bagaimanapun, aspek kawalan pengurusan pelaburan yang menjadi aktiviti utama SKSB tidak disediakan dan dimasukkan dalam *Financial Accounting Procedures* tersebut. Pihak Audit dimaklumkan prosedur kewangan tersebut sedang dikemas kini.

b. General Terms And Conditions Of Service

General terms and conditions of service (GTCS) digunakan bagi pengurusan pentadbiran dan kebajikan kakitangan. Perkara utama yang terkandung dalam prosedur ini ialah syarat perkhidmatan, kelakuan dan disiplin, gaji, bonus dan elaua, kemudahan perubatan dan kemudahan lain, cuti dan lain-lain (waktu bekerja, umur dan ganjaran persaraan, penamatkan kerja dan perkara am). Semakan Audit mendapati GTCS yang sedia ada adalah untuk kegunaan Borneo Samudera Sdn. Bhd. dan syarikat subsidiari SKSB yang lain. Manakala, GTCS utama yang sepatutnya diwujudkan di peringkat kumpulan SKSB tiada disediakan. Pihak Audit mengesyorkan agar GTCS disediakan di peringkat kumpulan SKSB yang berperanan sebagai syarikat kumpulan utama dan kemudiannya diguna pakai oleh syarikat-syarikat subsidiari yang lain.

c. Berdasarkan maklum balas SKSB bertarikh 2 Julai 2015, pihak SKSB telah menyemak cattle accounting procedures versi kedua dan SOP untuk Cattle Management in Oil Palm Estate berkuat kuasa pada 21 Julai 2014.

5.4.3.8. Ikrar Integriti Korporat

Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) ialah akujanji dan komitmen sesebuah syarikat dan pegawainya untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati SKSB telah menandatangani Ikrar tersebut pada 27 Jun 2013.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali *Accounting Policies And Procedures Manual* dan *General Terms And Conditions Of Service* yang perlu dikemas kini untuk penambahbaikan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan SKSB mengambil tindakan berikut:

5.5.1. Memantau dan mengkaji sama ada syarikat subsidiari yang mengalami defisit modal boleh dipulihkan dan mendapat suntikan modal atau sebaliknya serta mengambil tindakan positif terhadap syarikat subsidiari dan bersekutu yang dorman untuk mengurangkan beban SKSB.

5.5.2. Memastikan syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan membayar dividen kepada SKSB untuk meningkatkan pendapatan SKSB serta menukuuhkan jawatankuasa pelaburan peringkat SKSB untuk memantau dan mengkaji pelaburan SKSB dalam anak syarikat dan lain-lain pelaburan.

5.5.3. Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan dan mengemas kini SOP.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

6. WARISAN HARTA SABAH SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Warisan Harta Sabah Sdn.Bhd. (WHSSB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan pada 6 April 1995 di bawah Akta Syarikat Malaysia 1965. Ia bermula sebagai sebuah syarikat awam berhad dan kemudiannya pada 15 September 1995 telah ditukar menjadi sebuah syarikat sendirian berhad. WHSSB mempunyai modal saham biasa dibenarkan berjumlah RM1 bilion dan modal saham diterbitkan dan berbayar berjumlah RM447.72 juta. WHSSB mempunyai 9 syarikat subsidiari, 5 syarikat bersekutu, 2 syarikat usaha sama dan melabur dalam 12 syarikat lain.

6.1.2. Aktiviti utama WHSSB adalah tertumpu pada bidang pelaburan dan pembangunan harta tanah. Manakala objektif utama WHSSB pula adalah bertindak sebagai pemangkin untuk memacu pertumbuhan ekonomi Sabah dalam sektor industri strategik di negeri ini dan memastikan pulangan yang berterusan pada masa akan datang. Sebagai cabang pelaburan negeri, WHSSB mematuhi dan menyokong program Koridor Pembangunan Sabah yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menjana pertumbuhan seimbang serta menyokong hala tuju pembangunan dan kemajuan Negeri Sabah.

6.1.3. Ahli Lembaga Pengarah WHSSB adalah seramai 6 orang terdiri daripada 3 orang wakil kerajaan dan 3 orang ahli bebas dan dipengerusikan oleh YB. Datuk Hj. Syed Abas Bin Syed Ali. Pengurusan WHSSB pula terdiri daripada seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 17 kakitangan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan WHSSB adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan dengan pengurusan pelaburan dan projek pembangunan harta tanah. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai WHSSB di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap tanah milik

WHSSB yang belum dibangunkan dan aset syarikat. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif WHSSB telah diadakan pada 22 Jun 2015 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Syarikat dan wakil Kementerian Kewangan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga April 2015, mendapati pada umumnya prestasi kewangan WHSSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan 2012 dan 2013 walaupun mengalami kerugian pada tahun 2011. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Sebanyak 8 syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM21.28 juta pada 31 Disember 2013 di mana 6 daripadanya tidak aktif.
- Pendahuluan kepada 1 syarikat bersekutu sejumlah RM5.67 juta termasuk faedah masih belum dapat dikutip meskipun tempoh pembayaran telah tamat 120 hari dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- Projek Pembinaan Wisma Warisan tergendala sejak ‘Work Stop Order’ pada tahun 1998.
- Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Rancangan Korporat secara menyeluruh tidak disediakan.

6.4.1. Prestasi Kewangan WHSSB

Bagi menilai prestasi kewangan WHSSB, analisis terhadap *trend* dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

6.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis trend bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat setiap tahun daripada RM26.97 juta pada tahun 2011 kepada RM30.15 juta dan RM56.37 juta pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing. Peningkatan jumlah pendapatan yang ketara pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh keuntungan daripada pelupusan pelaburan lain berjumlah RM25.89 juta. Manakala perbelanjaan menurun daripada RM44.16 juta pada tahun 2011 kepada RM27.71 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat kepada RM32.21 juta pada tahun 2013. Perbelanjaan utama bagi WHSSB ialah perbelanjaan pengurusan di mana ia meliputi 99 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Walaupun

begitu, keuntungan terkumpul telah menurun setiap tahun. Ini disebabkan oleh pembayaran dividen telah dibuat kepada Kerajaan Negeri Sabah berjumlah RM15 juta dan RM55.57 juta pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing.


- b. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian WHSSB adalah seperti di **Jadual 6.1, Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.

Jadual 6.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
WHSSB Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	26.97	30.15	56.37
Jumlah Perbelanjaan	44.16	27.71	32.21
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	-17.19	2.44	24.16
Cukai Pendapatan	-0.87	-1.60	0.51
Keuntungan/Kerugian Bersih	-18.06	0.84	24.67
Keuntungan Terkumpul	134.05	123.63	95.38


Sumber: Penyata Kewangan Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Carta 6.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai
Dan Keuntungan Terkumpul Bagi
Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan
Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Carta 6.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan
Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan WHSSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan WHSSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Analisis Nisbah Kewangan WHSSB
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	24.15:1	28.31:1	36.60:1
Margin Untung Bersih	-63.7%	8.0%	42.8%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.03:1	0.004:1	0.04:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	-0.03:1	0.004:1	0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa mencatatkan peningkatan setiap tahun di mana Nisbah Semasa adalah pada 24.15:1, 28.31:1 dan 36.60:1 bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Ini menunjukkan WHSSB berada dalam kedudukan kewangan yang teguh.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dijana daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat yang memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, syarikat telah menanggung RM0.63 kerugian bersih sebelum cukai pada tahun 2011. Bagaimanapun, margin keuntungan telah meningkat pada tahun 2012 dan 2013 di mana syarikat telah menjana untung bersih sebelum cukai pada RM0.08 dan RM0.43 masing-masing.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2011, Nisbah Pulangan Atas Aset syarikat menunjukkan kerugian pada RM0.03, manakala bagi tahun 2012 dan 2013 Nisbah Pulangan Atas Aset menunjukkan syarikat menjana keuntungan pada kadar RM0.004 dan RM0.04 masing-masing bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2011 adalah pada -0.03:1. Bagaimanapun, nisbah ini meningkat pada 2013 kepada 0.004:1 dan 0.04:1 pada tahun 2013. Ini menunjukkan, bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat menanggung kerugian pada kadar RM0.03 pada tahun 2011. Bagaimanapun, syarikat telah menjana RM0.004 dan RM0.04 keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2012 dan 2013 masing-masing.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan WHSSB adalah baik.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti WHSSB

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama WHSSB adalah pegangan pelaburan dan pembangunan harta tanah. Setakat 31 Disember 2014, WHSSB telah melabur sejumlah RM8.35 juta dalam 9 syarikat subsidiari, sejumlah RM263.60 juta dalam 5 syarikat bersekutu dan sejumlah RM38.50 juta dalam 2 syarikat usaha sama (*'jointly controlled entities'*).

6.4.2.1. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu Dan Usaha Sama Serta Pelaburan Lain

a. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari, Bersekutu Dan Usaha Sama

Sehingga bulan Disember 2013, daripada 8 syarikat subsidiari yang dilaburkan oleh WHSSB, sebanyak 2 syarikat yang tidak aktif telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Syarikat Nova Beta (M) Energy Sdn. Bhd. yang baru diambil alih mulai 11 Disember 2013 juga mengalami kerugian pada tahun tersebut. Bagi pelaburan sejumlah RM263.60 juta dalam 5 syarikat bersekutu dengan pegangan ekuiti antara 20% hingga 47% pula, didapati 2 daripadanya tidak aktif dan hanya Suria Capital Holdings Berhad telah mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut manakala 4 Syarikat lain mengalami kerugian bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, WHSSB turut melabur sejumlah RM38.5 juta dalam 2 syarikat usaha sama dengan pegangan ekuiti 50% dan satu daripadanya iaitu syarikat Mercury Crest Sdn. Bhd tidak beroperasi. Manakala Syarikat Borneo Housing Mortgage Finance Berhad aktif dan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut. Secara keseluruhannya, semakan Audit terhadap prestasi kewangan 15 syarikat berkenaan (tidak termasuk yang belum beroperasi) mendapati 6 syarikat mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM298.78 juta manakala 9 syarikat lagi mencatatkan kerugian terkumpul

sejumlah RM21.28 juta. Butiran prestasi kewangan syarikat subsidiari, bersekutu dan usahasama bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari, Bersekutu Dan Usahasama WHSSB
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Bil.	Nama Syarikat	Status	Untung/Rugi Semasa			Untung Terkumpul Pada 31.12.2013 (RM)	Kerugian Terkumpul Pada 31.12.2013 (RM)
			2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)		
Syarikat Subsidiari:							
1.	WHSB Trading Sdn. Bhd.	Aktif	1,723,366	1,202,492	1,052,716	4,284,671	-
2.	WHSB Property Development Sdn. Bhd.	Aktif	771,013	738,584	27,707	785,664	-
3.	WHSB Nominee (Tempatan) Sdn.Bhd.	Tidak aktif sejak 01.07.2003	-1,718	-1,391	-1,349	-	-1,439,127
4.	WHSB Plantation Sdn. Bhd.*	Tidak aktif sejak ditubuhkan	-1,857	-1,433	-1,917	-	-19,704
5.	Angkatan Hebat Sdn. Bhd.	Aktif	3,355,228	3,833,313	3,318,825	16,906,182	-
6.	Nova Beta (M) Energy Sdn. Bhd.	Diambil alih mulai 11.12.2013	-1,400	-27,350	-166,795	-	-5,345
7.	Common Tower Technologies Sdn. Bhd.	Aktif	11,490,681	13,460,344	15,209,007	57,615,079	-
8.	WHSB Energy Ventures Sdn. Bhd.	Belum Beroperasi					
Syarikat Bersekutu							
9.	Suria Capital Holdings Berhad	Aktif	53,615,000	42,426,000	25,180,000	75,186,000	-
10.	Tawau Millennium Centre Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	-3,528	-5,015	-9,202	-	-97,253
11.	Eastern Sabah Power Consortium Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	-1,965,827**		-3,237,203	-	-5,203,030
12.	Ecoglove Asia Pacific Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	-11,560,035	Tidak Disediakan		-	-13,750,383
13.	Jesselton Wellness Sdn. Bhd.	Aktif	-129,071***		-630,606	-	-759,677
Syarikat Usaha Sama							
14.	Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	Aktif	17,270,415	23,444,346	27,038,855	143,999,689	-
15.	Mercury Crest Sdn. Bhd.#	Tidak Aktif	-1,175	-1,251	-1,225	-	-7,317
Jumlah						298,777,285	-21,281,836

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Nota: * Nama Syarikat telah ditukar kepada WHS Sterilization Service Sdn. Bhd mulai 03.03.2015

** Bagi Tempoh 17.10.2011 – 31.08.2012

*** Bagi Tempoh 24.01.2011 – 30.06.2012

Penyata Draf sahaja

b. Pelaburan Lain

WHSSB juga telah melabur dalam unit amanah dan pasaran saham lain di mana kos pelaburan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah masing-masing berjumlah RM274.63 juta, RM264.63 juta dan RM226.56 juta. Jumlah ini termasuk RM1.80 juta yang dilabur dalam *Islamic Structured Investment* pada tempoh berkenaan.

c. Kedudukan Dana Pemegang Saham Syarikat Subsidiari

Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan Dana Pemegang Saham secara berterusan. Semakan Audit mendapati hanya 1 sahaja syarikat subsidiari (*dormant*) yang mengalami defisit dalam Dana Pemegang Saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2011 hingga 2013 manakala selebihnya adalah baik. Jumlah defisit dalam Dana Pemegang Saham bagi syarikat subsidiari tersebut untuk tahun 2013 adalah RM19,702.

d. Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Subsidiari, Bersekutu, Usaha Sama Dan Pelaburan Lain

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001, Perenggan 7.1.1 menyatakan Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah memastikan supaya semua lapisan syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan membayar dividen kepada syarikat induk masing-masing agar syarikat induk itu pula dapat membayar dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya. Manakala perenggan 10.1 pula menyatakan bahawa sekiranya syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan tidak membayar dividen untuk 3 tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri bagi membolehkan pertimbangan dibuat sama ada untuk melupuskan kepentingan Kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut atau tidak. Sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM60.72 juta pendapatan dividen direkodkan. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Pendapatan Dividen Bagi Tempoh Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran Syarikat	Bil. Syarikat Yang Membayar Pada Tahun			Pendapatan Dividen Bagi Tahun Kewangan			Jumlah Dividen (RM)
	2011	2012	2013	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
Subsidiari	2	2	4	1,600,000	2,006,267	3,658,087	7,264,354
Bersekutu	1	1	1	7,849,650	7,849,650	8,045,891	23,745,191
Usahasama	1	1	1	8,060,000	7,000,000	10,000,000	25,060,000
Pelaburan Lain	12	14	13	1,041,411	1,596,099	2,015,631	4,653,141
Jumlah	16	18	19	18,551,061	18,452,016	23,719,609	60,722,686

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

e. Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usaha Sama

Mengikut rekod WHSSB, baki pendahuluan yang terhutang oleh 6 syarikat subsidiari pada akhir tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah masing-masing berjumlah RM15,294, RM86,640 dan RM18,475. Manakala baki pendahuluan yang terhutang oleh 4 syarikat bersekutu bagi tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah RM14.70 juta, RM15.25 juta dan RM27.49 juta. Selain itu, baki pendahuluan yang terhutang oleh satu syarikat usaha sama adalah masing-masing berjumlah RM19.71 juta, RM17.82 juta dan RM19.31 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Semakan Audit mendapati bayaran balik adalah teratur kecuali satu syarikat usaha sama mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.39 juta pada tahun 2013. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
**Baki Pendahuluan Yang Terhutang Oleh Syarikat Subsidiari,
 Bersekutu Dan Usahasama Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Bil.	Nama Syarikat	Tahun Kewangan		
		2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Syarikat Subsidiari				
1.	WHSB Trading Sdn. Bhd.	-	3,500	163
2.	WHSB Property Development Sdn. Bhd.	-	-	199
3.	WHSB Nominee (Tempatan) Sdn.Bhd.	-	1,286	-
4.	WHSB Plantation Sdn. Bhd.	15,294	16,727	18,113
5.	Angkatan Hebat Sdn. Bhd.	-	28,422	-
6.	Common Tower Technologies Sdn. Bhd.	-	36,705	-
Jumlah		15,294	86,640	18,475
Syarikat Bersekutu				
1.	Suria Capital Holdings Berhad	-	48,873	4,000
2.	Tawau Millennium Centre Sdn. Bhd.	168	2,608	150
3.	Ecoglove Asia Pacific Sdn. Bhd.*	4,999,946	5,199,518	5,394,516
4.	Jesselton Wellness Sdn. Bhd.	9,700,000	10,000,000	22,090,000
Jumlah		14,700,114	15,250,999	27,488,666
Syarikat Usahasama				
1.	Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	19,709,156	17,820,577	19,310,000

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Nota: * Pendahuluan kepada Ecoglove Asia Pacific setakat bulan Mei 2015 berjumlah RM5,670,183.90

i. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Ecoglove Asia Pacific Sdn. Bhd.

- Merujuk kepada Surat Kementerian Pembangunan Perindustrian bertarikh 11 Ogos 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri Negeri Sabah pada 28 Julai 2010 telah bersetuju ke atas cadangan Loji Memproses Semula Sarung Tangan Unik di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang akan diusahakan oleh Ecoglove Asia Pacific Sdn. Bhd. (EAP). Jemaah

Menteri juga bersetuju supaya EAP berunding terus dengan mana-mana syarikat berkaitan Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek ini secara usahasama. Surat daripada Kementerian yang sama bertarikh 18 November 2010 pula mengharapkan pihak WHSSB memberi pertimbangan yang wajar untuk melabur dalam projek yang dicadangkan oleh EAP.

- WHSSB telah melabur dalam EAP sejumlah RM30 juta dengan pegangan saham 1,800,000 @ RM16.67 (30%) pada 27 Januari 2011 sebagaimana kelulusan Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 20 Januari 2011. EAP akan memasarkan sistem EcoGlove iaitu sejenis produk yang berpaten dan mempunyai hak milik unik untuk pengguna sarung tangan pemeriksaan perubatan konvensional sekali-guna yang baik dan selamat dengan harga rendah dan juga menghapuskan sisa. EAP menawarkan kepada pasaran kombinasi produk ‘Tr@ce gloves’ yang direka khas oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia yang akan diguna semula sebagai keluaran baru (*Glove Unique Reprocessing Unit* atau GURU) dan EcoData sejenis sistem perisian hak milik menggunakan paten perisian IP yang boleh mengesan dan mentadbir segala-galanya dalam masa sebenar.
- Surat Jaminan (*Letter Of Guarantee*) dan Perjanjian Pemegang Saham (*Shareholder's Agreement*) bertarikh 20 Januari 2011 menjamin pulangan sejumlah RM15 juta melalui pembayaran dividen kepada WHSSB dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perjanjian. Sekiranya WHSSB tidak menerima jumlah penuh pada akhir tempoh tersebut (2016), maka WHSSB berhak untuk membuat penilaian semula harga saham oleh firma akauntan yang akan dilantik. WHSSB juga mempunyai ‘*Put Option*’ dimana pihak EAP akan membeli saham WHSSB atau menyediakan pembeli luar sekiranya nilai saham kurang 1.5 kali ganda pada akhir tempoh jaminan (2016).
- Semakan lanjut mendapati EAP tidak menyediakan penyata kewangan yang beraudit bagi tahun 2012 dan 2013. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2011 yang telah diaudit, kedudukan kewangan EAP adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Kedudukan Kewangan EAP Bagi Tahun Kewangan 2011

Butiran	2011 (RM)
Hasil	1,050,000
Kos Operasi	-2,717,665
Kerugian Dari Operasi	-1,667,665
Pendapatan Lain	18,344
Perbelanjaan Pentadbiran	-9,797,662
Kos Kewangan	-4,040
Kerugian Sebelum Cukai	-11,451,023
Cukai	-
Kerugian Selepas Cukai	-11,451,023
Kerugian Terkumpul	-11,451,023

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Bersekutu EAP

- Selain itu, Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 20 Disember 2011 telah meluluskan pinjaman sejumlah RM5 juta dengan faedah 3.9% setahun kepada EAP untuk membiayai perbelanjaan kontraktor, pekerja dan pemutang syarikat tersebut.
- Pengerusi Eksekutif EAP telah menandatangani Surat Jaminan (*Letter Of Guarantee*) dan juga Perjanjian Pinjaman Pemegang Saham (*Shareholder's Loan Agreement*) pada 30 Disember 2011. Berdasarkan Perjanjian Pinjaman tersebut, tempoh matang pinjaman dan perlu dilunaskan secara tunai sekaligus adalah 120 hari daripada tarikh perjanjian berkenaan.
- Semakan lanjut Audit mendapati, pihak WHSSB telah mengemukakan surat tuntutan pembayaran pinjaman setiap bulan kepada EAP tapi belum menerima sebarang pembayaran setakat tarikh pengauditan. Berdasarkan petikan mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 83 yang diadakan pada 23 Januari 2015, pihak pengurusan disarankan untuk mengambil tindakan terhadap jaminan peribadi Pengerusi Eksekutif EAP kerana belum membayar balik pinjaman tersebut. Ketua Pegawai Kewangan juga memaklumkan bahawa Juruaudit Swasta yang dilantik akan membuat peruntukan rosot nilai pelaburan dalam EAP sejumlah RM10 juta bagi tempoh kewangan tahun 2014, 2015 dan 2016.

- ii. **Berdasarkan maklum balas pihak WHSSB bertarikh 28 Ogos 2015, WHSSB akan mengambil tindakan undang-undang seperti mana yang termaktub dalam perjanjian pinjaman/usahasama pada suku ke-4 tahun 2016.**

f. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu Yang Tidak Memberi Pulangan

- Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu melupuskan atau menswastakan kepentingan Kerajaan di dalam syarikat yang menghadapi masalah kewangan yang tenat dan mengalami kerugian besar yang berterusan, kecuali syarikat yang sedang atau akan disusun semula. Langkah yang sama perlu juga diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak beroperasi, khususnya yang *dormant* dan yang telah memberhentikan operasinya. Usaha penswastaan ini perlu dilakukan dengan cepat, iaitu semasa syarikat berkenaan masih boleh dipulihkan oleh syarikat swasta. Semakan Audit mendapati WHSSB mempunyai 2 syarikat subsidiari dan 1 syarikat bersekutu yang *dormant/tidak aktif/berhenti operasi* tetapi Syarikat terus menanggung perbelanjaan pentadbiran.

g. Berdasarkan maklum balas pihak WHSSB bertarikh 28 Ogos 2015, syarikat yang dorman atau tidak aktif masih diperlukan untuk perancangan perniagaan masa hadapan.

6.4.2.2. Pembangunan Hartanah

WHSSB mempunyai 5 projek pembangunan harta tanah yang dilaksanakan secara usaha sama dalam tempoh tahun 2011 hingga 2015. Daripada 5 projek tersebut, hanya satu yang telah selesai dan mula beroperasi pada tahun 2015. Manakala 4 projek yang lain belum dimulakan lagi. Daripada 4 projek tersebut, 3 tidak dapat dimulakan kerana masih menunggu kelulusan pelan pembangunan dan *rezoning* daripada pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Manakala satu lagi tidak dapat dimulakan disebabkan oleh masalah berkaitan dengan status tanah yang belum dipindah milik kepada syarikat usaha sama dan juga kelulusan cadangan pembangunan daripada pihak Ahli Lembaga Pelawat Hospital belum diperolehi. Senarai projek pembangunan dan status adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Projek Pembangunan Hartanah WHSSB

Bil.	Projek	Lokasi	Status
1.	Pusat Perubatan Swasta (Tawau Medical Centre)	Jalan Utara, Tawau	Belum dimulakan
2.	<i>Mixed Residential and Condominium</i>	Inanam Town, Kota Kinabalu (Jln. Tg. Lipat)	Menunggu kelulusan DBKK untuk <i>rezoning</i>
3.	<i>7-storey comprising 96 lots office/showroom</i>	Jln. Damai, Kota Kinabalu	Menunggu kelulusan Pelan Pembangunan.
4.	Hospital Gleneagles	Kota Kinabalu	Siap dan mula beroperasi pada Mei 2015
5.	Wisma Warisan	Kota Kinabalu	Menunggu kelulusan Pelan Pembangunan.

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

a. Projek Pembinaan Wisma Warisan

- Pada 13 Januari 1997, WHSSB telah menandatangani *Memorandum of Agreement* untuk melantik Highceed Corporation Sdn. Bhd. (HCSB) untuk membina Bangunan Kompleks Komersial (*Turnkey Basis*) yang mengandungi 3 blok bangunan pejabat termasuk ibu pejabat WHSSB dan tempat letak kereta di atas tanah milik WHSSB seluas 3.84 ekar bersebelahan dengan Wisma Tun Fuad, Kota Kinabalu. Namun demikian, WHSSB telah menamatkan perjanjian tersebut dan ekoran daripada itu, pihak HCSB telah Berjaya memperolehi Summary Judgement dari pihak mahkamah.
- Berdasarkan kepada terma penyelesaian luar mahkamah, WHSSB bersetuju membayar ganti rugi sebanyak RM 4.0 juta sahaja dan *Joint Venture Agreement* (JVA) telah ditandatangani pada 20 Disember 2004 antara WHSSB dan HCSB, pulangan yang diterima oleh WHSSB adalah berdasarkan purata penilaian yang akan dijalankan oleh Smiths Gore Sdn. Bhd., CH William Talhar (Sabah) Sdn. Bhd. serta Henry Butcher Malaysia (Sabah) Sdn. Bhd. atas tanah berkenaan termasuk tambahan 20% nilai setara bagi unit bangunan komersial yang disiapkan.
- Ringkasan kronologi dan perbelanjaan untuk Projek Wisma Warisan adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Kronologi dan Perbelanjaan Untuk Projek Wisma Warisan

Tarikh	Butiran
13.01.1997	<i>Memorandum of Agreement</i> – melantik Highceed Corporation Sdn. Bhd (HCSB) untuk membina Bangunan Kompleks Komersial (<i>Turnkey Basis</i>) yang mengandungi 3 blok bangunan pejabat termasuk Ibu Pejabat WHSSB dan tempat letak kereta di atas tanah milik WHSSB. (TL017533881 seluas 3.84 ekar)
12.08.1997	<i>Letter of Award</i> - Nilai kontrak sejumlah RM175 juta dan tempoh siap 24 bulan dari tarikh milik tapak.
13.08.1997	<i>Marketing Agreement</i> – HCSB ditawarkan ‘sole and exclusive marketing of WHSSB Building’
17.01.1998	<i>Building Contract</i> ditandatangani.
16.07.1998	‘Stop Work Order’ telah dikeluarkan atas Pengerusi WHSSB berikutan kemelesetan ekonomi.
1998	Saman Suit No.K22-283 Of 1998 berjumlah RM56,505,834.14 difaiklan oleh HCSB di bawah <i>Building Contract</i> terhadap WHSSB.
12.04.2001	Saman Suit No.K22-99 Of 2001 berjumlah RM10,732,222.24 difaiklan oleh HCSB di bawah <i>Marketing Agreement</i> terhadap WHSSB.
05.05.2004	WHSSB bersetuju membayar RM4 juta kepada HCSB sebagai penyelesaian luar mahkamah dan menubuhkan <i>Joint Venture Agreement</i> (JVA) untuk membangunkan tanah berkenaan.
20.12.2004	JVA antara WHSSB dan SBJ Corporation Sdn. Bhd (SCSB) yang dilantik oleh HCSB untuk melaksanakan projek berkenaan.

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

- Semakan Audit mendapati perbelanjaan yang telah dilakukan untuk projek tersebut adalah RM21.28 juta. Manakala berdasarkan kepada purata penilaian nilai pasaran yang telah dijalankan, WHSSB hanya akan menerima pulangan

sejumlah RM17.76 juta sekiranya projek tersebut siap dilaksanakan. Ini bermakna WHSSB akan kerugian sebanyak RM3.52 juta daripada pembinaan projek berkenaan. Pihak lembaga pengarah WHSSB telah memutuskan agar terma pulangan dikaji semula dengan HCSB, untuk memastikan WHSSB tidak mencatat kerugian. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan, Pelan Pembangunan bagi projek tersebut masih belum mendapat kelulusan daripada pihak DBKK.

- Lawatan fizikal telah dijalankan pada 30 April 2015 terhadap tanah yang menjadi tapak lokasi projek seperti **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

Gambar 6.1
Tapak Tanah Wisma Warisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bersebelahan Wisma Tun Fuad,
Kota Kinabalu
Tarikh: 30 April 2015

Gambar 6.2
Tapak Tanah Wisma Warisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bersebelahan Wisma Tun Fuad,
Kota Kinabalu
Tarikh: 30 April 2015

- b. **Berdasarkan maklum balas pihak WHSSB bertarikh 28 Ogos 2015, pihak pengurusan telah mengadakan perbincangan dengan SCSB untuk mengkaji semula syarat-syarat dan pulangan kepada WHSSB daripada projek tersebut.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti WHSSB adalah memuaskan. Pihak syarikat perlu memantau prestasi syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama agar memberi pulangan yang sewajarnya dan memastikan pinjaman didapatkan balik mengikut tempoh.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat WHSSB mendapati perkara berikut:

6.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan WHSSB beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 4 kali bagi tahun 2012, 8 kali bagi tahun 2013 serta 4 kali bagi tahun 2014. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah antara 38% hingga 100%. Selain daripada itu, mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Syarikat.

6.4.3.2. Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan PS3.1/2013, penubuhan Unit Audit Dalam (UAD) adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat UAD adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati WHSSB tidak menuju UAD dan belum pernah diaudit secara dalaman oleh mana-mana pihak.

6.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksa

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan PS3.2/2013, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi UAD. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengurusnya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pematuhan telah ditubuhkan. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali sahaja dalam tempoh 2012 hingga 2014 iaitu pada 29 Jun 2012 untuk membincangkan draf penyata kewangan yang telah diaudit, status pelaburan dalam subsidiari dan pelaburan lain.

6.4.3.4. Jawatankuasa Pelaburan (*Board Investment Committee*)

Jawatankuasa Pelaburan telah ditubuhkan oleh WHSSB pada 2 Februari 2012 untuk merangka, melaksana dan memantau polisi pelaburan syarikat. Jawatankuasa Pelaburan juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa garis panduan, polisi dan peraturan berhubung dengan pelaburan telah dipatuhi. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat setiap suku tahun seperti mana yang telah ditetapkan dalam manual *Investment Policy &*

Guidelines. Semakan Audit mendapati sejak penubuhannya, Jawatankuasa Pelaburan hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali sahaja iaitu pada 31 Oktober 2013 dan 24 Mac 2014.

6.4.3.5. Jawatankuasa Ganjaran (*Board Remuneration Committee*)

Remuneration Committee telah ditubuhkan pada 8 Mac 2012. Jawatankuasa Ganjaran ini membincangkan isu-isu berkenaan dengan kakitangan seperti pengambilan kakitangan, kenaikan gaji, pembayaran bonus dan lain-lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali selepas penubuhannya iaitu pada 12 April 2012, 30 Julai 2013 dan 19 Ogos 2014. Semakan Audit selanjutnya mendapati WHSSB tidak mematuhi syarat penubuhan jawatankuasa yang menghendaki mesyuarat dijalankan 3 kali setahun.

6.4.3.6. Sistem Dan Prosedur

- a. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati WHSSB telah menetapkan polisi dan menggariskan panduan untuk dipatuhi seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Polisi Dan Garis Panduan WHSSB

Bil.	Polisi/Garis Panduan	Tarikh Kuatkuasa/ Kemas Kini
1.	<i>Employment Policy Manual</i>	15.02.1996
2.	<i>Investment Policy & Guideline</i>	11.11.2013
3.	<i>Financial Authority Limit & Board Charter for WHSSB Group</i>	31.10.2011

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

- b. Semakan selanjutnya mendapati *Employment Policy Manual* (EPM) yang menjadi garis panduan dalam segala pengurusan dan pentadbiran WHSSB tidak dikemas kini sejak diluluskan pada 15 Februari 1996 selaras dengan pindaan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

6.4.3.7. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah, dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam

urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati WHSSB belum menandatangani Ikrar Integriti Korporat.

6.4.3.8. Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati WHSSB ada membuat Pelan Strategik bagi tempoh 2004 hingga 2009. Selepas tempoh berkenaan, pihak WHSSB hanya menyediakan Pelan Strategik bagi Projek Hidro sahaja dan bukannya secara keseluruhan.

6.4.3.9. Pembayaran Dividen

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001, mengenai dasar dan garis panduan bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan di mana syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan bagi sesuatu tahun kewangan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan tersebut kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati dividen telah diisyiharkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2014 berjumlah RM15,000,000; RM55,568,251 dan RM10,000,000 masing-masing. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 5 September 2013 mendapati dividen bagi tahun kewangan 2013 telah dilaburkan semula oleh pihak Kerajaan Negeri sebagai pelaburan tambahan melalui Skim Pelaburan Semula Dividen (khas) pada tahun 2013 dalam WHSSB setelah mendapat kelulusan pemegang sahamnya melalui persetujuan Dewan Undan Negeri pada 19 Ogos 2013.

6.4.3.10. Pemantauan Syarikat Subsidiari

a. Angkatan Hebat Sdn. Bhd.

- i. Angkatan Hebat Sdn. Bhd. (AHSB) merupakan syarikat subsidiari WHSSB yang ditubuhkan pada 16 Mei 1994 dengan saham berbayar berjumlah RM9 juta. Setakat 31 Disember 2014, pegangan saham WHSSB dalam AHSB adalah sebanyak 70 peratus manakala 30 peratus lagi dimiliki oleh Intersuccess Sdn. Bhd (ISB). AHSB ditubuhkan khusus untuk penyewaan kenderaan kepada Kerajaan.
- ii. Susulan dari cadangan untuk membeli semula 30 peratus pegangan saham daripada ISB yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah WHSSB Bil. 73 yang diadakan pada 18 Februari 2013, satu pengauditan *Due*

Diligence telah dijalankan pada tahun 2013 oleh CAS & Associates (Chartered Accountant). Antara kelemahan yang dibangkitkan ialah kelemahan dalam pengurusan pembelian dan pengurusan hartanah dan aset kenderaan, tunggakan hasil tinggi dan tidak diambil tindakan serta pengumpulan stok kenderaan dan alat ganti yang tinggi kerana kajian pasaran tidak dibuat.

- iii. WHSSB telah melantik En. Mohd. Nor bin Tahir sebagai Pengarah yang bertindak sebagai wakil kepada WHSSB dalam Lembaga Pengarah 4 anak syarikat AHSB berkuatkuasa 1 Ogos 2012. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 76 pada 14 Oktober 2013 telah meluluskan cadangan untuk membuat tawaran pembelian 30 peratus saham daripada ISB (berjumlah 2.7 juta unit) pada kadar di antara RM1.00 hingga RM1.53 seunit. Selepas tawaran balas daripada ISB, tawaran rasmi dibuat bagi saham tersebut melalui kaedah berikut:
 - Membeli tiga bidang tanah NT daripada AHSB Motor Sdn. Bhd. untuk diberikan kepada ISB, dan
 - Bayaran tunai kepada ISB berjumlah RM3 juta.
 - iv. Pada 31 Disember 2013, wakil dari WHSSB iaitu Tuan Haji Syed Hussin bin Habib Omar telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 2 Januari 2014. Sehingga tarikh pengauditan, tawaran untuk membeli 30 peratus saham AHSB daripada ISB masih belum dimuktamadkan, kerana perlu dirujuk untuk kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu mengikut terma yang terkandung didalam Perjanjian Konsesi dan Pekeliling tahun 2002.
- b. **Berdasarkan maklum balas pihak WHSSB bertarikh 28 Ogos 2015, proses penstruktur semula AHSB akan diteruskan walaupun cadangan pembelian 30 peratus saham daripada ISB bagi mengawal operasi/pengurusan syarikat sebanyak 100 peratus telah ditolak oleh Kementerian Kewangan.**

6.4.3.11. Pelaporan Kepada Kerajaan Negeri Sabah Dan Lembaga Pengarah Syarikat

a. Pelaporan Kepada Kerajaan Negeri Sabah

Article 124 Memorandum & Articles Of Association menyatakan Syarikat perlu menghantar laporan suku tahun kepada Kerajaan Negeri Sabah mengenai aktiviti dan prestasi Syarikat atau pada bila-bila masa apabila diminta oleh Kerajaan Negeri Sabah. Adalah didapati pihak Syarikat mengemukakan *Monthly Investment Portfolio Report & Monthly Compliance Report* berkaitan prestasi pelaburan Syarikat kepada Kementerian Kewangan secara bulanan sejak bulan Januari 2014. Manakala perkembangan operasi projek yang dilaksanakan dilaporkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang turut diwakili oleh SUT Kewangan Kerajaan Negeri.

b. Pelaporan Kepada Lembaga Pengarah Syarikat

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.1(ii), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, setiap syarikat milik Kerajaan dikehendaki membuat laporan prestasi kewangan dan analisis yang mendalam mengenainya untuk dibentangkan sekurang-kurangnya 4 kali setahun kepada Lembaga Pengarah Induk. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2011 hingga 2014 mendapati antara agenda mesyuarat dan laporan yang dibentangkan adalah mengenai prestasi kewangan syarikat, aktiviti pelaburan, usahasama dan projek yang dijalankan oleh Syarikat, bayaran bonus serta skim kenaikan gaji kakitangan. Selain itu, mesyuarat Lembaga Pengarah telah dijalankan sebanyak 20 kali iaitu sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat WHSSB adalah memuaskan kecuali Rancangan Korporat perlu disediakan dan Unit Audit Dalam ditubuhkan. Selain itu, pemantauan terhadap subsidiari perlu dipertingkatkan bagi menjaga kepentingan syarikat.

6.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd. (WHSSB) adalah memuaskan. WHSSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

6.5.1. Mengkaji sama ada tindakan pelupusan atau penyusunan semula syarikat yang tidak aktif, dorman dan yang telah menghentikan operasi perlu diambil bagi menjaga kepentingan pihak Kerajaan.

6.5.2. Mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang tidak membayar balik pinjaman berdasarkan surat perjanjian.

6.5.3. Memastikan pelaksanaan projek pembangunan siap dalam tempoh yang ditetapkan supaya memberi pulangan sewajarnya kepada syarikat.

6.5.4. Memastikan tadbir urus dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

11 Oktober 2015



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA